



**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**

*House of Representatives*

**PARLIMEN KELAPAN**

*Eighth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**

*Third Session*

## **KANDUNGAN**

### **JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN:**

[Ruangan 5991]

### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT:**

[Ruangan 6109]

### **USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:**

Penjualan Tanah di Bukit Kiara oleh DBKL [Ruangan 6104]  
kepada KL Golf & Country Club  
—Y.B. Tuan Wee Choo Keong (Bukit Bintang)

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan [Ruangan 6109]  
(Pindaan) 1993

Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan) 1993 [Ruangan 6175]

### **USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan [Ruangan 6174]  
daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan

## **KANDUNGAN—(Samb.)**

### **UCAPAN PENANGGUHAN:**

**Pembinaan Padang Golf di Kawasan Hutan Asli  
di Bukit Fraser dan Jelebu  
—Y.B. Dr. Kua Kia Soong (Petaling Jaya)**

**[Ruangan 6247]**



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN  
1996

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, **DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD**, D.K.1., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, **TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA** (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, **DATO' SERI DR. LING LIONG SIK**, S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

” Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATO' SERI S. SAMY VELLU**, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

” Menteri Perusahaan Utama, **DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK**, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

” Menteri Kerja Raya, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK**, P.N.B.S. (Kanowit).

” Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, **DATO' SERI RAFIDAH AZIZ**, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

” Menteri Pendidikan, **DATUK AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD**, S.I.M.P., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

” Menteri Pertanian, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID**, S.S.S.A., D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

” Menteri Kewangan, **DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM**, S.S.A.P., S.S.S.A. (Permatang Pauh).

” Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, **DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR**, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

” Menteri Kesihatan, **DATO' LEE KIM SAI**, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

” Menteri Pertahanan, **DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK** (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.M.S. (Pekan).

” Menteri Penerangan, **DATO' MOHAMED BIN RAHMAT**, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., (Pulai).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- " Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- " Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR. MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- " Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- " Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- " Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- " Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- " Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- " Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- " Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- " Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).

- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).
- ” Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- ” Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- ” Timbalan Menteri Pendidikan, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- ” Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- ” Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' MOHAMED FARID BIN ARIFFIN, D.S.P.N. (Balik Pulau).
- ” Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- ” Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- ” Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- ” Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- ” Timbalan Menteri Pendidikan, DR. FONG CHAN ONN (Selandar).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO’ CHAN KONG CHOY (Lipis).
- ” Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO’ M. MAHALINGAM (Kapar).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO’ ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO’ MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO’ ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO’ MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO’ HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO’ K. KUMARAN (Tapah).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATUK S. S. SUBRAMANIAM, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- ” TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- ” DATO’ ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- ” TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

- Yang Berhormat TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- ” DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- ” TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- ” DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- ” DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- ” TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- ” DATO’ DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- ” TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- ” TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- ” TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- ” DATO’ ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- ” DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- ” TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- ” TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).
- ” DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- ” DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- ” TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- ” TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- ” TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- ” TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- ” TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- ” DR. V. DAVID (Puchong).
- ” TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- ” TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- ” TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- ” TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- ” TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- ” TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- ” TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- ” TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).

- Yang Berhormat TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- " TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- " CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- " LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- " PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- " TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- " DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS, D.I.M.P. (Rompin).
- " TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- " TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- " TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- " TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- " TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- " TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- " DR. KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- " TUAN LAI LUNG TZEE (Sandakan).
- " TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- " TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- " TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- " TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- " TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- " TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- " PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- " DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- " TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- " TUAN MAIDOM P. PANSAL (Kota Belud).
- " DR. T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- " TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- " TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- " DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- " TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- " TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- " TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bharu).
- " DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

Yang Berhormat DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K.  
(Sepang).

- " TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- " DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P.,  
P.M.P., A.M.P. (Larut).
- " DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- " TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K.,  
S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.S.T.J.  
(Limbawang).
- " TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- " DR. NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- " TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- " TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- " DR. OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- " DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- " TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- " DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- " DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- " DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M.,  
K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- " TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- " PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- " Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M.,  
S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- " TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- " PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- " TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- " TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- " DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- " TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- " TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- " PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- " TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- " TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- " DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- " TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

Yang Berhormat DR. TAN SENG GIAW (Kepong).

- " TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- " TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- " WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- " WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- " TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- " WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- " TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- " DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- " TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- " TUAN WONG WING ON (Kampar).
- " TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- " TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- " TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- " TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- " TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

- Setiausaha Dewan Rakyat* : Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P., J.S.M.
- Ketua Penolong, Setiausaha* : Haji Tajjadin bin Saberan.
- Penolong Setiausaha* : Abdullah bin Abdul Wahab.
- Penolong Setiausaha* : Zamani bin Haji Sulaiman.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

- Pegawai Penerbitan* : Ramaswamy.
- Penolong Penyunting* : Hajah Shamsiah binti Md. Yusop.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

- Haji Suhor bin Husin.
- Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.
- Supiah binti Dewak.
- Ismail bin Haji Hassan.
- Hajah Kalsom binti Ghazali.
- Mohamed bin Osman.
- Norishah binti Mohd.Thani.
- Zaharah binti Naim.
- Su Soon Chuan.
- Norwahidah binti Azizi.
- Rozita binti Abd. Samad.
- Jainah binti Sakimin.
- Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

### BENTARA MESYUARAT

- Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim
- Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

Selasa, 3hb Ogos 1993

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Timbalan Yang di-Pertua mem-  
pergunakan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

**KURSUS PEPERIKSAAN  
SIJIL AMALAN GUAMAN  
(CPL)—KRITERIA PEMILIHAN**

1. **Puan Lim Lay Hoon** minta Menteri Pendidikan menyatakan sebab-sebab menghadkan pengambilan pelajar mengikut kursus pengajian untuk Peperiksaan Sijil Amalan Guaman (CLP) yang dijalankan di UM. Sila nyatakan kriteria pemilihan pelajar-pelajar untuk mengikuti kursus tersebut.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Fong Chan Onn):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan terpaksa menghadkan pengambilan pelajar untuk mengikuti kursus Peperiksaan Sijil Amalan Guaman (CLP) disebabkan kekurangan tempat. Jesteru itu, pelajar terpaksa dipilih atas dasar 'first come, first serve.'

Di antara kriteria pengambilan untuk mengikuti kursus CLP ialah pelajar mestilah mempunyai ijazah Sarjana Muda Undang-undang dan pelajar juga dikehendaki mengambil

dan lulus peperiksaan yang dikendalikan oleh Lembaga Kelayakan Malaysia.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kepada apa yang telah pun dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, katalah kalau tempat di Universiti Malaya tidak mencukupi, adakah Kerajaan bercadang untuk melantik sebuah maktab yang menjalankan kursus-kursus swasta seperti twinning courses, dengan izin, untuk menjalankan CLP ini supaya semua yang dapat ijazah, sama ada first class degree, second class degree ataupun third class degree, Bachelor of Law, dapat menjalankan kursus CLP supaya mereka dapat "practice" selepas mereka menghabiskan peperiksaan itu.

Kedua, walaupun mengikut Yang Berhormat Timbalan Menteri, pengambilan pelajar-pelajar ini adalah berdasarkan kepada "first come, first serve basis", saya diberitahu bahawa ramai pelajar yang mendapat LL.B Third Class Honours, tidak dapat mengikuti kursus CLP ini walaupun mereka telah berdaftar dengan Universiti Malaya. Jadi, sila berikan sedikit sebanyak sebab-sebabnya. Terima kasih.

**Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sungguhpun Universiti Malaysia adalah terhad di dalam memberi kemudahannya, tetapi

universiti itu juga telah memperluaskan bilangan calon yang diambil, iaitu lebih luas dari yang dijadualkan. Contohnya, pada tahun 1993, UM telah memberi tempat kepada seramai 450 calon untuk mengikuti kursus tersebut dengan pinjaman kemudahan dari fakulti yang lain. Oleh kerana Universiti itu adalah menjalankan kursus itu atas permintaan lembaga dan Bar Council dan atas persetujuan pihak-pihak berkenaan, universiti itu dengan jasa baiknya telah menjalankan kursus itu pada pihak mereka.

Memang kalau pihak mereka ada cadangan yang lain untuk menjalankan kursus tersebut, termasuklah melantik maktab-maktab dari swasta. Saya rasa Kementerian Pendidikan memang boleh menimbangkan cadangan tersebut, asalkan kualiti atau tuisyen yang diberi itu adalah memuaskan. Memang kita mengamalkan dasar "first come, first serve" dan di sini kalau Ahli Yang Berhormat boleh memberi saya contoh-contoh di mana dasar tersebut tidak diikuti, kita akan mengkaji dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada benar atau tidak bahawa Universiti Malaya, semasa menjalankan CLP ini telah mengenakan had kuota ke atas pelajar-pelajar yang lulus dalam peperiksaan CLP, iaitu sepanjang tahun CLP ini diadakan hanya kira-kira 20%—30% pelajar-pelajar yang dibenarkan lulus dalam Peperiksaan CLP. Kalau tidak, apakah pelajar-pelajar yang lulus dalam CLP ini hanya terhad kepada lingkungan angka 20% atau 30%.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada benar ataupun tidak bahawa pihak Kerajaan

sekarang tidak membenarkan pelajar-pelajar yang lulus dalam ijazah undang-undang dari negara Australia untuk terus masuk practice, dengan izin, di mahkamah Malaysia, tetapi perlu mengambil CLP terdahulu sebelum dibenarkan berbuat demikian. Kalau ya, apakah sebabnya? Adakah semua universiti di Australia itu Ijazah undang-undangnya diiktirafkan oleh Kerajaan Malaysia, seperti Bonn University? Sekian.

**Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa dakwaan itu adalah tidak benar dan Universiti Malaya memang tidak melaksanakan satu dasar kuota di mana hanya sebahagian sahaja yang boleh lulus. Kalau semua calon itu prestasi mereka memuaskan, maka mereka akan diluluskan dan peratus kelulusan ini adalah mengikut kes-kes atau merit sahaja dan bukan mengikut kuota.

Sama ada kelayakan dari Australia itu diiktiraf, izinkan saya menerangkan di sini bahawa kelayakan untuk, dengan izin, practise law di Malaysia ini adalah mengikut kelayakan yang ditentukan oleh Bar Council. Jadi, itu adalah di luar dari Kerajaan. Sama ada degree atau ijazah universiti-universiti tertentu di Australia diterima oleh Bar Council tersebut sebagai kelayakan untuk practise, saya tidak boleh tentukan di sini dan tidak boleh saya jawab. Saya mintalah notis atas universiti-universiti tertentu, khususnya tentang Bonn University itu.

### **WANG PALSU—KEYAKINAN AWAM TERHADAP BANK NEGARA**

**2. Tuan Chor Chee Heung:** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) menurut pengetahuan Kerajaan adakah wang palsu dalam

denominasi RM50 yang dikesan baru-baru ini akan menjejaskan keyakinan awam terhadap Bank Negara;

- (b) mengikut siasatan (jika ada) berapakah jumlah wang palsu yang berkualiti tinggi yang didapati berada dalam pasaran;
- (c) apakah tindakan yang telah diambil untuk memastikan supaya wang palsu tidak mudah ditiru dan dikeluarkan lagi; dan
- (d) dari manakah wang palsu yang telah dikesan ini diusahakan dan adakah ia dilakukan oleh sindiket dalam negara.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, antara peranan utama Bank Negara Malaysia ialah mengeluarkan matawang, menjadi jurubank dan penasihat kepada Kerajaan dan menjaga kestabilan kewangan negara.

Matawang palsu dalam denominasi RM50 yang dikesan baru-baru ini tidak akan menjejaskan keyakinan awam terhadap Bank Negara kerana matawang kertas palsu tersebut didapati tidak setanding mutunya dengan matawang kertas tulen yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Antara perbezaan utama antara wang kertas palsu dengan wang kertas tulen termasuklah kualiti kertas yang lebih tinggi, potret tanda bayang Yang di-Pertuan Agong yang lebih jelas dan benang keselamatan, dengan izin, stardust yang lebih tinggi kualitinya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Negara telah pun membuat kenyataan akhbar mengenai perbezaan ciri-ciri yang terdapat dalam

matawang palsu RM50 ini. Dengan cara ini, orang ramai dapat mengenalpasti matawang yang palsu dan tidak akan mudah ditipu

Bahagian (b), sehingga 14hb Julai baru-baru ini sejumlah 148 keping matawang palsu RM50 yang berkualiti tinggi telah dikesan di negara kita. Nilainya ialah RM7,400 dan ini adalah satu jumlah yang amat kecil berbanding dengan keseluruhan jumlah not RM50 dalam edaran sebanyak kira-kira RM4.6 ribu juta.

Mengenai bahagian (c), untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Negara dari masa ke semasa memperbaiki serta menambah ciri-ciri keselamatan dalam wang kertas apabila membuat penempahan daripada pencetak luar negeri. Ciri-ciri keselamatan ini sukar untuk ditiru oleh sindiket pemalsuan wang kertas. Di samping itu, Bank Negara juga sentiasa bekerjasama dengan pihak Polis bagi membasmi kegiatan pemalsuan wang kertas.

Berkaitan dengan bahagian (d), walaupun ada pihak yang mengesyaki bahawa wang ini dicetak dalam Malaysia, setakat ini belum ada bukti yang menunjukkan bahawa wang tersebut dibuat dalam negara kita. Adalah dipercayai pada ketika ini, sindiket pengeluaran matawang palsu ini beroperasi di luar negeri.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita dimaklumkan bahawa Bank Negara tidak dapat mengadakan ciri keselamatan yang khusus kepada wang syiling ataupun coin RM1 itu, yang mana baru-baru ini telah dilaporkan bahawa telah diedarkan berjuta-juta keping dalam pasaran dan Bank

Negara tidak dapat berbuat apa-apa. Dimaklumkan juga bahawa kos untuk membuat wang syiling ini hanya 30 sen. Jadi, pengeluar boleh untung 70 sen. Jadi, apakah tindakan diambil supaya Bank Negara memikirkan cara lain ataupun menukarkan balik wang RM1 ini kepada wang kertas dan tidak kepada coin RM1 yang mana kita dapati tidak dapat dibezakan dengan sebenar di antara yang palsu dan yang benar?

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, setelah dirujuk kepada Jabatan Kimia, didapati hanya 3 wang syiling RM1 adalah palsu; dua di Sabah dan satu di Kelantan, Semenanjung Malaysia. Kesemua yang lain merupakan wang syiling RM1 yang tulen.

Sebenarnya sedikit confusion, dengan izin, berlaku oleh kerana terdapat dua jenis wang syiling RM1 dalam edaran pada masa ini. Pada tahun 1989, Kerajaan telah menempah 400 juta coins dari Kanada dan oleh kerana pada tahun 1992 coins ini sudah kehabisan, maka Kerajaan menempah lagi 100 juta coins secara tender terbuka (international tender). Dalam tender tersebut, syarikat dari Chile telah memenangi tender. Oleh hal yang demikian, terdapat pada hari ini dua sumber bekalan syiling RM1; 400 juta keping daripada Kanada dan 100 juta keping dari Chile.

Terdapat sedikit sebanyak perbezaan antara kedua-dua syiling tersebut khususnya dari segi ketebalannya dan daripada segi colour ataupun warna wang syiling tersebut. Tetapi ingin saya tegaskan bahawa ciri-ciri keselamatan yang ada adalah mencukupi dan setakat ini kita hanya mengesahkan tiga sahaja wang syiling yang palsu iaitu dua di Sabah dan satu di Kelantan. Yang lain yang dalam edaran adalah sah dan tulen.

**Tuan Lau Dak Kee:** Soalan tambahan. Nampaknya wang palsu atau wang tulen telah mengelirukan kita. Di sini juga saya hendak tahu apabila saya pegang RM50 ini, (*Sambil menayang sekeping RM50*) adakah wang palsu atau wang tulen, saya tidak dapat pastikan kerana yang dikatakan oleh Kerajaan bahawa ada 148 keping wang palsu yang berkualiti tinggi. Berkualiti maknanya hampir sama dengan wang yang tulen di sini. Maka langkah-langkah patut diambil sekarang.

Di sini saya juga hendak tahu, sama ada wang palsu mengelirukan kita atau Bank Negara yang mengelirukan kita? Sebab di sini dikatakan Ringgit Malaysia tetapi wang ini tidak nampak ada atau tidak ada cetak Ringgit Malaysia, hanya \$50 sahaja? "RM" tidak ada tetapi "\$" ada. Saya hendak tahu sama ada bilakah Kerajaan akan dapat mengatasi kekeliruan ini di mana Kerajaan akan mencetak wang baru selaras dengan apa yang dikatakan daripada Kerajaan Barisan Nasional, tukar daripada "\$" kepada "RM". Adakah ini wang palsu saya pun tidak tahu? Saya hendak minta penjelasan daripada Kerajaan.

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa bilangan wang palsu RM50 dalam edaran adalah kecil 148 keping yang ada bernilai hanya RM7,400 sahaja berbanding dengan jumlah dalam edaran RM4.6 bilion. Jadi, jelas kepada kita bahawa bilangannya amat kecil sekali.

Yang keduanya berkaitan dengan ciri-ciri keselamatan. Ada empat ciri keselamatan yang terpenting yang membezakan wang tulen dengan wang palsu. Yang pertama, potret tanda bayang Yang di-Pertuan Agong. Kalau

kita lihat dalam space kosong ini, (*Sambil merujuk kepada sekeping wang tulen RM50*) gambar Agong ini jelas tetapi yang palsu tidak jelas; ia macam dilukis. Ini gambar yang cantik, gambar yang dilukis itu tidak cantik.

Yang keduanya, benang keselamatan (stardust). Di tengah-tengah ada satu benang yang dipanggil stardust yang tulen dan kalau kita kikis dengan tangan tidak keluar tetapi yang palsu, jikalau kita kikis dengan tangan, stardust di tengah-tengah ini akan keluar. Itu ciri keselamatan yang kedua.

Yang ketiga, ada huruf Bank Negara di penjur. Di penjurunya ada huruf Bank Negara di keempat-empat penjur tetapi ini kena masuk ke dalam mikroskop, Ipoh tidak Nampak. (*Ketawa*) Jadi, wang palsu tidak ada ciri tersebut.

Akhirnya, ciri keempat yang terpenting ialah imej pendam. Kalau kita lihat macam itu, kita nampak imej RM50. Selepas ini saya jumpa Ipoh untuk beri penjelasan.

**Seorang Ahli:** Ipoh mali semua palsu!

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Itu antara ciri-ciri utama yang membezakan tulen dengan palsu. Akhirnya sama ada wang ini adalah tulen ataupun palsu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan sedang diambil untuk mengubah semua matawang kita ini kepada Ringgit Malaysia tetapi ini mengambil masa sedikit kerana sekarang terdapat kira-kira RM13 ribu juta dalam edaran—satu angka yang amat besar dan ini mengambil masa sedikit.

### KEKURANGAN RUMAH DI WILAYAH PERSEKUTUAN— RANCANGAN DBKL

**3. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada DBKL sedar di atas kekurangan rumah-rumah untuk rakyat sama ada untuk disewa atau dibeli di Wilayah Persekutuan memandangkan DBKL tidak lagi membina rumah-rumah pangsa baru sedangkan permintaan untuk menyewa atau membeli semakin bertambah, apakah perancangan DBKL mengatasi permasalahan tersebut.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memang sedar mereka kekurangan rumah-rumah untuk disewa atau dijual di Wilayah Persekutuan.

Mengikut anjuran di dalam Pelan Struktur Kuala Lumpur, purata tahunan bagi keperluan perumahan adalah sebanyak 15,000 unit setahun dan adalah dijangkakan bahawa keperluan ini dapat dipenuhi sebahagian besarnya dari pihak swasta.

Sehingga ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menguruskan lebih kurang 34,000 unit rumah pangsa kos rendah yang disewakan kepada golongan berpendapatan rendah. Dalam Rancangan Malaysia Keenam, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dijangka hanya dapat membina lebih kurang 2,800 unit rumah kos rendah melalui pinjaman daripada Kerajaan.

Pada masa ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menghadapi masalah pelaksanaan pembinaan rumah kos rendah kerana kos telah meningkat di

antara RM35,000 seunit dan RM44,000 seunit, manakala harga jualan telah ditetapkan tidak melebihi RM25,000 seunit.

Oleh hal yang demikian, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedang mengkaji semula sama ada dasar penjualan rumah murah, rumah pangsa yang telah dilaksanakan sejak 1983 sesuai diteruskan semasa kita menghadapi masalah kekurangan rumah kos rendah berbanding permintaan yang semakin meningkat.

Kekurangan tanah-tanah Kerajaan dan pertambahan penduduk setinggan menambahkan lagi masalah perumahan yang dihadapi. Walau bagaimanapun, dasar DBKL mengenakan syarat supaya pihak pemaju perumahan menyediakan sekurang-kurangnya 30% rumah kos rendah dan syarat yang lebih ketat kepada pemaju yang terlibat secara usahasama dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan terus dijalankan.

Pada masa hadapan rancangan perumahan awam dilaksanakan berdasarkan kemampuan bakal pembeli. Cadangan Kerajaan menubuhkan bank khas bagi pembeli-pembeli rumah kos rendah dijangka dapat membantu mempercepatkan pembinaan rumah-rumah tersebut. Pembangunan yang komprehensif kepada tanah-tanah Kerajaan yang masih ada dan pembangunan semula tanah tapak rumah panjang juga akan menambahkan bilangan rumah.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pusat bercita-cita menjadikan Malaysia sebuah negara maju pada tahun 2020. Manakala DBKL adalah lebih bercita-cita daripada Kerajaan Pusat dari segi pembasmian rumah setinggan, iaitu DBKL yang berhasrat membebaskan

Kuala Lumpur dari rumah setinggan pada tahun 2000; tetapi semua orang termasuk Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu cita-cita ini tidak akan ditunaikan, tidak akan menjadikan satu hakikat kerana selama ini Kerajaan telah gagal dalam perancangan perumahan awam untuk keluarga-keluarga setinggan dan orang miskin tanpa rumah.

Soalan saya, memandangkan DBKL hanya dapat menempatkan semula 10,000 keluarga setinggan sejak tahun 1979 dalam 14 tahun ini, macam manakah Kerajaan dapat meyakinkan kita semua bahawa masih ada 30,000 keluarga setinggan yang belum ditempatkan semula akan diperuntukkan perumahan awam dalam 7 tahun yang akan datang?

**Seorang Ahli:** Tak tahu!

**Tuan Tan Kok Wai:** 14 tahun hanya menempatkan semula 10,000 orang; macam mana 30,000 orang dapat ditempatkan semula dalam 30 tahun? DBKL hanya berminat dan memberi galakan untuk pembinaan kondominium!

**Beberapa Ahli:** Ya, ya, betul!  
(*Disampuk*)

**Tuan Tan Kok Wai:** Country and Golf Club, bukan rumah awam. Macam mana dapat meyakinkan kita? Soalan yang kedua. . . . . (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Lupa Yang Berhormat? (*Ketawa*)

**Tuan Tan Kok Wai:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tersilap ya. Dia sudah lupa (*Ketawa*)

**Tuan Tan Kok Wai:** Ya, soalan yang kedua, alasan-alasan yang diberikan

oleh Kerajaan tidak dapat merancang projek perumahan awam kerana harga dan subsidi tinggi. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau Kerajaan boleh dan mampu menanggung kerugian-kerugian akibat penyalahgunaan kuasa, rasuah—misalnya tawaran Kelab Golf Bukit Kiara, mengapa tidak dapat menanggung subsidi untuk menjaga kebajikan dan kebahagiaan orang miskin yang tidak memiliki rumah? sila jawab! (*Ketawa*)

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya sudahpun menjawab seluruh teka-teki Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi tadi. Hanya saya hendak betulkan satu perkara sahaja—beliau mengatakan 30,000 setinggan. Sebenarnya hanya 15,000 sahaja yang tinggal sekarang ini. 15,000 sudah selesai, tetapi perancangan akan terus kita buat. Yang Berhormat pun sendiri yakin dengan kemampuan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan saya hendak beritahu bahawa pada tahun 2000 kita akan dapat menyelesaikan pembinaan 50,000 unit dalam jangka 10 tahun ini.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan, apakah benar bahawa kelambatan Dewan Bandaraya mewujudkan rumah kos murah untuk setinggan-setinggan khususnya adalah disebabkan kebanyakan tanah-tanah kepunyaan Bandaraya telah dicerobohi oleh setinggan itu sendiri dan setinggan-setinggan tidak memberi kerjasama yang positif apabila usaha hendak membangunkan kawasan yang terlibat tersebut? Ini lebih merumitkan lagi bila ada pihak-pihak tertentu daripada belakang, dan apabila pihak

Dewan Bandaraya bertindak, mereka mengatakan ini satu tindakan yang boleh menzalimi para setinggan. Manakala pada masa yang sama, mereka ingin melihat setinggan-setinggan mempunyai rumah yang baik untuk kediaman mereka.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Adalah benar bahawa di dalam rancangan re-settlement of squatters scheme yang terdapat dalam Wilayah Persekutuan ini atau pembangunan semula tanah-tanah setinggan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur berdepan dengan berbagai masalah. Lebih-lebih lagi kebelakangan ini terdapat satu persatuan yang diberi nama Persatuan Peneroka Bandar yang dipengerusikan oleh Profesor Syed Hussein yang telah menuduh dan mendakwa Kerajaan begitu zalim menghalau setinggan-setinggan. Tetapi dalam usaha kita untuk membangunkan Kuala Lumpur sebagai satu bandar yang lebih canggih dengan perancangan perumahan yang lebih baik, re-settlement of squatters scheme ini perlu dibuat, lebih-lebih lagi kalau dapat kita selesaikan re-development ini, tentulah kita akan dapat memberi kemudahan perumahan kepada golongan berpendapatan rendah.

Hambatan yang kita hadapi dengan puak ini—dengan puak Persatuan Peneroka Bandar. Tetapi saya hendak beri keyakinan kepada Ahli Yang Berhormat Pasir Mas bahawa kita tidak hirau sangat dengan persatuan ini kerana kalau pun persatuan ini ingin menghalang rancangan Kerajaan, bagi kesejahteraan Kuala Lumpur ini Kerajaan akan terus membina rumah-rumah tersebut.

#### **KUALA LUMPUR DIJADIKAN SEBAGAI PUSAT MEDIA SERANTAU—CADANGAN**

**4. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai Pusat Media Serantau selepas Hong Kong diambil-alih oleh Beijing menjelang tahun 1997. Jika ya, apakah sebab-sebabnya dan jika tidak, mengapa.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan komunikasi dan penglibatan aktif negara kita untuk memajukan sektor komunikasi adalah penting dalam perkembangan dunia semasa.

Kerajaan telah mempelawa pusat media antarabangsa untuk menubuhkan pejabat serantau mereka di Kuala Lumpur. Kerajaan mengamalkan sikap liberal dalam mengendalikan media antarabangsa dan penubuhan pejabat mereka di Malaysia akan membolehkan agensi-agensi media ini memahami dengan lebih mendalam akan hasrat Kerajaan dan aspirasi rakyat.

Dalam hubungan ini, perbincangan telah diadakan dengan beberapa pertubuhan media antarabangsa yang terkemuka. Pertubuhan-pertubuhan media ini menyambut baik akan tawaran Kerajaan Malaysia dan telah memohon supaya mereka diberi masa untuk meneliti akan perkara tersebut. Tujuan menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat media antarabangsa adalah untuk membolehkan Malaysia memainkan peranannya yang lebih bermakna dalam hal ehwal serantau

dan antarabangsa. Selain daripada itu, usaha ini akan membantu perkembangan sektor perkhidmatan negara.

Di samping itu, agensi-agensi berita yang mempunyai pejabat serantau di Kuala Lumpur dapat membuat liputan yang lebih tepat mengenai Malaysia berbanding dengan keadaan sekarang di mana mereka memperoleh maklumat dari sumber kedua atau pun ketiga, yang lazimnya tidak tepat dan menampakkan prejudis yang tidak berasas. Dengan adanya pejabat-pejabat media antarabangsa di Malaysia, rakyat Malaysia juga akan mendapat pendedahan yang lebih luas dalam sektor media antarabangsa dan seterusnya akan mendapat latihan yang secukupnya dalam teknologi komunikasi.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat media antarabangsa akan mendatangkan dua perkara, mungkin bertentangan. Yang pertama, membuka Malaysia kepada semua media massa antarabangsa mungkin akan mendapat laporan yang baik dan terperinci. Di sebaliknya pula, kita membuka media massa datang ke Malaysia mungkin mereka akan membuat laporan negatif juga kepada negara kita. Jadi, dalam konteks yang sama adakah Kementerian bercadang untuk memberi satu garis panduan selaras dengan Dasar Penerangan Negara yang bakal dirancangkan itu ataupun bagaimana?

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana dinyatakan oleh Jacques Alouie, seorang sosiologis Perancis,

dia menyatakan semua pembangunan akan membawa dua akibat—satu kebaikan dan satu lagi keburukan kepada masyarakat. Asalkan kita boleh mengawal keburukan dan kebaikan melebihi keburukan, tentunya ia mendatangkan manfaat kepada rakyat umum.

Sama ada Kementerian akan mengawal atau tidak, Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli Yang Berhormat mengatakan, memang Dasar Penerangan Kebangsaan adalah bermatlamat untuk mengawasi kesemuanya dan saya mempunyai keyakinan bahawasanya kebaikan yang didatangi oleh media antarabangsa ini ke negara kita adalah lebih daripada keburukan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar, bahawa kalau Malaysia mahu berjaya untuk menjadi pusat media serantau atau pusat media antarabangsa yang pernah diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ada tiga pra-syarat yang perlu dipenuhi. Yang pertama ialah perlu mengadakan kebebasan akhbar dalam tanah air kita. (*Tepuk*) Bagaimana kita boleh wujudkan suasana-suasana dan syarat-syarat untuk Regional Media Centre sedangkan tanah air kita tidak ada kebebasan akhbar di mana hak-hak untuk menyuarakan defense atau pandangan yang berbeza sedikit dan “dibunuh” baru membenarkan “penulis pelacur” bermaharajalela sebagai pengarang kumpulan dalam tanah air kita. Kedua, benar bukan sahaja dalam printed media tetapi juga electronic media, radio, televisyen, semua dikuasai oleh Kerajaan atau pihak parti politik yang berhubung kait

dengan parti memerintah, menunjukkan tidak ada kebebasan akhbar. Yang pertama, pra-syarat tidak ada.

Kedua, pra-syarat ialah Kerajaan perlu berani menghadapi cabaran teknologi-information age. Sekarang Kerajaan takut membenarkan satellite disc sungguhpun Yang Berhormat Menteri kata ia ada keluar menulis, paper after paper tetapi masih diharamkan, satellite disc takut dibenarkan oleh kerana takut menghadapi cabaran information technology; dan ketiga, adakah. . . . (*Diganggu*): Tiga pra-syarat, apa dua? Itu soalan tambahan pertama. (*Ketawa*)

Tiga pra-syarat dan pra-syarat ketiga ialah bahawa kita perlu ada undang-undang yang boleh menggalakkan media yang bebas tetapi sekarang kita ada undang-undang yang menghakiskan hak-hak bersuara semacam Printing Presses Ordinance, semacam Internal Security Act, Official Secrets Act (OSA), semua korupsi pun diperlindungi oleh Official Secrets Act (OSA), adakah Kerajaan supaya kita mahu berjaya jadi Regional Media Centre tukar semua dasar supaya ketiga-tiga pra-syarat ini boleh dipenuhi?

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, sama ada Kerajaan bersedia tukar dasar, saya rasa tergantung kepada rakyat. Kalau rakyat memilih DAP, tentunya DAP akan mengadakan dasar yang berlainan tetapi perkara ini tidak mungkin berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang dibentangkan terutamanya berkenaan kebebasan akhbar. Saya berani menyatakan bahawa dalam dunai ini tidak ada dunia

yang tidak ada undang-undang. Kebebasan tidak bererti kebebasan mutlak. It is relative dan pada saya relativiti dalam konteks Malaysia kita mempunyai kebebasan akhbar yang relatif.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ketua Pembangkang mengatakan tadi bahawa dalam Malaysia ini ada penulis-penulis ataupun wartawan-wartawan ataupun editor-editor "pelacur". Saya tidak ada jawapan kepada soalan ini kecuali menyatakan bahawasanya it takes a thief to catch a thief. (*Ketawa*)

Dalam masalah teknologi information ataupun information age, memang benar Kerajaan belum lagi memberi pertimbangan meluluskan penggunaan satellite disc ataupun cakera satelit. Ini tidak bererti bahawasanya kita tidak langsung menerima kemasukan teknologi yang baru, yang canggih yang boleh mempertingkatkan penyebaran information dalam negara kita. Sebenarnya Kerajaan telah menimbang dan merasakan belum lagi sampai masa bagi kita mengizinkan penggunaan parabola disk. Ini adalah kerana kita mengkaji sensitiviti dalam negara kita. Sebenarnya negara-negara lain di Peranchis, di Europe dan termasuk di Amerika sekalipun sedang mengkaji kebaikan dan keburukan penggunaan open sky policy. Jadi oleh itu kita tidak perlu mengikut-ikut orang lain. Kita ada standard kita sendiri dan kita ikut standard yang kita perlu lalui.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah satellite disc ini, ianya melibatkan spill-over of information, dengan izin, dan banyak information dumping, inbalance flow of information yang kebanyakannya

datang dari Barat yang kadangkala maklumat-maklumat itu adalah ketara bertentangan dengan kebenaran yang berlaku. Pada saya ianya perlu kepada penapisan. Oleh kerana itu perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang, sepertimana yang saya katakan tadi tidaklah begitu relevan kepada pertumbuhan ataupun hasrat kita untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai Pusat Media Regional.

#### **GETAH—KAJIAN MENINGKATKAN PRODUKTIVITI**

**5. Dr. T. Marimuthu** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan berapa luaskah kawasan penanaman getah di negara ini pada tahun 1990 dan 1992. Apakah kajian-kajian yang dibuat oleh Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti getah dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menstabilkan pengeluaran getah di negara ini.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor):** Tuan Yang di-Pertua, luas kawasan tanaman getah dalam tahun 1990 adalah 1.83 juta hektar dan dalam tahun 1992 kawasan getah telah menurun kepada 1.81 juta hektar.

Untuk meningkatkan produktiviti getah Kerajaan telah menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan seperti berikut:

- (a) meningkatkan produktiviti melalui peningkatan hasil dengan penemuan klon-klon berpenghasilan tinggi;
- (b) memendekkan tempoh muda pokok getah;

- (c) mengurangkan kos pengeluaran di semua peringkat termasuk pengeluaran, pemprosesan dan pembuatan;
- (d) mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh dengan penggunaan sistem penorehan yang menjimatkan tenaga;
- (e) meneruskan pemindahan teknologi kepada pekebun kecil dengan berkesan dan cepat;
- (f) menaikkan mutu teknikal getah asli untuk memenuhi permintaan pengguna yang memilih;
- (g) menyediakan sokongan teknikal yang berkesan kepada industri getah; dan
- (h) mencari kegunaan-kegunaan baru getah asli dan mendapatkan getah baru.

Yang ketiga, penemuan-penemuan penyelidikan tersebut membantu meningkatkan pengeluaran dan hasil getah. Dengan itu dalam masa jangka panjang pengeluaran getah boleh distabilkan walaupun kawasan tanaman getah menurun.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa lalu dikatakan ada satu jurang di antara tahap produktiviti di sektor estet dan di sektor pekebun kecil iaitu di sektor pekebun kecil lebih kurang setengah daripada produktiviti di sektor estet. Apakah jurang ini telah diperbetulkan ataupun diperbaiki dan jikalau ia diperbaiki apakah pencapaian, iaitu pencapaian peningkatan produktiviti pada sektor pekebun kecil yang telah dibuat selama ini?

Soalan kedua, Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita mendengar bahawa MARDEC akan pergi ke Vietnam untuk mengeluarkan getah. Apakah rasional-rasional untuk MARDEC pergi ke Vietnam ataupun ke Cambodia? Adakah ini ada kaitan dengan produktiviti di negara ini mencapai apa yang dikatakan tahap plateau.

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai jurang sehingga ini memang masih lagi ada di antara pekebun-pekebun kecil dengan pihak estet. Tetapi walau bagaimanapun, kalau hendak dibandingkan dengan 5 tahun yang lalu, jurang ini dikatakan beranggaran 20% hingga 30% lebih tinggi produktiviti estet daripada pekebun kecil. Tetapi dengan usaha RRI dan juga agensi-agensi Kerajaan yang lain, termasuk RISDA, FELCRA dan sebagainya, maka jurang ini cuma tinggal kadar 10% hingga 15% sahaja.

Mengenai MARDEC ke Vietnam atau ke negara-negara lain, ini adalah sejajar dengan Wawasan 2020, kita tidak akan memperluaskan kawasan tanah menanam getah di negara kita. Tetapi sebaliknya, kita memperluaskan kegunaan industri hiliran getah di negara dan ini untuk menstabilkan bahan-bahan mentah, maka kita cuba memperluaskan kegiatan kita di luar negara yang mutu teknologinya lebih rendah daripada kita. Dan kita cuba import dan re-export balik ke seluruh dunia.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Sejauhmanakah kemajuan produktiviti getah negara dapat menganiyai getah tiruan oleh negara-negara tertentu? Yang kedua,

berapakah kedudukan peratusan pengeluaran getah negara daripada pengeluaran getah dunia sekarang? Maksud saya, adakah kita masih dapat mempertahankan kedudukan menjadi pengeluar utama getah dunia?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, kedudukan getah tiruan pada suatu masa yang lalu, iaitu kira-kira 10 tahun yang lalu, berada di tahap yang begitu membimbangkan. Tetapi kini, setelah kemajuan teknologi getah asli di jalankan oleh pihak RRI dan juga agensi-agensi lain, saya nampak bahawa kemajuan getah tiruan tidak akan dapat menjejaskan kedudukan getah asli.

Masalah yang kedua, sebagaimana yang telah diketahui bahawa pada masa ini, Malaysia menduduki tempat ketiga dalam pengeluaran getah dunia. Pertama—Indonesia, yang kedua—Thailand dan yang ketiga —Malaysia. Tetapi perangkaan itu kadar 1% hingga 4% sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman.

*(Soalan No. 6—Y.B. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman tidak hadir)*

**ASKAR MALAYSIA BERTUGAS  
DI BAWAH PANJI-PANJI  
BANGSA-BANGSA BERSATU—  
SUMBANGAN KERAJAAN**

**7. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) jumlah anggota pasukan keselamatan yang telah

berkhidmat di bawah Panji-panji Bangsa-bangsa Bersatu sehingga ini;

- (b) dimanakah mereka telah dan sedang berkhidmat serta berapakah bilangan anggota yang telah terkorban; dan
- (c) apakah bentuk sumbangan Kerajaan kepada keluarga para anggota yang telah terkorban.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, penglibatan Angkatan Tentera Malaysia di bawah Panji-panji Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bermula semenjak tahun 1960 sehinggalah sekarang ini. Jumlah anggota pasukan keselamatan telah dan sedang berkhidmat sehingga ini adalah sebanyak 11,085 anggota. Pecahan adalah seperti berikut:

- (i) Telah Tamat Tugas — Seramai 9,191 anggota  
Masih bertugas — 1,894 anggota
- (ii) Negara-negara telah dan sedang berkhidmat adalah seperti berikut:  
Congo, Namibia, Iran/Iraq, Iraq/Kuwait, Sahara Barat, Kemboja, Mozambique, Angola dan Somalia.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang penglibatan Angkatan Tentera Malaysia di misi PBB ini, tidak ada anggota ATM yang terkorban atau terbunuh semasa menjalankan tugas. Walau bagaimanapun, dua anggota telah meninggal dunia di luar tugas iaitu seorang mati lemas di Congo dan seorang meninggal akibat malaria di Kemboja.

Sumbangan telah diberikan kepada anggota keluarga seperti berikut:

- (i) Memberi pencen bulanan dan ganjaran yang telah ditetapkan mengikut peraturan-peraturan yang sedia ada. PBB akan bayar balik secara pukal kepada Kerajaan Malaysia;
- (ii) Sumbangan daripada Lembaga Tabung Angkatan Tentera bagi anggota-anggota di peringkat bawahan ATM; dan
- (iii) Derma daripada Tabung Perwira dan Pertahanan Negara.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita dapati bahawa sejumlah askar kita yang berkhidmat di Kampuchea telah pun kembali ke tanah air. Saya ingin tahu adakah sekembalinya mereka ataupun sebelum mereka kembali telah pun mereka ini menjalani medical check-up, iaitu pemeriksaan perubatan supaya mereka ini tidak membawa pulang penyakit-penyakit berjangkit ataupun penyakit kelamin yang mungkin boleh memudaratkan keluarga mereka di sini.

Yang keduanya, pemergian, terdapat sekarang ini satu ura-ura bahawa Kerajaan akan menghantar satu pasukan peninjau untuk merisik keadaan sebenarnya di Bosnia. Dengan perkembangan terakhir di negara yang sedang dilanggar perang ini, apakah Kerajaan mungkin mengubah sikapnya dan adakah Kerajaan mahu menghantar sukarelawan-sukarelawan, termasuk dari mereka yang sekarang ini ataupun baru-baru ini mempolitikkan untuk pergi ke negara-negara Islam untuk berjuang sebagai pasukan sukarela?

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan**

**Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa apabila anggota kita ini telah menamatkan perkhidmatannya di Kampuchea atau di mana-mana pun juga, bila sampai ke Malaysia ini, mereka akan dilakukan pemeriksaan selama jangka masa yang munasabah sebelum mereka dibenarkan kembali ke anggota keluarga mereka ataupun ke kem-kem yang tertentu. Ini adalah untuk mengelakkan daripada mereka ini membawa penyakit yang boleh mendatangkan bahaya ataupun penyakit-penyakit yang boleh berjangkit.

Bagi bahagian kedua, soalan Yang Berhormat tadi, Kerajaan telah membuat keputusan akan menyertai ataupun bersama-sama dengan anggota-anggota lain sebagai berkhidmat di bawah Panji-panji PBB di Bosnia. Walau bagaimanapun, sehingga setakat ini, saya telah mendapat tahu adakah perubahan ataupun tidak dari segi dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan baru-baru ini.

Tentang sukarelawan ini untuk dihantar ke sana, kita mempunyai dasar untuk menghantarkan sukarelawan. Kalau kita menghantar pasukan kita ke Bosnia atau ke mana-mana tempat adalah terdiri daripada mereka yang telah cukup terlatih dan mempunyai kelengkapan yang memadai untuk mempertahankan diri mereka. Terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, apakah elaun khas yang diberikan kepada anggota-anggota pasukan yang berkhidmat di luar negeri di bawah Panji-panji Bangsa-bangsa Bersatu? Dan adakah Kerajaan berhasrat ataupun menimbang

memberi gaji dua kali daripada gaji biasa apabila mereka berkhidmat dalam tanah air kita sebagai satu penghargaan kepada mereka?

Kedua, apa pandangan Yang Berhormat terhadap soalan yang ada dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong yang sebenarnya dakwaan, tuduhan dan andaian bahawa anggota-anggota kita yang balik daripada perkhidmatan di bawah Panji-panji Bangsa-bangsa Bersatu bawa balik penyakit kelamin, AIDS dan lain-lain. Bolehkah Yang Berhormat memberi satu pendirian jelas supaya membersihkan nama baik anggota-anggota (*Tepuk*) keselamatan dan nama mereka tidak dicemarkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong (*Tepuk*) dan meminta dia minta maaf kepada semua anggota-anggota keselamatan yang berkhidmat di luar negeri. (*Tepuk*)

**Beberapa Ahli DAP:** Betul!

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, anggota kita yang bertugas di luar negeri di bawah Panji-panji Bangsa-bangsa Bersatu mendapat gaji bulanan seperti biasa. Dan semasa mereka bertugas di luar negeri, mereka mendapat elaun khas.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dari Parit Sulong bangun. Ada apa, Yang Berhormat?

**Beberapa Ahli DAP:** Tidak boleh!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Timbalan Menteri menjawab.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tidak! Ini tadi mengenai dari Ahli dari Tanjong, point of order. Saya bertanya dengan ikhlas sebagai satu preventive, sekiranya. Dia kaki pusing.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Yang Berhormat, beri kepada Timbalan Menteri.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** That is reflective of DAP yang kaki pusing.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Yang Berhormat, sila jawab Yang Berhormat. (*Ketawa*) Sila Yang Berhormat.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, anggota kita yang bertugas di luar negara ini iaitu di bawah panji-panji Bangsa-bangsa Bersatu ini, mereka mendapat gaji bulanan seperti biasa. Semasa mereka berada di sana, mereka akan diberikan elaun khas yang akan dibayar oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, elaun pakaian dan juga elaun-elaun lain seperti yang telah ditetapkan, jika sekiranya mereka menjalankan tugas di luar daripada negara ini. Amaunnya berbeza-beza di antara satu tempat dengan satu tempat. Jadi, saya tidak memberi maklumat terperinci kerana elaun-elaun ini berbeza juga di antara pangkat anggota-anggota tersebut.

Bagi bahagian yang kedua itu, saya sudah sebut bahawa setakat ini rekod menunjukkan tidak ada anggota kita yang terlibat membawa penyakit berjangkit. (*Tepuk*)

### **KILANG-KILANG HARAM— MASALAH KEKURANGAN TANAH**

**8. Tuan Liew Ah Kim** minta Perdana Menteri menyatakan pelan induk bagi menempatkan kawasan perindustrian ringan di Wilayah Persekutuan bagi mengekalkan kegiatan kilang-kilang haram. Nyatakan sama ada kerjasama akan diadakan dengan Kerajaan Negeri Selangor bagi menempatkan kilang-kilang haram di kawasan industri ringan di negeri itu, memandangkan Wilayah Persekutuan menghadapi masalah kekurangan tanah.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama yang digariskan di dalam pelan pembangunan industri di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah seperti berikut:

- (i) menyediakan pelan tindakan untuk penempatan penyusunan semula industri serta pembangunan semula kawasan industri yang sedia ada;
- (ii) menyediakan pelan pembangunan industri bagi tapak-tapak baru termasuk penilaian tapak dan perancangan terperinci; dan
- (iii) menyediakan kertas dasar perancangan strategik untuk melaksanakan pembangunan industri di Kuala Lumpur mengikut matlamat dasar pembangunan negara, Rancangan Malaysia Keenam dan pelan induk perindustrian.

Sehubungan dengan itu, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menetapkan dasar-dasar utama untuk industri ringan. Di antara dasar-dasar tersebut ialah:

- (i) membuat penyusunan semula industri mengikut penjenisan;

- (ii) menempatkan semula industri-industri kecil yang menduduki kawasan tanah Kerajaan dan tanah rizab sungai di kawasan lain yang dilengkapi dengan kemudahan awam;
- (iii) menyediakan lot-lot industri atau bangunan industri yang mencukupi;
- (iv) menggalakkan sektor swasta untuk melibatkan diri di dalam pembangunan industri;
- (v) menempatkan semula kilang-kilang seperti kilang papan, getah dan batu-bata kapur di luar kawasan Wilayah Persekutuan. Kawasan yang dikosongkan ini akan dibangunkan semula berdasarkan pelan pembangunan yang dicadangkan.

Selaras dengan dasar ini, satu jawatankuasa telah ditubuhkan. Jawatankuasa ini diurusetia oleh Urusetia Perancangan Lembah Klang, Jabatan Perdana Menteri.

Bagi jawapan kedua, kerjasama sentiasa diadakan dengan Kerajaan Negeri Selangor bagi menyelesaikan masalah tersebut. Kerjasama ini dapat dilihat dengan keahlian jawatankuasa yang telah ditubuhkan itu terdiri daripada jabatan dan agensi Kerajaan Negeri Selangor seperti Unit Perancangan Ekonomi Negeri Selangor, Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor dan Pejabat-pejabat Daerah di Negeri Selangor. Selain dari tapak-tapak di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, beberapa tapak di Negeri Selangor juga telah dikenalpasti seperti Kalumpang dan Batang Kali untuk kilang-kilang papan, Rasah dan Puchong untuk kilang logam dan Bukit Raja untuk lain-lain jenis kilang.

**Tuan Liew Ah Kim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya merasa sedih sedikit kerana jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri yang kawan baik saya. Sungguhpun Kerajaan ada Wawasan 2020, tetapi beribu-ribu kilang haram di Wilayah Persekutuan tidak ada sebarang vision atau wawasan. (*Diganggu*) Hujah-hujah itu kosong sahaja. (*Tepuk*) (*Ketawa*) Ada Unit Perancangan ataupun tempat-tempat untuk menempatkan mereka semula. Mana ada? Baru-baru ini, di kawasan pilihanraya saya di mana Kampung Satu ada lebih daripada 50 buah kilang-kilang haram. Mereka diminta pindah keluar daripada kawasan yang berkenaan sungguhpun kilang-kilang itu telah pun dijalankan selama 30 atau 40 tahun. (*Diganggu*) akibat perpindahan itu, adakah kerana Kerajaan atau JKR akan meningkatkan atau memperluaskan jalan Istana Negara yang ada sekarang?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat.

**Tuan Liew Ah Kim:** Apabila saya bawa. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Minta soalan Yang Berhormat.

**Tuan Liew Ah Kim:** . . . . .pekilang-pekilang . . . . .boleh latarbelakang sedikitlah. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Panjang sangat Yang Berhormat.

**Tuan Liew Ah Kim:** Oleh kerana hujah-hujah Kementerian itu ataupun Timbalan Menteri itu adalah kosong sahaja. (*Disorak*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Minta kemukakan soalan ya.

**Tuan Liew Ah Kim:** Apabila saya bawa mereka pergi jumpa Unit Perancang, (*Disorak*) (*Diganggu*) mereka diberitahu tidak ada tempat. Tapak industri ringan ataupun industri kecil tidak ada di dalam Wilayah Persekutuan, mahupun di Wilayah Persekutuan ataupun di Negeri Selangor. Tidak ada! Bahkan mereka terpaksa dipindah keluar tanpa sebarang pampasan ganti rugi. Dan juga. . . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, ada apa bangun Yang Berhormat?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya hendak tanya soalan.

**Tuan Liew Ah Kim:** . . . . .tidak ada tempat yang lain untuk menempatkan mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya hendak tanya soalan, kerana dia tidak ada soalan. Saya hendak tanya soalan sekarang. (*Disorak*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, nanti sekejap.

**Tuan Liew Ah Kim:** Duduklah Backbencher Club. (*Ketawa*) Ini ketua tidak guna. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Seputeh teruskan. Yang Berhormat, jangan panjang sangat Yang Berhormat. (*Ketawa*)

**Tuan Liew Ah Kim:** Soalan saya ialah adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu mempertahankan imej DBKL ataupun pihak yang berkenaan tentang tuduhan saya tadi itu? (*Ditepuk*) (*Ketawa*)

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, tuduhan Ahli Yang Berhormat daripada Seputeh tidak berasas. Jadi, saya tidak payah jawablah. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Parit.

**Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin:** Yang Berhormat Seputeh, tengok cara orang bertanya. (*Ketawa*) (*Tepuk*) Contoh! Yang Berhormat Timbalan Menteri, dalam Pelan Induk ini saya berasa banggalah mengambilkira. . . . (*Diganggu*) . . . . nantilah dahulu.. (*Ketawa*) mengambilkira pertanyaan daripada pihak Pembangkang. Pada pandangan saya. . . . .

**Seorang Ahli:** Soalan?

**Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin:** Soalannya yang pertama, (*Diganggu*) . . . .dengar ini dahulu, jangan kacau. (*Ketawa*) Berapa banyak sudah daripada beribu-ribu kilang haram ini, berapa banyakkah kilang haram sudah diambil tindakan?

Kedua, yang belum diambil tindakan, bilakah perlu diambil tindakan. Dan kalau boleh, sekiranya dalam Pelan Induk ini kawasan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ini terlalu terhad, keluarkan daripada kawasan ini. Jangan masukkan di dalam Pelan Induk. (*Tepuk*)

**Seorang Ahli:** Cukup, cukup. Ha! Itulah contohnya. (*Ketawa*)

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:**

Tuan Yang di-Pertua, memang keperluan tanah bagi pembangunan semula kilang-kilang dan industri kecil termasuk perumahan adalah 1,400 ekar tanah dalam jangka 10 tahun sehingga tahun 2000. Perancangan yang telah ditetapkan dalam pelan induk adalah untuk memusatkan jenis-jenis perkilangan yang terdapat di Wilayah Persekutuan. Bagaimanapun, seperti yang saya sebut, oleh kerana terbatasnya tanah, kita sentiasa mengadakan kerjasama dengan Kerajaan Negeri Selangor dan kerjasama ini telah dapat manfaat untuk memindahkan sebahagian daripada industri atau kilang haram yang dalam perancangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk dipindahkan kerana seperti di kawasan Seputeh terdapat beberapa projek Kerajaan termasuk jalan. Maka perlulah kilang-kilang ini dipindahkan.

#### SKEL GAJI ANGGOTA POLIS— KAJIAN

9. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) benarkah kajian semula telah dibuat terhadap taraf dan skel gaji anggota Polis, jikalau ya, bilakah kajian ini akan siap dan bilakah agaknya ia boleh diimplimentasi;
- (b) kenapakah gaji Polis ketinggalan jikalau dibandingkan dengan perkhidmatan lain yang dahulu setaraf dengannya, adakah ini berbangkit dari Pegawai Atasan Polis merasai mereka telah menerima habuan

yang mencukupi dan insentif yang lumayan ataupun tanggungjawab kebajikan pucuk pimpinan Polis membeku; dan

- (c) pucuk kepimpinan Polis bila bersara telah diberi perlantikan dan kedudukan yang tinggi dan mewah tetapi apakah rancangan untuk memberi jaminan kedudukan dan tahap anggota bawahan Polis agar mereka juga boleh hidup sempurna dan tidak selepas tamat perkhidmatan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukalah saya menjelaskan bahawa:

- (a) Gaji Polis dan kakitangan awam yang lain di bawah Sistem Saraan Baru (SSB) baru sahaja dilaksanakan. Kerajaan sampai setakat ini belum ada cadangan untuk mengubah skim gaji tersebut.
- (b) Gaji anggota Polis dan pegawai awam yang lain adalah tertakluk kepada syarat-syarat kelulusan minima memasuki perkhidmatan masing-masing. Berasaskan kelayakan minima yang disyaratkan, maka soal gaji Polis ketinggalan adalah tidak sepatutnya timbul.

Mengenai andaian bahawa pucuk pimpinan Polis mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap kebajikan anggota lain, khususnya berkenaan gaji, sukalah saya menyatakan bahawa andaian itu adalah tidak benar kerana pucuk pimpinan Polis sememangnya sentiasa mengambil berat perkara-perkara kebajikan Polis.

- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perlantikan-perlantikan ke sesuatu jawatan selepas pegawai-pegawai tinggi Polis bersara adalah berasaskan kepada kelayakan, kebolehan dan personaliti individu berkenaan. Oleh kerana bilangan mereka ramai dan bilangan jawatan tersebut adalah terhad, maka adalah tidak mungkin untuk semua pegawai tinggi Polis dilantik ke jawatan-jawatan tertentu selepas mereka bersara.

Mengenai anggota-anggota bawahan, Kerajaan sememangnya berusaha membantu mereka agar hidup sempurna selepas tamat perkhidmatan, misalnya, pembayaran pencen dan pampasan. Mereka juga boleh mendapatkan bantuan dan nasihat dari Persatuan Bekas-bekas Polis Malaysia sekiranya timbul apa-apa masalah selepas persaraan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, apakah menjadi amalan dasar Kementerian di mana pegawai-pegawai Polis yang berpangkat tinggi bersara maka diberi jawatan. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa mereka ini yang berkhidmat begitu lama memerlukan kepada rehat selepas bersara. Tidak mungkinkah ganjaran seumpama memberi hadiah seperti rumah banglow ataupun kawasan tanah (lot) untuk mereka mendirikan rumah daripada diberi jawatan yang memerlukan tenaga-tenaga yang lebih berkemampuan, sebab mereka ini bertugas begitu lama dan mereka perlu berehat.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah jelaskan sebahagian daripada jawapan itu, iaitu oleh sebab pegawai Polis yang berpangkat tinggi itu mereka mempunyai banyak pengetahuan, pengalaman dan juga mereka mempunyai kebolehan yang tertentu yang mungkin kita tidak dapat ambil daripada luar ataupun daripada pihak yang bukan Polis, sebab pengalaman yang terkumpul itu masih diperlukan oleh negara kita. Oleh sebab itulah, mereka yang sanggup dan masih rela hendak terima jawatan perlantikan itu, mereka akan ditawarkan. Kalau mereka hendak rehat, kalau dia ada mendapat tawaran di sektor business yang lain lebih mewah, maka itu adalah hak mereka, Kerajaan tidak paksa mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup untuk Soal-Jawab.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10 hingga 64 adalah diberi di bawah ini.)*

### **SELAT MELAKA—KAWASAN PENCEMARAN OLEH KAPAL- KAPAL DAGANG**

**10. Tuan Shahidan bin Kassim** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian akan memperketatkan kawalan marin di perairan Selat Melaka terhadap kapal-kapal dagang yang menjalankan kegiatan pembersihan kapal secara haram dan mengotorkan laluan antarabangsa tersebut; dan

- (b) menuntut bayaran dan ganti rugi pencemaran terhadap kapal-kapal dagang yang melanggar undang-undang tersebut serta mengenakan denda dan tindakan undang-undang kepada individu yang menjalankan operasi haram tersebut.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Zaleha binti Ismail):**

- (a) Kementerian Pengangkutan bersama-sama dengan Kementerian serta agensi-agensi Kerajaan yang lain yang berkaitan, sentiasa berusaha untuk memperketatkan kawalan pencemaran oleh kapal-kapal dagang di perairan Malaysia, termasuklah Selat Melaka. Undang-undang negara ini jelas melarang semua jenis pencemaran minyak ke dalam perairan Malaysia ini termasuk juga kegiatan pembersihan kapal yang boleh mengakibatkan pencemaran. Undang-undang yang sedia ada juga memperuntukkan bahawa tindakan undang-undang boleh diambil terhadap mana-mana pihak yang menyebabkan pencemaran. Di dalam hubungan ini, Kerajaan juga sedang mempertingkatkan kemampuan pengawasan dan kemampuan pihak penguatkuasa yang berkaitan. Rondaan-rondaan udara dan laut sentiasa dilakukan untuk memastikan bahawa tiada kegiatan-kegiatan pencemaran dilakukan oleh kapal-kapal dagang.
- (b) Pada masa ini, semua kos bagi operasi pembersihan minyak dan pencegahan pencemaran di dalam perairan Malaysia boleh

dituntut daripada pihak yang mengakibatkan pencemaran berkenaan. Tuntutan kos tersebut boleh dibuat oleh semua pihak, sama ada Kerajaan ataupun individu yang terlibat di dalam aktiviti operasi pembersihan dan pencegahan tersebut. Kerajaan akan juga mengambil tindakan undang-undang ke atas mana-mana pihak yang didapati melakukan pencemaran di perairan negara.

### **PELABURAN LUAR NEGERI KE KELANTAN—BANTUAN KERAJAAN PUSAT**

**11. Tuan Haji Bunyamin bin Yaakob** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah sumbangan kerjasama yang diberikan oleh Kerajaan Pusat bagi membantu Kerajaan Negeri Kelantan menarik pelabur-pelabur luar negeri untuk melabur di Kelantan.

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Dato' Seri Rafidah Aziz):** Kerajaan Persekutuan sentiasa memberikan sepenuhnya kerjasama yang diperlukan oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri, termasuk Kerajaan Negeri Kelantan, untuk menarik pelaburan asing ke negeri masing-masing. Dalam promosi pelaburan yang dibuat, Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab untuk memperkenalkan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelaburan yang menguntungkan dan tidak mengkhususkan kepada sesebuah negeri tertentu. Namun begitu, penerangan secara menyeluruh kepada bakal pelabur asing dan tempatan juga dibuat tentang peluang-peluang pelaburan dan

kemudahan-kemudahan yang ditawarkan oleh ke semua negeri di Malaysia. Sungguhpun demikian, untuk memberikan penjelasan yang lebih lanjut tentang keunikan dan keperluan khusus pelaburan bagi sesuatu negeri, wakil-wakil dari Kerajaan Negeri, termasuk Negeri Kelantan, sentiasa dijemput untuk menganggotai mana-mana misi perdagangan dan pelaburan yang dianjurkan oleh Kementerian ini. Bagi tempoh 1991—1993, wakil-wakil Kerajaan Negeri Kelantan telah menyertai 2 misi perdagangan dan pelaburan iaitu misi penggalakan perdagangan dan pelaburan di Taiwan dan juga Singapura.

Di samping itu, seminar khusus mengenai peluang-peluang pelaburan di negeri-negeri Pantai Timur telah dianjurkan bersama dengan Perbadanan-Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Terengganu di mana penyertaannya telah dibuka untuk peserta-peserta Kerajaan dan swasta dari Kelantan telah diadakan pada bulan Oktober 1992. Pada bulan November 1993 satu seminar akan diadakan di Terengganu, selaras dengan usaha untuk meningkatkan pelaburan domestik akan diadakan khusus bagi negeri-negeri Pantai Timur. Diharap Kerajaan Negeri Kelantan mengambil peranan yang aktif dengan menjayakan seminar tersebut dalam konteks meningkatkan pelaburan di Negeri Kelantan.

Bagi melengkapkan proses promosi pelaburan yang telah dibuat, Kerajaan Negeri Kelantan juga digalakkan menganjurkan misi pelaburan dan perdagangan sendiri. Ini adalah untuk membuat susulan kepada promosi yang telah dibuat oleh Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan sentiasa memberikan kerjasama sama

ada dari segi maklumat dan bantuan yang diperlukan di pejabat-pejabat MITI dan MIDA di luar negeri. Penglibatan yang proaktif daripada Kerajaan Negeri Kelantan sendiri adalah perlu dalam memberi keyakinan bahawa Negeri Kelantan juga sebagai destinasi pelaburan yang menarik untuk pelaburan asing.

### **SISTEM BAYARAN BIL ELEKTRIK—KAJIAN SEMULA**

**12. Tuan Michael Asang** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk mengkaji semula sistem pembayaran bil elektrik yang ada sekarang iaitu 4 kali setahun memandangkan melalui sistem ini ianya terlalu membebankan golongan yang berpendapatan rendah.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu):** Mengikut sistem pembayaran bil elektrik yang diamalkan kini, Lembaga Letrik Sabah (LLS) mengeluarkan bil-bil elektrik kepada pengguna pada setiap bulan mengikut tarikh pembacaan jangka dan bukannya empat kali setahun.

Bagi stesen-stesen yang menggunakan sistem bil berkomputer, bil-bil elektrik pengguna dikeluarkan oleh komputer (sistem pengurusan pengguna) sehari selepas tarikh pembacaan jangka. Bil-bil ini dihantar kepada pengguna sama ada melalui Pejabat Pos atau dengan tangan oleh pembaca jangka.

Sementara itu, bagi stesen-stesen yang masih menggunakan sistem manual, bil-bil elektrik disediakan dan diserahkan kepada para pengguna oleh pembaca jangka sebaik sahaja mereka

membuat kerja membaca jangka. Di samping itu, LLS juga telah mengeluarkan notis melalui media-massa untuk memberitahu pada pengguna yang tidak menerima bil setiap bulan supaya menghubungi Pejabat LLS yang terdekat bagi mendapatkan salinan bil.

### **KUTIPAN DERMA DARI ORANG RAMAI—PERMIT POLIS**

**13. Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa ramai pegawai Kerajaan yang ditangkap sepanjang 5 tahun lalu kerana mengutip derma daripada orang ramai atas nama kegiatan mengumpul wang yang dianjurkan oleh Jabatan masing-masing dan berapa orang awam didapati menjadi mangsa kegiatan mereka dan amaun wang yang terlibat;
- (b) apakah kriteria yang dikehendaki bagi sesebuah Jabatan Kerajaan diberikan permit polis bagi mengutip derma daripada orang ramai; dan
- (c) mengenai kes Kesatuan Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, adakah jawatankuasa penganjur ada mendapatkan permit polis bagi mengutip derma daripada orang ramai bagi mengadakan majlis jamuan makan malam untuk bekas Datuk Bandar dan berapa banyak wang telah dikutip.

**Tuan Ong Ka Ting:**

- (a) Seramai 3 orang pegawai Kerajaan yang ditangkap sepanjang 5 tahun lalu kerana

kesalahan mengutip derma dari orang ramai. Seramai 9 orang menjadi mangsa dan melibatkan wang sebanyak RM130,530.00.

- (b) Kriteria bagi sebuah Jabatan Kerajaan diberikan kebenaran mengutip derma daripada orang ramai adalah berdasarkan surat Pekeliling Am Bil. 6/87 bertarikh 14-10-1987, rujukan FM(S)13594/(33).
- (c) Bagi kes Kesatuan Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan berdasarkan kepada kriteria di atas, Kesatuan tersebut perlu mendapat kebenaran dari Jabatan Perdana Menteri. Kes ini masih dalam siasatan dan amaun sebenar yang dikutip belum dapat dipastikan.

#### **SABAH/SARAWAK— PERKHIDMATAN FERI**

**14. Dato' Haji Mohd. Abu Bakar bin Rautin Ibrahim** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) bagi menggalakkan rakyat Semenanjung melancong ke Sabah dan Sarawak dan sebaliknya adakah Kerajaan merancang untuk meneruskan servis feri seperti Feri Malaysia dahulu; dan
- (b) apakah langkah Kerajaan untuk mengurangkan kos tambang manaiki penerbangan untuk menggalakkan pelancongan dalam negeri.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:**

- (a) Kerajaan memang sentiasa menggalakkan rakyat Semenanjung melancong ke

Sabah dan Sarawak dan sebaliknya dengan menggunakan pengangkutan udara dan laut. Walaupun Kerajaan tidak mengadakan perkhidmatan feri di antara kedua-dua destinasi ini, pihak swasta adalah digalakkan untuk menceburi bidang pengangkutan ini.

- (b) Kementerian Pengangkutan buat masa ini tidak ada apa-apa rancangan untuk mengurangkan kos penerbangan dalam negeri oleh sebab kadarnya adalah rendah jika dibandingkan dengan negara-negara lain.

#### **KAD PENGENALAN PALSU— KEGIATAN SINDIKET**

**15. Tuan Haji Mohamad bin Sabu** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah berleluasanya sindiket kad pengenalan palsu dalam negara ini, dan

- (a) Setakat ini, berapa ramaiakah pegawai-pegawai Jabatan Pendaftaran Negara dan orang ramai yang terlibat dalam sindiket tersebut; dan
- (b) apakah Kerajaan tidak bercadang untuk mendakwa mereka yang berkenaan di mahkamah terbuka selain daripada menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri.

**Tuan Ong Ka Ting:**

- (a) Setakat ini seramai 199 orang termasuk 22 orang kakitangan Kerajaan yang terlibat di dalam sindiket pemalsuan dokumen rasmi termasuk kad pengenalan. Daripada jumlah tersebut 4 orang daripadanya adalah Pegawai Jabatan Pendaftaran Negara.

- (b) Daripada jumlah 199 orang yang ditangkap, seramai 85 orang telah ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri sementara bakinya seramai 114 ditangkap di bawah undang-undang lain seperti Kanun Keseksaan, Akta Imigresen dan Pasport serta Akta Pendaftaran Negara.

**ISU PONTENG/KURANG MINAT  
BELAJAR DI KALANGAN  
PELAJAR**

**16. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sejauh manakah seriusnya isu ponteng dan kurang minat belajar di kalangan pelajar-pelajar teristimewa pelajar Islam; dan
- (b) jika isu ini benar-benar berlaku sila nyatakan faktor-faktornya dan rancangan Kementerian bagi mengatasinya.

**Dr. Fong Chan Onn:**

- (a) Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu ponteng dan kurang minat di kalangan pelajar Islam sehingga ke hari ini tidaklah begitu serius. Menurut perangkaan 1992 kira-kira 0.48% sahaja daripada jumlah pelajar Islam yang terlibat.
- (b) Di antara faktor-faktor yang telah dikenal pasti berkaitan dengan masalah tersebut ialah faktor diri, rakan sebaya, keluarga, masyarakat, persekitaran dan faktor sekolah.

Di antara faktor di atas Kementerian Pendidikan berupaya mempengaruhi faktor di dalam kawalannya sahaja iaitu:

- (i) Meminta pihak sekolah supaya sentiasa mengawasi pelajar-pelajar ponteng dan mengambil tindakan sewajarnya dengan tujuan memberi kesedaran kepada mereka.
- (ii) Menyediakan satu garis panduan khusus pencegahan masalah ponteng seperti mengambil kedatangan setiap kali guru masuk ke kelas atau murid keluar kelas.
- (iii) Meminta pihak sekolah mempelbagaikan aktiviti ko-kurikulum serta kegiatan di sekolah supaya pelajar sentiasa tertarik untuk berada di sekolah.

**JENAYAH KOLAR PUTIH—  
BILANGAN KES**

**17. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin** minta Menteri Undang-Undang menyatakan:

- (a) Berapa banyakkah jenayah kolar putih yang berlaku semenjak 1992 hingga sekarang;
- (b) Jelaskan kategori jenayah kolar putih yang berlaku dan berapakah kerugian akibat jenayah tersebut;
- (c) Daripada jumlah jenayah yang berlaku berapa banyak yang telah dapat diselesaikan.

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:**

- (a) Bilangan kes jenayah kolar putih yang telah dilaporkan

kepada Polis semenjak tahun 1992 hingga sekarang ialah sebanyak 5848. Jumlah bagi tahun 1992 ialah 4386 kes dan untuk tahun 1993 hingga Jun 1993 sebanyak 1462 kes.

(b) Kesalahan-kesalahan yang boleh ditakrif sebagai jenayah kolar putih termasuk:

- (i) Pecah Amanah Jenayah;
- (ii) Penipuan;
- (iii) Pemalsuan;
- (iv) Wang Palsu;
- (v) Kad Kredit;
- (vi) Kes-kes lain.

Kerugian akibat daripada jenayah tersebut adalah sebanyak RM247.1 juta. Sepanjang tahun 1992 kerugiannya ialah RM153.08 juta dan bagi tahun 1993 (hingga Jun 1993) ialah RM93.971 juta.

(c) Sebanyak 1248 kes dapat diselesaikan.

#### MAKLUMAT TAMBAHAN

Jenis Kesalahan	Bilangan 1992	Kes Jun 93	Jumlah Kerugian 92	Jun 93
1. Pecah Amanah Jenayah	1,143	351	RM57.32 juta	RM23.05 juta
2. Penipuan	2,139	658	RM86.74 juta	RM69.80 juta
3. Pemalsuan	311	89	RM2.83 juta	RM0.591 juta
4. Wang Palsu	422	160	RM2.75 juta	RM0.294 juta
5. Kad Kredit	92	32	RM1.94 juta	RM0.236 juta
6. Kes-kes Lain	279	172	RM1.50 juta	RM0.236 juta
Jumlah	4,386	1,462	RM153.08 juta	RM93.971 juta

#### KES SELESAI TAHUN 1992

1. Pecah Amanah Jenayah	—	360
2. Penipuan	—	610
3. Pemalsuan	—	76
4. Wang Palsu	—	59
5. Kad Kredit	—	21
6. Kes-kes Lain	—	122
		1,248

Kes untuk tahun 1993 hingga Jun 1993 tidak dapat dikumpulkan.

#### LABUAN—TAHAP KEMAJUAN SETELAH DIISYTIHAR SEBAGAI I.O.F.C.

**18. Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Kewangan menyatakan setelah diisytihar sebagai I.O.F.C. apakah kejayaan serta kemajuan yang telah dicapai dan dinikmati oleh Wilayah Persekutuan Labuan. Apakah bakal rancangan pembangunan yang akan dilaksanakan. Apakah sebenar tugas dan tanggungjawab Lembaga Pembangunan Labuan (LADA) di segi meluluskan permit atau lesen kontrak. Adakah beliau sedar ramai kontraktor yang kurang senang hati kerana LDA difahamkan terlalu lambat memproses dan meluluskan permit atau lesen. Apakah tindakan yang diambil supaya kelemahan ini dapat diperbaiki.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Semenjak Labuan diisytiharkan sebagai sebuah Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa pada 1 Oktober 1990, banyak projek-projek pembangunan telah dirancang dan dilaksanakan di Labuan oleh sama ada agensi-agensi Kerajaan mahupun pihak swasta bagi menyokong pembangunan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir

Antarabangsa. Adalah dianggarkan bahawa sejumlah hampir RM1 bilion akan dibelanjakan, kebanyakannya oleh sektor swasta. Ini akan menambah peluang pekerjaan serta mewujudkan kuasa beli yang lebih bagi menggalakkan lagi pertumbuhan sektor perniagaan dan sektor pembinaan di Labuan. Di antara projek yang akan dilaksanakan ialah:

- (i) Taman Kewangan Antarabangsa;
- (ii) Pembinaan sistem perparitan—Fasa II;
- (iii) Projek penswastan kompleks resorts dan taman persaraan Jepun;
- (iv) Cadangan projek penswastan tebusguna dan pembangunan Teluk Victoria;
- (v) Hotel 16 tingkat di TL 667—670 Jalan Tun Mustapha;
- (vi) Taman Pemeliharaan Burung Eksotika (Aviary) di Tanjung Kubang;

Lembaga Pembangunan Labuan adalah juga bertanggungjawab sebagai pihak berkuasa perancangan tempatan dan dengan demikian berkuasa meluluskan plan-plan pembangunan dan bangunan, dan diberi kuasa meluluskan lesen-lesen perniagaan untuk hotel dan rumah tumpangan, permit menjual makanan dan kedai dobi. Bidang tugas ini tidak termasuk kuasa untuk meluluskan lesen atau permit kontrak. Oleh yang demikian maka persoalan mengenai kelewatan memproses oleh pihak Lembaga tidak timbul.

#### **KERAJAAN CAMPURAN PBS—USNO**

**19. Wan Omar bin Wan Majid** minta Perdana Menteri menyatakan apakah perbezaan antara Kerajaan campuran

PBS—USNO yang ada hari ini dengan Kerajaan campuran PBS—USNO yang dicadangkan oleh Perdana Menteri sebaik sahaja pilihan raya Negeri Sabah dahulu; kenapakah Kerajaan campuran yang ada hari ini ditentang dengan begitu hebat oleh Kerajaan Persekutuan.

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Sebelum pilihan raya umum tahun 1990, kedua-dua parti PBS dan USNO adalah parti-parti komponen Barisan Nasional di peringkat Persekutuan. Pada masa yang sama, kedua-dua parti tidak sehaluan di peringkat Negeri Sabah—PBS meneraju pemerintahan Negeri Sabah dan USNO pula sebagai parti pembangkang di Dewan Undangan Negeri.

PBS digalakkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya menubuhkan Kerajaan campuran dengan USNO supaya perpaduan dan kestabilan politik yang wujud di peringkat Persekutuan wujud juga di peringkat Negeri Sabah. Kestabilan politik, baik di peringkat Persekutuan begitu juga di peringkat negeri, adalah satu faktor utama untuk membangunkan sesebuah negara itu. Walau bagaimanapun nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akhirnya telah tidak dihormati oleh PBS.

Seperti Yang Berhormat dari Pasir Puteh dan rakan-rakan beliau dalam Semangat 46 sedia maklum, PBS telah menarik diri daripada menganggotai Barisan Nasional, hanya beberapa hari sebelum pilihan raya umum 1990. Selepas itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah pasti tidak berminat untuk mencadangkan penubuhan Kerajaan campuran antara PBS dan USNO.

Walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan para pemimpin Barisan Nasional tidak bersetuju atas cadangan penubuhan Kerajaan campuran antara USNO dengan PBS pada awal tahun ini, segelintir pemimpin USNO telah berjaya dipengaruhi oleh PBS bagi menubuhkan Kerajaan campuran di Sabah. Akibatnya Kerajaan campuran itu ditentang, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Puteh, bukan sahaja oleh pemimpin-pemimpin Persekutuan, tetapi juga oleh bekas-bekas pemimpin dan bekas-bekas ahli USNO yang sekarang mendokong perjuangan UMNO di Sabah.

#### **ARAK—PENGHARAMAN OLEH KERAJAAN KELANTAN**

**20. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood** minta Perdana Menteri menyatakan apakah reaksi Kerajaan Pusat terhadap keputusan dan langkah Kerajaan Kelantan mengharamkan penjualan dan minuman arak.

**Tuan Othman bin Abdul:** Kerajaan Pusat amat sedar dengan tindak-tanduk Kerajaan PAS dalam mengadakan peraturan dan undang-undang yang boleh menimbulkan kerisauan dan keresahan hati di kalangan setengah-setengah masyarakat di negara ini. Oleh itu Kerajaan Pusat sentiasa mencari jalan dan berusaha mengambil tindakan yang sewajarnya supaya setiap individu di negara ini dapat menikmati kebebasan masing-masing dan hidup rukun damai sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Kerajaan PAS harus sedar bahawa setiap peraturan yang hendak dibuat hendaklah dilihat kepada situasi

masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan agama, sekalipun satu-satu peraturan itu mempunyai matlamat yang baik. Pelaksanaan dan pendekatan tanpa mengira fenomena masyarakat boleh mendatangkan keresahan masyarakat yang berbilang bangsa dan agama. Jika perkara ini berlaku matlamat yang baik itu tidak akan tercapai. Pendidikan dan kefahaman kepada masyarakat perlu diutamakan sebelum satu-satu peraturan itu dibuat supaya tidak timbul salah sangka di dalam masyarakat.

#### **YAYASAN ISLAM KELANTAN— BANTUAN KERAJAAN PUSAT**

**21. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bentuk dan jenis bantuan yang telah diberikan oleh Kerajaan Pusat kepada Yayasan Islam Kelantan dalam usaha memperkemas dan mempertingkatkan pelajaran dan pendidikan di sekolah agama yang dikendalikan oleh yayasan tersebut; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang meneruskan dan menambahkan bantuan tersebut bagi kepentingan anak-anak bangsa di Negeri Kelantan.

**Dr. Fong Chan Onn:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Pusat telah memberi pelbagai bentuk bantuan kepada Yayasan Islam Kelantan dalam usaha untuk memperkemas dan mempertingkatkan pelajaran dan

pendidikan di sekolah agama yang dikendalikan oleh yayasan tersebut antaranya:

- (i) Bantuan Guru-Guru Agama dan Akademik kepada Sekolah-Sekolah Agama Yayasan Islam Kelantan. Bantuan ini hingga sekarang berjumlah sebanyak 243 orang guru ditempatkan mengajar di Negeri Kelantan Darul Naim.
  - (ii) Bantuan memberi kursus dan pendedahan mengenai KBSM pada pegawai-pegawai dan guru kanan mata pelajaran di sekolah-sekolah agama di bawah Yayasan Islam Kelantan.
  - (iii) Bantuan Per Kapita Geran kepada Sekolah-Sekolah Agama Rakyat di bawah kelolaan Yayasan Islam Kelantan.
  - (iv) Bantuan kewangan kepada Pusat Bahasa Arab Nilam Puri Kelantan. Bantuan ini sebanyak RM1.1 juta setahun.
- (b) Kementerian Pendidikan masih meneruskan bantuan-bantuan yang tersebut kecuali Bantuan Per Kapita kepada Sekolah Agama Rakyat di bawah Yayasan Islam Kelantan yang buat sementara dihentikan bagi membolehkan Kementerian mengkaji bantuan yang benar-benar diperlukan. Pertambahan kepada bantuan-bantuan ini akan dipertimbangkan oleh Kerajaan Pusat berdasarkan kepada keperluan sebenar yang berbangkit dari semasa ke semasa, seperti bilangan murid, kelas dan guru.

### **BURUH KANAK-KANAK— PERLINDUNGAN DARI SEGI UNDANG-UNDANG**

**22. Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai apa-apa peraturan undang-undang bagi memberi perlindungan kepada buruh kanak-kanak sama ada rawatan perubatan atau pampasan sekiranya berlaku kemalangan sewaktu bekerja.

**Menteri Sumber Manusia (Dato' Lim Ah Lek):** Pada masa sekarang telah terdapat undang-undang untuk mengawal pengajian kanak-kanak dan orang muda yang berumur di bawah 16 tahun iaitu Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Penggajian) Tahun 1966.

Pekerja-pekerja di Malaysia adalah layak mendapat perlindungan sama ada dari segi rawatan perubatan ataupun pampasan jika berlaku kemalangan sewaktu bekerja dan ini termasuk pekerja-pekerja yang berumur di bawah 16 tahun yang mempunyai pekerjaan yang sah di bawah Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Penggajian) 1966.

### **BAHAN KIMIA/UBAT—UJIAN TERHADAP TERNAKAN**

**23. Dr. Tan Seng Giaw** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah jenis kimia atau ubat yang digunakan untuk industri penternakan lembu, kambing, khinzir, ayam, itik, arnab dan rusa. Bagaimana ubat-ubat itu dikawal-seliakan. Apakah kos setiap ujian ubat pelansing atau ubat lain untuk memastikan daging pelbagai jenis haiwan di pasaran tempatan tidak mengandungi kimia yang boleh menjejaskan kesihatan. Berapa kerapkah ujian ini dibuat untuk memelihara orang awam. Apakah keberkesannya.

**Menteri Pertanian (Dato' Seri Sanusi bin Junid):** Di dalam industri ternakan beberapa jenis drug digunakan untuk tujuan pengubatan dan pencegahan penyakit. Di antara jenis drug yang digunakan adalah antibiotik, hormon dan antelmintik. Di samping ada juga kimia digunakan untuk membasmi parasit dan kuman (disinfektan).

Ubat-ubat (drug) dikawalselia oleh Jabatan Farmasi Kementerian Kesihatan dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan (JPH) Kementerian Pertanian. Kawalselia meliputi import, pengedaran, penyimpanan, penjualan dan penggunaan. Di samping itu Jabatan Perkhidmatan Haiwan menjalankan program kawalselia bagi residu drug di dalam daging dan susu untuk mengetahui kandungannya di dalam bahan tersebut tidak berlebihan.

Terdapat 79 jenis ujian dijalankan oleh Makmal Kesihatan Awam Veterinar Jabatan Perkhidmatan Haiwan untuk memastikan bahan makanan hasil ternakan seperti daging, daging ayam, telur dan susu dan keluarannya berkualiti selamat dimakan. Pada tahun 1992, 54,794 ujian dijalankan ke atas semua bahan tersebut di atas. Di antara 79 jenis ujian di atas 18 jenis ujian khusus untuk mengesan residu drug dan residu lain di dalam daging. Ujian residu untuk semua jenis daging dijalankan di dalam tahun 1992 adalah sebanyak 6,466. Dari program kawalselia didapati keadaan tidak membimbangkan dan terkawal.

Mengenai ubat pelansing di dalam pertanyaan Yang Berhormat, tidak ada ubat sedemikian digunakan di dalam industri penternakan yang ada ialah ubat penggalak pertumbuhan (growth promotant) dengan tujuan untuk mempercepat kenaikan berat badan atau penggemukan haiwan.

## PADANG GOLF—JUMLAH DAN TUJUAN

**24. Tuan Ahmad bin Nor** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah padang-padang golf di setiap negeri di seluruh negara dan apakah tujuannya bagi kepentingan rakyat dan negara; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil untuk menambah bilangan stadium sukan, kolam renang dan lain-lain infrastruktur sukan bagi kepentingan orang ramai di seluruh negara.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Dato' Ismail bin Said):**

- (a) Mengikut rekod yang sedia ada di Kementerian Belia dan Sukan, pada masa kini jumlah padang golf yang terdapat di setiap negeri di seluruh negara berjumlah 61 buah padang keseluruhannya. Berikut ini disenaraikan jumlah padang-padang golf mengikut negeri:

Johor	—	11
Kedah	—	7
Perlis	—	1
Pulau Pinang	—	4
Perak	—	14
Sarawak	—	6
Melaka	—	3
Seremban	—	3
Selangor/K. Lumpur	—	4
Pahang	—	4
Terengganu	—	2
Sabah	—	1
Kelantan	—	1

Di antara tujuan padang golf tersebut ialah untuk menggalakkan penyertaan ramai rakyat, pelancong-pelancong, orang-orang kenamaan, swasta dan pegawai-pegawai kerajaan supaya meminati sukan golf sebagai salah satu sukan riadah dan rekreasi. Ianya juga bertujuan untuk menggalakkan perkembangan industri sukan yang secara tidak langsung memberi faedah kepada ekonomi negara dan menggalakkan penglibatan usahawan-usahawan di dalam industri sukan golf.

- (b) Bagi makluman Y.B., Kementerian Belia dan Sukan telah diperuntukkan RM158.76 juta untuk pelbagai kemudahan sukan di bawah tempoh RM-6. Di antara projek-projeknya adalah untuk membina baru dan juga menaiktaraf stadium-stadium negeri yang akan menelan perbelanjaan RM58.7 juta. Di samping itu, RM8 juta akan dibelanjakan untuk projek-projek di peringkat daerah seperti Mini Kompleks Sukan. Sebanyak RM11 juta akan digunakan untuk menaiktaraf Kompleks Belia dan Sukan Negeri-negeri yang merupakan tumpuan aktiviti-aktiviti belia dan sukan di negeri-negeri. Di peringkat kebangsaan pula, RM63 juta dibelanjakan untuk Institut Sukan Negara yang akan mengandungi pelbagai gelanggang latihan atlit dan kemudahan-kemudahan gelanggang latihan atlit dan kemudahan-kemudahan sains sukan. Kementerian juga akan membelanjakan RM9.47 juta

untuk membina sebuah 'Rowing Centre' yang merupakan pusat sukan mendayung pertama di Malaysia.

Di samping itu, Kerajaan juga telah diperuntukkan RM100 juta bagi mengubahsuai dan menaiktaraf venue-venue Sukan Komanwel 1998 dan kemudahan-kemudahan tersebut juga akan dapat digunakan oleh rakyat Malaysia.

Sepertimana Y.B. sedia maklum, Kerajaan sedang dalam proses membina Kompleks Sukan Negara, iaitu Kompleks Sukan terulung di Malaysia dan sememangnya kompleks ini juga akan dibuka untuk kegunaan ramai khasnya kompleks renangnya yang bertaraf antarabangsa.

#### **PELANCONGAN DI SABAH— GALAKAN**

**25. Tuan Joseph Voon Shin Choi** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) berapa jumlah pelancong serta langkah-langkah diambil bagi menggalakkan pelancongan di Sabah; dan
- (b) tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk menjadikan Malaysia pusat pelancongan yang bersih dan bebas daripada kegiatan pelacuran yang menyebabkan penyakit AIDS.

**Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Sabbaruddin Chik):**

- (a) Jumlah kedatangan pelancong ke Negeri Sabah adalah seramai 17,225 orang bagi bulan Januari

dan Februari 1993. Ini merupakan pertumbuhan 10.9% jika dibandingkan dengan 15,529 orang pada masa yang sama tahun 1992. Sementara jumlah pelancong ke Sabah bagi tempoh Januari hingga Disember 1992 ialah seramai 101,379 orang.

Kementerian melalui agensinya Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM) telah mengadakan berbagai-bagai aktiviti dan promosi bagi tujuan penggalakan industri pelancongan seluruh negara termasuk Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, promosi menggalakkan industri pelancongan di Sabah juga dilaksanakan bersama oleh Perbadanan Penggalakan Pelancongan Sabah yang diletakkan di bawah pengawasan kerajaan negeri tersebut.

Kementerian berharap dengan adanya pejabat-pejabat Wilayah LPPM di Sabah, segala aktiviti-aktiviti pelancongan di negeri ini dapat diselaraskan serta dapat mempertingkatkan industri pelancongan negara agar ianya mampu bersaing dengan negara-negara jiran di rantau ini.

- (b) Tugas menjadikan Malaysia sebagai satu pusat pelancongan yang bebas dari pelacuran dan AIDS adalah tugas setiap rakyat Malaysia kerana ini adalah berkaitan dengan cara hidup dan peribadi seseorang individu. Dari segi usaha Kementerian, Malaysia sentiasa diperkenalkan untuk tarikan-tarikannya dari

segi kebudayaan, alam sekitar dan keunikan produk-produk pelancongan yang ada. Imej Malaysia sebagai destinasi pelancongan tidak sekali dan tidak pernah dikaitkan dengan "sex tourism".

Melalui usaha-usaha promosi dan pemasaran, rakyat tempatan dan juga pelancong asing sentiasa didedahkan tentang keperluan menjaga kebudayaan dan nilai hidup di negara ini supaya Malaysia sentiasa digambarkan sebagai satu destinasi pelancongan yang "clean and wholesome".

### **SEKOLAH MENENGAH VOKASIONAL—PENCAPAIAN AKADEMIK**

**26. Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohd. Zain** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) peratusan pencapaian akademik di semua Sekolah Menengah Vokasional bagi tahun 1990, 1991, 1992; dan
- (b) nisbah insiden pelanggaran disiplin kepada jumlah murid di sekolah Vokasional berbanding Sekolah Menengah Asrama Penuh.

**Dr. Fong Chan Onn:**

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, Sijil Peperiksaan Malaysia Vokasional (SPMV) adalah gabungan dua komponen iaitu akademik dan vokasional. Bagi tahun 1990, peratus pencapaian akademik peperiksaan tersebut ialah 67.2%, tahun 1991 ialah 67.4% manakala bagi tahun 1992 pula pencapaiannya telah meningkat kepada 69.9%.

- (b) Tentang insiden pelanggaran disiplin pula, kadarnya adalah di antara 8% hingga 10% di Sekolah Menengah Vokasional (SMV) berbanding dengan 1% hingga 2% bagi Sekolah Berasrama Penuh (SBP).

**KEROSAKAN ALAT-ALAT  
ELEKTRIKAL—PAMPASAN  
KEPADA PENDUDUK BLOK S,  
TAMAN KAMPAR, PERAK**

**27. Tuan Wong Wing On** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan setakat mana Jabatan Bekalan Elektrik (JBE) Perak Darul Ridzuan telah selesai menyasat sebab-sebab berlakunya kejadian di mana alat-alat elektrikal kepunyaan penduduk-penduduk Blok S, Taman Kampar, 39100 Kampar dirosak akibat kegagalan bekalan elektrik yang biasa pada jam lebih kurang 11.00 malam, 30-3-1993 (*rujuk kepada report Polis 1417/93 Kampar*), dan juga nyatakan:

- (a) cara-cara penduduk-penduduk tersebut boleh menuntut pampasan atau kompensasi; dan
- (b) kenapa pihak berkuasa mengambil masa yang begitu lama untuk menyasatkan kejadian ini.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu):** Penyasatan awal mengenai kejadian voltan berlebihan bekalan elektrik di Blok S, Taman Kampar pada jam lebih kurang 11.00 malam 30-3-1993 telah selesai. Hasil penyasatan menunjukkan bahawa voltan berlebihan ini berlaku kerana pengalir neutral talian perkhidmatan ke blok tersebut telah terputus pada penyambungannya di peti submain.

Penyasatan mendalam menunjukkan bahawa keadaan ini berlaku kerana:

- (i) Disebabkan oleh sambungan-sambungan tambahan yang dibuat oleh penduduk-penduduk premis tersebut tanpa kelulusan TNB, beban di antara ketiga-tiga fasa telah menjadi tidak seimbang. Ini menyebabkan arus besar mengalir dalam pengalir neutral ini.
- (ii) Penyambungan kabel di peti submain ini lemah dan oleh yang demikian telah menjadi panas lalu putus.
- (a) Tuntutan pampasan hendaklah dikemukakan kepada TNB secara bertulis dengan senarai barang-barang yang rosak dan bukti mengenai kos pembeliannya/kos memperbaikinya. Di bawah Seksyen 17(3) Akta bekalan elektrik 1990. TNB bertanggungjawab bagi kerosakan sedemikian jika ia diakibatkan oleh kecuaiannya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sambungan pada pendawaian mana-mana premis tanpa kelulusan bertulis dari pihak TNB dalam kes ini adalah juga satu kesalahan di bawah Seksyen 37(13) Akta ini.
- (b) Penyasatan kejadian seperti yang berlaku di Blok S, Taman Kampar tentu mengambil masa yang panjang kerana perkara itu melibatkan beberapa pihak dan penyasatan perlu dijalankan secara mendalam.

### PERPUSTAKAAN NEGARA— WAKTU BERURUSAN

**28. Tuan Wong Wing On** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada masa pembukaan Perpustakaan Negara yang sedia ada tidak sesuai untuk rakyat yang bekerja dan syarat keahliannya yang tidak membenarkan bukan—ahli masuk ke perpustakaan adalah tidak secocok dengan matlamat Kerajaan untuk membina sebuah masyarakat berilmu.

**Dr. Fong Chan Onn:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perpustakaan Negara memang mengambil kira kesesuaian masa bagi rakyat yang bekerja untuk memanfaatkan kemudahan yang disediakannya. Oleh kerana itu mulai 1 Julai 1993 waktu ianya dibuka untuk berurusan adalah seperti berikut:

Selasa hingga : jam 9.00 pagi — 4.00 petang  
Jumaat  
Sabtu : jam 9.00 pagi — 5.00 petang  
Ahad : jam 10.00 pagi — 5.00 petang  
Isnin : tutup.

Jadual itu jelas menunjukkan bahawa masa yang diperuntukkan telah mengambilkira kehendak pengguna yang bekerja.

Di samping itu Perpustakaan Negara membenarkan semua yang datang ke Perpustakaan Negara Malaysia untuk masuk sebagai pelawat. Semua pengguna digalakkan menjadi ahli supaya mendapat faedah pinjaman buku dan menggunakan pelbagai bahan pandang dengar, menyertai pelbagai aktiviti dan perkhidmatan perpustakaan dan lain-lain kemudahan di mana kad keahlian diperlukan.

### ARAK—TINDAKAN KERAJAAN KELANTAN MELANGGAR HAK ASASI MANUSIA

**29. Tuan Robert Lau Hoi Chew** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan PAS di Negeri Kelantan telah melanggar hak asasi kemanusiaan dan Konstitusi Persekutuan dengan mengharamkan penjualan arak dan minuman keras di Negeri Kelantan. Jika ya, apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk menjaga hak rakyat di Negeri Kelantan.

**Tuan Othman bin Abdul:** Kerajaan Pusat sentiasa prihatin dan berusaha supaya semua keturunan di negara ini dapat hidup bebas dan kebebasan hak mereka tidak dicabuli. Kerajaan Pusat juga memberi jaminan iaitu dengan mengambil langkah-langkah yang wajar supaya setiap individu di negara ini dapat menikmati kebebasan masing-masing dan hidup saling menghormati di antara satu dengan yang lain seperti yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun kebebasan ini hendaklah tertakluk kepada peraturan-peraturan dan norma-norma hidup sejagat. Kerajaan PAS tidak sewajarnya melarang bukan Islam melakukan sesuatu yang diharuskan oleh agama mereka. Tetapi bukan Islam juga tidak wajar melakukan sesuatu yang boleh menimbulkan sensitiviti kepada agama lain.

### JABATAN PENYIARAN SARAWAK—PROJEK RADIO DAN TV

**30. Puan Rohani binti Abdul Karim** minta Menteri Penerangan menyatakan bilakah projek-projek radio dan TV di bawah rancangan Malaysia ke-6,

husus bagi Jabatan penyiaran Sarawak yang telah diluluskan, akan dilaksanakan sepenuhnya.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Semua projek radio dan TV untuk Jabatan Penyiaran Sarawak di bawah Rancangan Malaysia ke-6 sedang dalam peringkat penyediaan tender atau penilaian tender. Projek-projek dijangka siap satu tahun selepas tawaran dibuat.

#### MAKLUMAT TAMBAHAN

<i>Nama Projek</i>	<i>Kos (RM)</i>	<i>Kedudukan Sekarang</i>	<i>Tarikh Siap</i>
1. Liputan alat pemancar radio VHF/FM (Stesen 11)	12.7 juta	Keputusan perbendaharaan tender belum dibuat	1 tahun dari tarikh tawaran.
2. Pengisian liputan TV (Lawas dan Bukit Angkasapuri)	150 ribu	'Evaluation' masih dijalankan oleh Kementerian Penerangan	1 tahun dari tarikh tawaran.
3. Penggantian alat-alat Studio (7 stesen)	2.5 ribu	'Evaluation' masih dijalankan oleh Kementerian Penerangan	1 tahun dari tarikh tawaran.

### PENILAIAN MENENGAH RENDAH (PMR)—MUTU PEMBELAJARAN

**31. Tuan Wong Sing Nang** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) ada pendapat yang menyatakan bahawa penghapusan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) dengan Penilaian Menengah Rendah (PMR) telah menjejaskan mutu pembelajaran murid-murid Tingkatan 3. Mereka lebih cenderung untuk mencari hiburan daripada belajar. Sekiranya kenyataan itu benar, apakah langkah-langkah oleh Kementerian Pendidikan untuk mengekalkan minat belajar di kalangan murid-murid Tingkatan 3 supaya mutu pelajaran tidak terjejas; dan

- (b) penggantian Sijil Rendah Pelajaran dengan slip keputusan PMR pada tahun ini dikatakan umum bahawa peperiksaan itu tidak bertaraf kerana tiada calon yang akan gagal. Bagaimanakah Kementerian dapat mengikiskan pemikiran demikian di kalangan ibu bapa dan seterusnya menonjolkan kelebihan PMR kepada orang ramai.

#### **Dr. Fong Chan Onn:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Penilaian Menengah Rendah (PMR) baru sahaja diperkenalkan pada tahun 1993. Justeru itu, kesannya terhadap mutu pelajaran belum dapat diketahui lagi. Namun demikian Kementerian Pendidikan yakin bahawa PMR tidak akan menjejaskan mutu pelajaran pelajar-pelajar Tingkatan 3.
- (b) Berhubung dengan dakwaan bahawa peperiksaan itu tidak bertaraf kerana tiada calon yang akan gagal, ingin dijelaskan bahawa, konsep penilaian bukannya bertujuan untuk menggagalkan pelajar. Dari segi penilaian, apa yang penting ialah untuk mengetahui sejauhmana tahap pencapaian seseorang pelajar itu. Pelaporan keputusan di bawah PMR adalah berdasarkan pencapaian calon dalam tiap-tiap mata pelajaran dan tidak lagi pencapaian keseluruhan seperti Sijil Rendah Pelajaran.

Perubahan pemikiran dan penerimaan masyarakat terhadap PMR pastinya akan mengambil masa. Oleh itu, untuk mengikiskan tanggapan

negatif di kalangan ibu bapa terhadap sistem penilaian yang baru ini, sekiranya ada, Kementerian Pendidikan telah mengambil langkah seperti memberikan penerangan berhubung dengan konsep PMR melalui media massa dan juga ceramah PMR kepada guru-guru serta ibu bapa. Pihak Kementerian yakin bahawa pelaksanaan PMR itu sendiri akan membantu memberi gambaran positif kepada masyarakat kelak.

### **KEBAKARAN—BILANGAN KES**

**32. Che Ibrahim bin Mustafa** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) jumlah kebakaran yang berlaku sepanjang tahun 1992;
- (b) jumlah kerugian akibat kebakaran-kebakaran sepanjang tahun 1992;
- (c) jumlah kemalangan, termasuk kehilangan nyawa dan kecederaan sepanjang tahun 1993;
- (d) adakah kempen-kempen mencegah kebakaran dapat mengurangkan bilangan kebakaran; dan
- (e) bagaimanakah peranan murid dan sekolah dalam mengurangkan kes-kes kebakaran itu.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr. Ting Chew Peh):**

- (a) Jumlah kes yang berlaku pada tahun 1992 adalah 15,009;

- (b) Jumlah kerugian akibat kebakaran pada tahun 1992 adalah RM425.643 juta.
- (c) Jumlah kematian akibat kebakaran pada tahun 1992 adalah 70, manakala kecederaan adalah 72 orang.
- (d) Kempen-kempen mencegah kebakaran yang telah diadakan melalui pelbagai aktiviti seperti demonstrasi, ceramah, pemeriksaan bangunan dan sebagainya telah dapat membantu mengurangkan kebakaran dan ianya juga telah dapat menyedarkan orang ramai tentang bencana kebakaran.
- (e) Peranan murid dan sekolah dapat mengurangkan risiko-risiko kebakaran melalui penyebaran maklumat-maklumat tentang bahaya-bahaya kebakaran kepada keluarga-keluarga mereka dan orang ramai. Usaha ini boleh dicapai melalui program Kadet Bomba dan pembelajaran mengenai teori-teori kebakaran di sekolah. Murid-murid sekolah juga akan terdedah kepada pengetahuan bagaimana mereka sendiri boleh mengelakkan berlakunya kebakaran.

### **KRITIKAN TERHADAP NEGARA BARAT—KESANNYA KEPADA MALAYSIA**

**33. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan yang mengkritik negara barat baru-baru ini tidak akan memberi kesan negatif kepada Malaysia

**Menteri Luar Negeri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Dasar luar Malaysia ialah ingin berbaik-baik dengan semua negara, sama ada negara maju mahupun yang sedang membangun. Pendapatan yang dikeluarkan oleh Kerajaan adalah dibuat dengan secara jujur dan bersifat membina. Oleh itu, tiada sebab kenyataan tersebut memberi kesan negatif kepada Malaysia.

### **MASALAH PENCEMARAN ALAM DI HULU SELANGOR**

**34. Tuan G. Palanivel** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah-langkah persediaan awal yang telah diambil di bawah Kementerianya bagi mengelakkan sebarang masalah pencemaran alam sekitar di kawasan Hulu Selangor memandangkan terdapat banyak projek pembangunan tanah yang pesat.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Law Hieng Ding):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar melalui agensinya, Jabatan Alam Sekitar, telah mengambil langkah-langkah awal bagi mengelakkan sebarang masalah pencemaran di Hulu Selangor seperti berikut:

- (i) Mempastikan projek-projek pembangunan, termasuk projek pembangunan tanah, yang merupakan aktiviti yang ditetapkan telah membuat laporan penilaian kesan kepada alam sekeliling (EIA) sebelum diluluskan dan kerja-kerja dimulakan. Langkah-langkah tebatan untuk meminimumkan kesan pencemaran telah dikenalpasti

untuk diambil tindakan oleh pemaju. Sebanyak 11 projek terbabit iaitu kawasan perindustrian/perumahan (6), kilang (2), kuari (1) projek bekalan air (1) dan golf (1).

- (ii) Mengarahkan pemaju-pemaju projek pembangunan tanah yang baru seperti Pembangunan Tanah Ladang FELDA Sungai Buaya dan Pembangunan Ulu Yam Heights membuat laporan EIA untuk diluluskan sebelum kerja-kerja pembinaan dimulakan
- (iii) Mengenakan langkah kawalan dan pemasangan peralatan mengawal pencemaran ke atas projek-projek dan kilang-kilang yang bukan aktiviti yang ditetapkan. Syarat-syarat ini dikenakan ke atas projek atau kilang melalui Pihak Berkuasa yang berkenaan seperti Majlis Daerah Hulu Selangor dan Pejabat Tanah Daerah Hulu Selangor, dan secara terus kepada pemaju.
- (iv) Menjalankan program pengawasan ke atas Sungai Selangor secara berterusan untuk menentukan kualiti sungai tidak merosot.

### **SETINGGAN DI KUALA LUMPUR—CARA MENGATASI**

**35. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh DBKL untuk menjadikan Kuala Lumpur bebas dari setinggan pada tahun 2000;

- (b) adakah DBKL telah mengenal-pasti bilangan kilang-kilang haram dan apakah tindakan-tindakan untuk mengatasinya; dan
- (c) adakah kerajaan sudah menjangkakan kesan positif dan negatif dari penghapusan setinggan dari kaca mata politik, ekonomi dan sosialnya pada tahun yang dianjurkan itu.

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:**

Adalah menjadi tanggungjawab pihak DBKL untuk berusaha menjadikan Kuala Lumpur bebas dari setinggan pada tahun 2,000. Di antara langkah-langkah untuk menjadikan Kuala Lumpur bebas dari setinggan ialah dengan merancang membangunkan semula semua kawasan setinggan melalui projek pembinaan rumah berbagai jenis dan penekanan akan ditumpukan kepada pembinaan rumah kos rendah. Program pembinaan Perumahan Awam Kos Rendah akan memerlukan perbelanjaan yang besar, oleh yang demikian DBKL sedang mengatur tindakan berdasarkan kepada Pelan Struktur Kuala Lumpur dengan menjadualkan Pelan Pembangunan Rancangan Pelaksanaan dan Jadual Pembangunan Kawasan Setinggan yang terpilih. Bagi kawasan penempatan setinggan yang tidak terlibat dengan pembangunan segera, beberapa rancangan meningkatkan taraf sosial dan masyarakat akan dipertingkatkan.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengenal pasti bilangan kilang-kilang haram yang berada di atas tanah Kerajaan dan tanah persendirian iaitu sebanyak 4,507 buah. Angka ini adalah berdasarkan kepada...

Walau bagaimanapun pihak DBKL telah mengenal pasti kilang-kilang/ industri dan perniagaan haram yang beroperasi dalam kawasan/penempatan setinggan dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur melalui operasi bancian semula setinggan 1992 ialah sebanyak 2,546 unit.

Bagi mengatasi masalah ini pihak DBKL telah menyediakan rancangan jangka panjang yang antara lainnya ialah:

- (i) membuat penyusunan semula industri/kilang mengikut penjenisan;
- (ii) menempatkan semula industri/ industri kecil yang menduduki kawasan tanah kerajaan dan tanah rizab sungai, di kawasan yang dilengkapi dengan kemudahan awam;
- (iii) menyediakan kawasan dan ruang lantai perindustrian yang mencukupi bagi menampung berbagai jenis industri;
- (iv) menyediakan lot-lot industri atau bangunan industri yang mampu dimiliki oleh industri-industri kecil;
- (v) menggalakkan sektor swasta untuk melibatkan diri dalam pembangunan industri;
- (vi) mengambil langkah untuk mengurangkan masalah alam sekitar dan lalu lintas.

Usaha Kerajaan untuk membebaskan Kuala Lumpur dari setinggan adalah satu perkara yang telah dikaji dengan mendalam dan teliti dari berbagai aspek seperti politik, ekonomi...

rancangan jangka panjang dan jangka pendek yang meliputi aspek berikut:

(a) PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN

Di samping membina jejambat-jejambat (flyover) baru di Kuala Lumpur serta memperbaiki persimpangan-persimpangan jalan, pihak Kerajaan telah mengenal pasti jalan raya-jalan raya utama yang perlu diperbaiki untuk memudahkan lagi pergerakan lalu lintas. Antara jalan raya-jalan raya yang telah dikenalpasti bagi perbaikan adalah Jalan Kepong, Jalan Kuchai Lama, Jalan Perkasa, Jalan Puchong, Jalan Segambut dan Jalan Damansara.

Pihak Kerajaan juga telah mengenal pasti beberapa jalan raya baru yang perlu dibina untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas seperti pembinaan Jalan Lingkaran Tengah II di sekeliling sempadan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pembinaan jalan-jalan baru untuk menyambung sepenuhnya Jalan Lingkaran Tengah I yang sedia ada.

(b) SISTEM PENGANGKUTAN AWAM

Projek-projek utama sistem pengangkutan awam yang telah dicadangkan adalah:

- (i) Sistem Transit Laju Ringan (LRT);
- (ii) Sistem Monorel;

(iii) Sistem Rel Komuter (Landasan Berkembar KTM); dan

(iv) Memperbaiki mutu sistem perkhidmatan bas.

(c) PENGURUSAN LALU LINTAS

Di samping mengawal keadaan lalu lintas dan memperbaiki jalan-jalan/persimpangan-persimpangan yang dapat mengurangkan kesesakan, Kerajaan juga akan meneruskan usaha-usaha dalam pengurusan dan kawalan lalu lintas di Kuala Lumpur seperti:

(i) Peningkatan kawalan lampu isyarat lalu lintas berkomputer sedia ada;

(ii) Pelaksanaan sistem jalan sehala di kawasan-kawasan yang perlu;

(iii) Pelaksanaan pembaikan jangka pendek kepada persimpangan jalan termasuk pemasangan lampu isyarat lalu lintas yang perlu;

(iv) Projek 'High Occupancy Vehicle' (HOV) untuk menggalakkan skim berkongsi kereta yang sedang dijalankan oleh Kementerian Pengangkutan; dan

(v) Skim Kereta Berkongsi yang juga sedang dijalankan oleh Kementerian Pengangkutan.

- (2) Masalah kesesakan lalu lintas di bandar-bandar utama di Malaysia, selain daripada Kuala Lumpur, tidaklah sebegitu buruk. Masalah tersebut masih terkawal. Namun demikian, pihak-pihak yang bertanggungjawab di bandar-bandar besar seperti Pulau Pinang dan Johor Bahru umpamanya telah pun mengambil langkah-langkah yang perlu dari masa ke semasa bagi menentukan bahawa masalah tersebut tidak bertambah buruk lagi.

#### PELABUR LUAR NEGERI— BILANGAN

**40. Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Hassan** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) jumlah pelaburan luar negeri bagi tahun 1991 dan 1992 dan jenis-jenis pelaburan;
- (b) adakah Kementerian bercadang supaya pelaburan-pelaburan itu ditempatkan di lokasi-lokasi di luar bandar supaya dapat menghindari penghijrahan ke bandar-bandar; dan
- (c) setakat manakah pelaburan-pelaburan yang didapati dari Negeri Republik Rakyat China setakat ini dan apakah barangan-barangan hasil dari Malaysia dieksportkan ke Negeri China.

**Dato' Seri Rafidah Aziz:**

- (a) Bagi tahun 1992 projek yang telah diluluskan dengan penyertaan negara asing telah meningkat daripada RM17,055.3 juta kepada RM17,772.1 juta dalam tahun 1991 dengan mencatatkan peningkatan jumlah modal pelaburan sebanyak 4.2%.

Bagi tahun 1992, bidang-bidang utama yang diceburi ialah penapisan petroleum (RM10,006 juta), gas asli (RM1,722 juta), kimia dan bahan-bahan kimia (RM1,321.1 juta), tekstil dan barang-barang tekstik (RM1,158.4 juta) dan barangan elektrik/elektronik (RM957.5 juta).

- (b) Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menggalakkan kilang-kilang perindustrian ditempatkan di luar bandar atau di kawasan-kawasan kurang maju selaras dengan usaha Kerajaan untuk mengimbangi pembangunan perindustrian antara wilayah-wilayah di negara ini. Walau bagaimanapun, keputusan untuk menempatkan semua kilang adalah terletak kepada para pelabur berdasarkan kemudahan infrastruktur, bekalan buruh dan faktor-faktor pasaran yang lain. Sungguhpun demikian, usaha-usaha promosi seperti seminar sedang dibuat untuk menggalakkan pelaburan di negeri-negeri kurang maju. Dalam hal ini juga, Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama Kerajaan-Kerajaan Negeri, sedang berusaha meningkatkan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan lain termasuk menyediakan kawasan-kawasan perindustrian yang lengkap, supaya dapat mendorong lebih banyak kilang-kilang perindustrian ditempatkan di negeri-negeri kurang maju. Berdasarkan jumlah pelaburan asing yang ditempatkan di negeri-negeri kurang maju jumlah pelaburan di negeri-negeri tersebut adalah setanding dengan negeri-negeri yang maju. Umpamanya di Terengganu, jumlah pelaburan yang dibuat ialah RM11,234 juta iaitu 14.8%

dari jumlah pelaburan asing yang diluluskan dalam tempoh tersebut, Pahang RM2,082.4 juta (2.8%), Kedah RM4,606.8 juta (6.1%), Sabah RM1,422.6 juta (1.9%), Sarawak RM6,926.2 juta (9.1%), Kelantan RM274.4 juta (0.4%) dan Perlis RM238.5 juta (0.3%).

- (c) Bagi tempoh 1987—1992, sejumlah 16 projek perkilangan yang melibatkan pelabur dari Republik Rakyat China (RRC) dengan jumlah pelaburan dianggarkan sebanyak RM38,843 juta.

RRC merupakan rakan dagang Malaysia yang kesepuluh terbesar dalam tahun 1992. Jumlah dagangan dua-hala bagi tahun 1992 ialah sebanyak RM4.5 ribu juta atau 7.2% daripada keseluruhan dagang luar negara Malaysia. Dari segi pasaran eksport, RRC merupakan pasaran eksport yang kesembilan terbesar bagi 1992 dengan jumlah eksport ke negara tersebut sebanyak RM1,961 juta, meningkat 11.4% berbanding dengan tahun 1991. Eksport Malaysia ke RRC sebahagian besarnya dalam keluaran minyak kelapa sawit, kayu, minyak petroleum mentah, plywood, getah dan koko. Bagi keluaran barangan perkilangan pula, eksport Malaysia ke RRC adalah dalam keluaran kayu, baja, besi dan barangan elektrik.

#### KERAKYATAN—MELONGGAR- KAN PERATURAN ISTERI ASING

**41. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk melonggarkan undang-undang dan

peraturan-peraturan kerakyatan berhubungan dengan isteri asing warganegara Malaysia untuk menurunkan syarat tempoh bermastautin selama 17 tahun di Malaysia di bawah naturalisation kepada empat tahun di bawah pendaftaran bagi memperoleh kewarganegaraan Malaysia.

**Tuan Ong Ka Ting:** Kerajaan tidak bercadang untuk melonggarkan undang-undang dan peraturan kerakyatan berhubungan dengan isteri asing yang berkahwin dengan warganegara Malaysia kerana syarat tempoh bermastautin yang sedia ada bagi mereka yang bertaraf penduduk tetap ialah dua tahun dan bukannya 17 tahun.

#### KEKURANGAN TENAGA PENGAJAR

**42. Dr. Tan Seng Giaw** minta Menteri Pendidikan menyatakan kekurangan tenaga pengajar di peringkat sekolah rendah, menengah dan universiti sekarang. Apakah bilangan orang yang sedang dilatih di semua maktab perguruan. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan kekurangan tersebut. Bilakah masalah tersebut dapat diselesaikan. Apakah strategi untuk mutu pengajaran termasuk di peringkat universiti.

**Dr. Fong Chan Onn:** Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kekurangan guru terlatih dan pensyarah di seluruh Malaysia pada 31-12-1992 adalah seperti berikut:

(a) Sekolah Rendah	15,745 orang
(b) Sekolah Menengah	7,267 orang
(c) Universiti	996 orang

Kekurangan ini berlaku kerana pertambahan enrolmen murid dan kelas, pengwujudan mata pelajaran baru, perletakan jawatan dan guru bersara awal.

Dengan pelaksanaan Pelan Tindakan Perancangan Penyediaan Tenaga Guru Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah mulai tahun 1993 ini, dijangkakan masalah kekurangan tenaga guru akan dapat diatasi pada tahun 1996 bagi sekolah rendah dan tahun 1997 bagi sekolah menengah.

Di peringkat universiti pula antara langkah yang dilakukan ialah mengambil pensyarah yang baru untuk mengikuti Kursus Lanjutan Sarjana, Ph.D dan lain-lain kelayakan profesional dan melantik pensyarah secara kontrak dari dalam dan luar negara. Di samping itu Kementerian Pendidikan mencadangkan program untuk menghantar pelajar-pelajar cemerlang sebagai bakal pensyarah ke luar negara mengikuti kursus tertentu.

Pendekatan pengajaran yang dijalankan untuk meninggikan mutu pengajaran ialah 'student-centered'. Pengajaran disampaikan berorientasikan penyelidikan projek. Guru/Pensyarah adalah sebagai 'facilitator' yang cuba menyenangkan proses pengajaran pembelajaran.

### **PROGRAM PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA**

**43. Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohd. Zain** minta Menteri Pertanian menyatakan tentang program pembangunan sumber manusia dalam sektor pertanian;

- (a) institusi yang sedia ada dan pencapaiannya hingga kini; dan
- (b) institusi baru yang dirancang.

**Datuk Seri Sanusi bin Junid:**

- (a) Program pembangunan tenaga manusia dalam sektor pertanian meliputi kegiatan-kegiatan

latihan rasmi dan tidak rasmi serta kegiatan pengembangan. Program seperti ini bertujuan menambahkan ilmu pengetahuan dan kepakaran dalam kegiatan pertanian dari aspek pengeluaran, pengendalian selepas tuai (post harvest), pemprosesan dan pemasaran. Program-program tersebut ditujukan khusus kepada petani penternak dan nelayan serta keluarga mereka meliputi kursus amali semasa tugas (on the job training) dan secara teori. Institusi-institusi penting yang terlibat ialah Institut Latihan Pertanian Jabatan Pertanian, Institut Latihan Perikanan Jabatan Perikanan dan Institut Latihan Jabatan Perkhidmatan Haiwan. Di samping itu program-program latihan khusus juga disediakan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan institusi-institusi latihan Jabatan/Agensi pembangunan yang lain.

Bagi tempoh tahun 1991—1993 Jabatan/Agensi di bawah Kementerian Pertanian telah menjalankan latihan-latihan seperti berikut: Jabatan Pertanian (DOA) telah melatih seramai 361,658 orang di bawah Latihan Pembangunan Sumber Manusia, Pengurusan Ladang dan Pertanian Am. Jabatan Perikanan (DOF) telah melatih seramai 1,015 orang dalam Latihan Perikanan Laut Dalam, Penyelenggaraan Ingin,

Teknologi Peralatan dan Pelayaran serta Peningkatan Kemahiran. Jabatan Perkhidmatan Haiwan telah melatih seramai 4,671 orang di bawah Latihan Pengurusan Ternakan, Pengembangan, Perancangan dan Pengurusan Projek. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) pula telah melatih seramai 33,360 orang di bawah Latihan Pengendalian Lepas Tuai, Pemerosesan dan Pemasaran. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah melatih seramai 6,277 orang di bawah Latihan Ternakan Perikanan Laut, Pemasaran dan Pembangunan Masyarakat Nelayan.

Sementara itu Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) telah melatih seramai 24,007 petani pada tahun 1991 dan 22,975 petani pada tahun 1992 yang meliputi pelbagai kursus dan latihan.

Pada masa ini penekanan diberikan kepada program latihan berdasarkan kurikulum yang sesuai dan juga pengembangan bertujuan khusus untuk membolehkan kegiatan-kegiatan pertanian dijalankan sebagai satu aktiviti perniagaan (*business enterprise*) yang benar-benar berunsurkan pasaran dan kurang menggunakan tenaga buruh.

- (b) Buat masa ini tiada institusi baru yang dirancang oleh Kementerian Pertanian.

### **BAHASA CINA, TAMIL DAN ARAB DALAM PEPERIKSAAN SPM**

**44. Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada benar bahawa perkara Bahasa Cina, Tamil dan Arab telah memulihkan kedudukannya sebagai bahasa pilihan yang akan diambilkira dalam SPM tahun ini;
- (b) apakah proses yang kena dipenuhi untuk membolehkan calon-calon berdaftar sedemikian dalam perkara tersebut; dan
- (c) adakah benar tujuh dari 10 guru di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) adalah guru sandaran dan apakah tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah ini.

**Dr. Fong Chan Onn:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang benar bahawa Bahasa Cina, Bahasa Tamil dan Bahasa Arab (Komunikasi) adalah merupakan mata pelajaran elektif (tambahan) bagi peperiksaan SPM tahun ini. Maklumat ini terkandung dalam Peraturan dan Panduan Peperiksaan SPM 1993—1994 yang terkini yang telah pun diedarkan ke sekolah-sekolah melalui Jabatan Pendidikan Negeri.
- (b) Calon yang ingin mengambil mata pelajaran ini dikehendaki mendaftar dalam borang yang telah ditetapkan.
- (c) Dakwaan bahawa 7 daripada 10 orang guru di SRJK (C) terdiri daripada guru-guru sandaran

adalah tidak benar. Pada masa ini hanya seramai 3,866 orang atau 14.2% adalah guru sandaran berbanding dengan 23,412 atau 85.8% guru terlatih yang sedang berkhidmat di SRJK(C) di seluruh negara.

#### **PELACURAN/PENGGUGURAN HARAM DI KALANGAN PELAJAR—STATISTIK**

**45. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) apakah statistik mutakhir di kalangan pelajar wanita yang melacur untuk mendapatkan wang untuk menampung pelajaran mereka;
- (b) jumlah sebenar kes pengguguran di kalangan juvana; dan
- (c) tindakan yang diambil oleh Kerajaan terhadap klinik swasta yang menjalankan aktiviti pengguguran secara haram.

**Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Napsiah binti Omar):**

- (a) Setakat ini tidak ada sebarang laporan berkaitan dengan kegiatan ini diterima daripada mana-mana pihak.
- (b) Kementerian saya tidak mempunyai statistik kes pengguguran di kalangan juvana. Sebaliknya, bilangan wanita dan gadis yang didapati hamil ketika dimasukkan ke Institusi Akhlak dan melahirkan ketika dalam jagaan adalah seperti berikut:

Tahun 1988	—	11 orang
Tahun 1989	—	11 orang

Tahun 1990	—	15 orang
Tahun 1991	—	18 orang
Tahun 1992	—	15 orang

- (c) Kerajaan dan Majlis Perubatan Malaysia memandang serius pengguguran kandungan secara haram. Sekiranya, pihak Kerajaan dan Majlis Perubatan Malaysia menerima aduan mengenai sesuatu klinik tertentu yang menjalankan aktiviti pengguguran secara haram, kes-kes aduan ini akan disiasat. Selain dari itu, pemeriksaan berkala dilakukan di klinik swasta oleh Unit Pemeriksaan dan Penguatkuasa Bahagian Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan di mana pengawasan rapi dibuat ke atas pergerakan dan penggunaan bagi ubatan yang digunakan supaya pematuhan kepada undang-undang berkaitan diikuti, terutama bahan-bahan narkotik, psikotropik dan juga ubatan bagi kes-kes pengguguran.

Sehingga kini, adalah dimaklumkan pihak Kementerian Kesihatan telah menerima 3 kes aduan terhadap pengamal perubatan yang di tuduh terlibat dalam aktiviti pengguguran secara haram. Ketiga kes ini telah dibawa ke hadapan Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan, Majlis Perubatan Malaysia. Dari ketiga-ketiga kes ini, bagi kes pertama pengadu telah menarik balik aduannya. Jika pengamal perubatan berdaftar di klinik swasta disabit kesalahan di bawah seksyen 312 Kanun Kesiksaan ini, Majlis boleh mengambil tindakan

disiplin mengikut Akta Perubatan 71. Hukuman tatatertib yang boleh dikenakan oleh Majlis termasuk:

- (i) memotong nama orang berdaftar dari Daftar Perubatan Malaysia.
- (ii) menggantung nama orang berdaftar bagi tempoh yang difikirkan patut.
- (iii) memerintahkan supaya orang yang didaftarkan itu dicela.

#### **RANG UNDANG-UNDANG KEGANASAN DOMESTIK**

**46. Dr. Kua Kia Soong** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) sampai bilakah Rang Undang-undang Keganasan Domestik akan dibentangkan; dan
- (b) mengapakah Rang Undang-undang ini memerlukan masa yang begitu lama sebelum dapat dibentangkan.

**Dato' Napsiah binti Omar:**

- (a) Kementerian saya menjangkakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dapat dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada bulan November 1993.
- (b) Untuk makluman Y.B., terdapat beberapa aspek yang perlu dikaji dengan lebih mendalam sebelum Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga dapat dibentangkan seperti pertindihan dengan undang-undang yang sedia ada,

kesesuaian dari segi undang-undang syariah, aspek penguatkuasaan dan lain-lain. Adalah penting dipastikan bahawa setiap Rang Undang-undang yang digubal itu boleh dilaksanakan dengan berkesan dan akan membawa keadilan kepada pihak-pihak yang berkenaan.

#### **PENUBUHAN I.K.M. DI SABAH—CADANGAN**

**47. Tuan Joseph Voon Shin Choi** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mendirikan Institut Kemahiran MARA di Kota Kinabalu, Sabah. Kalau ya, bilakah Institut itu akan didirikan.

**Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor):** Di bawah Rancangan Malaysia ke-6 ini, pihak MARA tidak bercadang untuk mendirikan IKM di Sabah. Pada masa ini telah pun terdapat sebuah IKM di Sarawak di mana pelatih-pelatihnya terdiri daripada 40% Sabah dan 60% Sarawak. Penubuhan sesebuah IKM itu bukanlah untuk sesebuah negeri sahaja kerana pengambilan para pelatih bergantung kepada jenis latihan dipohon dari seluruh negara. Penentuan pelatih berasaskan kepada terdapatnya kursus yang menjadi pilihan pelatih di IKM berkaitan.

Sebelum penubuhan IKM, Sarawak, pelatih-pelatih Sabah dan Sarawak ditempatkan di mana-mana IKM di Semenanjung. Dengan adanya IKM Kuching, ia telah dapat menampung keperluan ke dua-dua negeri tersebut.

**SIJIL KELAYAKAN  
MENDUDUKI RUMAH—  
MENSERAGAMKAN PROSEDUR**

**48. Tuan Foo Piew Kok** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah kedua-dua cadangan yang dibentangkan oleh pihak tertentu untuk menyeragamkan prosedur-prosedur pemberian sijil kelayakan menduduki rumah. Apakah ketetapan yang telah dibuat atas cadangan-cadangan tersebut.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr. Ting Chiew Peh):** Soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu tidak jelas, maka oleh itu tidak boleh dijawab.

**PENGLIBATAN PEGAWAI  
KESATUAN SEKERJA DALAM  
POLITIK**

**49. Tuan Ahmad bin Nor** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan berapakah bilangan pegawai-pegawai kesatuan sekerja yang terlibat secara aktif dalam politik dan memegang jawatan-jawatan sebagai pegawai parti politik, dan selama ini berapa orangkah pegawai kesatuan sekerja yang memegang jawatan dalam parti politik diambil tindakan oleh Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja.

**Menteri Sumber Manusia (Dato' Lim Ah Lek):** Kementerian saya tidak mempunyai maklumat lengkap tentang pegawai kesatuan sekerja yang terlibat secara aktif dalam politik dan memegang jawatan sebagai pegawai parti politik. Walau bagaimanapun, pernah terdapat dalam rekod bahawa pada tahun 1985 ada seorang pegawai kesatuan sekerja yang memegang jawatan sebagai Timbalan Yang Dipertua, Majlis Jawatankuasa

Tertinggi Sementara, Parti Nasionalis Malaysia (NASMA). Tetapi sebelum sebarang tindakan sempat diambil, beliau telah meletakkan jawatan dari Majlis Jawatankuasa Tertinggi Parti tersebut. Pegawai Kesatuan Sekerja yang dimaksudkan itu bernama Ahmad bin Nor, Presiden CUEPACS pada masa itu dan Presiden dalam Kesatuan Pegawai-pegawai Kastam Semenanjung Malaysia.

Setakat ini Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja telah mengambil tindakan terhadap hanya seorang pegawai kesatuan sekerja kerana penglibatannya dalam parti politik.

**PESAWAT PEJUANG—  
PEMBELIAN**

**50. Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah faktor-faktor telah diambil kira untuk membeli 18 buah pesawat pejuang MIG-29 dan 8 buah pesawat F/A 18-D Hornet dan berapa banyak perbelanjaan untuk membeli pesawat tersebut.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Mohamed:** Memandangkan soalan ini mempunyai maksud yang sama dengan soalan No. 7 daripada Tuan Lt. Kol (B) Ibrahim bin Sareh pada 26-7-1993, maka soalan ini telah saya jawab bersekali dengan soalan tersebut.

**TEBATAN SUNGAI PARI—  
JUMLAH PERUNTUKAN**

**51. Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Pertanian menyatakan berapa banyak peruntukan telah dibelanjakan dan bilakah masalah dapat diselesaikan untuk tebatan banjir di Sg. Pari di Negeri Perak, dan bilakah Fasa II dan Fasa III dapat disempurnakan.

**Datuk Seri Sanusi bin Junid:** Rancangan Tebatan banjir Sg. Pari adalah dibahagikan kepada 3 Fasa. Kos projek adalah sebanyak RM16 juta di mana sebanyak RM8 juta telah diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Pembinaan untuk Fasa I, iaitu pembaikan Sungai Pari dari kualanya ke Jambatan Silibin, telah bermula pada hujung tahun 1989 dan siap dalam bulan Mac 1992. Sebanyak RM2.1 juta dan RM2.03 juta telah dibelanjakan di bawah Rancangan Malaysia Kelima dan Rancangan Malaysia Keenam. Setakat ini, hanya Fasa I telah siap.

Kerja untuk Fasa II merupakan pembaikan Sungai Pari dari Jambatan Silibin ke Kuala Sg. Meru di hulunya. Tawaran untuk fasa ini akan dipanggil pada suku tahun ketiga 1993 dan kerja ini dijangka siap dalam tahun 1996. Fasa III yang melibatkan pembaikan anak-anak sungai ke Sg. Pari iaitu Sg. Tambun, Sg. Tapah, Sg. Kati, Sg. Meru dan Sg. Lang di jadual untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia ketujuh.

### **UNION PAPER HOLDINGS BERHAD—JUMLAH SAHAM**

**52. Tuan Wee Choo Keong** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) daripada rekod-rekod Kuala Lumpur Stock Exchange (KLSE) pada 1-6-93, apakah jumlah "paid up share capital" Union Paper Holdings Bhd (UPHB). Sila berikan jumlah saham yang tepat;
- (b) mengikut rekod-rekod KLSE, berapakah jumlah tertanggung ("outstanding") kontrak-kontrak jualan dan belian

UPHB dalam tempoh 24-6-93 hingga 2-7-93. Sila kemukakan jumlah kontrak-kontrak jualan dan belian untuk UPHB yang tidak diselesaikan dan tidak dilaksanakan oleh setiap ahli syarikat broker saham KLSE pada tempoh masa tersebut. Sila berikan butir-butir penyata kira-kira ("breakdown figure") untuk kontrak-kontrak jualan dan belian bagi setiap ahli syarikat broker saham KLSE pada tempoh masa tersebut; dan

- (c) oleh kerana terdapat keadaan "Cornered" dalam perniagaan UPHB dalam tempoh 21-6-93 hingga 29-6-93, pasti terdapat sesuatu amalan salah oleh syarikat-syarikat korporat atau kumpulan individu yang tertentu, yang mana mempunyai pengetahuan dalam UPHB. Adakah Menteri bertujuan untuk mendakwa mereka yang didapati terlibat di bawah Seksyen 41, 84 dan 85 dalam Akta Sekuriti Industri 1983. Jika tidak, sila berikan sebab-sebab kenapa tidak.

### **Tuan Mustapa bin Mohamed:**

- (a) Modal berbayar Union Paper Holdings Berhad (UPHB) pada 1 Jun 1993 ialah sebanyak RM17,365,940 yang terdiri daripada 17,365,940 unit saham pada nilai tara RM1 sesaham.
- (b) Bagi tempoh di antara 24 Jun 1993 hingga 2 Julai 1993 sebanyak 3,315,000 unit saham UPHB masih tertanggung. Pecahannya adalah seperti berikut:

<i>Broker Saham</i>	<i>Jumlah</i>
1. Halim Securities Sdn. Bhd.	1,797,000
2. SJ Securities Sdn. Bhd.	940,000

<i>Broker Saham</i>	<i>Jumlah</i>
3. Rashid Hussain Securities Sdn. Bhd.	252,000
4. UMBC Securities Sdn. Bhd.	209,000
5. TA Securities Sdn. Bhd.	20,000
6. SBB Securities Sdn. Bhd.	3,000
7. JB Securities Sdn. Bhd.	12,000
8. Apex Securities Sdn. Bhd.	5,000
9. Sarawak Securities Sdn. Bhd.	5,000
10. K&N Kenahga Sdn. Bhd.	65,000
11. AA Anthony & Co. Sdn. Bhd.	6,000
12. MBF Securities Sdn. Bhd.	1,000
	<hr/>
	3,315,000

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh 24 Jun 1993 hingga 28 Jun 1993 sebanyak 4,926 lot saham UPHB telah pun diurusniagaan. Senarai lengkap belian dan jualan mengikut syarikat broker saham adalah seperti di *Lampiran A*.

- (c) Mereka yang didapati terlibat melakukan kesalahan di bawah seksyen 41, 84 dan 85, Akta Perindustrian Sekuriti 1983 tetap akan didakwa. Perkara ini telah pun diperjelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat daripada Alor Setar pada 19 Julai 1993.

#### *Lampiran A*

Senarai belian dan jumlah UPHB mengikut syarikat broker saham di antara 24 Jun 1993 hingga 28 Jun 1993.

<i>Bil.</i>	<i>Syarikat Broker Saham</i>	<i>Bilangan Urusniaga (Lot)</i>	
		<i>Belian</i>	<i>Jualan</i>
1.	Arab—Malaysian Securities Sdn Bhd	67	72
2.	BBMB Securities Sdn. Bhd.	70	28
3.	Capital Corp Securities Sdn Bhd	1052	265
4.	Charles Bradburne & Co (1930) Sdn Bhd	81	7

5.	CIMB Securities Sdn Bhd	75	96
6.	EN J Securities Sdn Bhd	176	90
7.	HA Securities Sdn Bhd	11	3
8.	Inter-Pacific Securities Sdn Bhd	148	752
9.	Kuala Lumpur City Securities Sdn Bhd	11	36
10.	K & N Kenanga Sdn Bhd	276	288
11.	Leong & Co Sdn Bhd	215	143
12.	Mayban Securities Sdn Bhd	136	124
13.	OSK & Partners Sdn Bhd	240	207
14.	PB Securities Sdn Bhd	139	91
15.	Rashid Hussain Securities Sdn Bhd	160	141
16.	Seagroatt & Campbell Sdn Bhd	32	24
17.	TA Securities Sdn Bhd	327	534
18.	UMBC Securities Sdn Bhd	70	80
19.	Zalik Securities Sdn Bhd	99	251
20.	Apex Securities Sdn Bhd	27	22
21.	Klang Securities Sdn Bhd	3	14
22.	Halim Securities Sdn Bhd	217	297
23.	Mohaiyani Securities Sdn Bhd	12	44
24.	SJ Securities Sdn Bhd	19	21
25.	Omega Securities Sdn Bhd	75	59
26.	Koh & Lee Securities Sdn Bhd	55	30
27.	Eng Securities Sdn Bhd	15	77
28.	Hamid & Chua Securities Sdn Bhd		
29.	JB Securities Sdn Bhd	25	39
30.	MBF Securities Sdn Bhd	3	29
31.	Alor Setar Securities Sdn Bhd	14	23
32.	Lee & Kee Securities Sdn Bhd	1	8
33.	Malacca Securities Sdn Bhd	24	19
34.	OCBC Securities (Melaka) Sdn Bhd	52	45
35.	Strait Securities Sdn Bhd	5	18
36.	Kimara Equities Sdn Bhd	14	25
37.	Seremban Securities Sdn Bhd	24	11
38.	WK Securities Sdn Bhd	65	76
39.	A Anthony & Co Sdn. Bhd.	22	53
40.	Hwang-DBS Securities Sdn Bhd	22	6
41.	KE-Zan Securities Sdn Bhd	101	73
42.	Smith Zain Securities Sdn Bhd	1	14
43.	Syarikat Soon Theam Sdn Bhd	8	18
44.	Thong KHJC Sdn Bhd	89	72
45.	United Traders Securities Sdn Bhd	17	14
46.	Mercury Securities Sdn Bhd	15	29
47.	Botly Securities Sdn Bhd	40	139

48.	Kin Khoon & Co Sdn Bhd	6	51
49.	Perak Traders & Co Sdn Bhd	19	39
50.	Phileo Peregrine Securities Sdn Bhd	25	105
51.	SBB Securities Sdn Bhd	—	23
52.	Y K Fung Securities Sdn Bhd	46	94
53.	FA Securities Sdn Bhd	1	2
54.	Sarawak Securities Sdn Bhd	8	72
55.	Innosabah Securities Sdn Bhd	464	20
Jumlah		4926	4926

### SKANDAL SAHAM MAIKA HOLDINGS—SIASATAN BPR

**53. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah hasil penyiasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) ke atas Yang Berhormat Dato' Samy Vellu berhubung dengan skandal saham telekom kepada Maika Holdings;
- (b) mengapakah BPR masih belum menyelesaikan penyiasatannya dan apakah halangannya untuk mendakwa Menteri yang berkenaan di mahkamah terbuka untuk membersihkan dirinya.

**Tuan Othman bin Abdul:** Menjawab soalan pertama daripada Ahli Yang Berhormat berkenaan siasatan kes tersebut telah selesai dan pihak BPR sedang membuat perbincangan dengan Peguam Negara bagi mengkaji dan menentukan sekiranya terdapat keterangan yang mencukupi untuk menuduh orang-orang yang terlibat di atas kesalahan jenayah. Oleh yang demikian soalan kedua tidak berbangkit.

### RAJA-RAJA MELAYU— TAWARAN CUTI OLEH KERAJAAN NEGERI

**54. Puan Hajah Ilani binti Dato' Isahak** minta Perdana Menteri menyatakan apakah Kerajaan Persekutuan sedar ada Kerajaan Negeri yang menawarkan cuti panjang—sepanjang-panjangnya—kepada Raja-Raja Melayu dengan perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri berkenaan; sekiranya ada apakah motifnya; bilakah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk menawarkan cuti yang serupa kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar):** Kerajaan persekutuan memang sedar mengenai perkara tersebut. Perkara mengenai cuti Raja-Raja Melayu adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan-Kerajaan Negeri masing-masing. Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai cadangan seperti tersebut.

### ROMBONGAN PERDANA MENTERI KE CHINA— PENYERTAAN SYARIKAT

**55. Tuan Abdul Hamid bin Abdul Rahman** minta Y.B. Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) jumlah syarikat yang memohon untuk menghantar wakil untuk turut serta dengan rombongan Perdana Menteri ke Negeri China baru-baru ini;
- (b) jumlah yang berjaya dan apakah kriteria pemilihan yang dijalankan; dan

- (c) apakah kejayaan-kejayaan yang didapati hasil dari lawatan rombongan tersebut di bidang kerjasama persahabatan, ekonomi dan lain-lain di antara kedua-dua negara.

**Dato' Seri Rafidah Aziz:** Jumlah syarikat yang telah memohon untuk menyertai rombongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Republik Rakyat China pada 13—22 Jun 1993 adalah 213 buah syarikat. Ini melibatkan bilangan peserta seramai 265 orang.

Daripada jumlah permohonan tersebut sebanyak 127 syarikat, melibatkan wakil seramai 162 orang telah menyertai rombongan tersebut. Pemilihan ini perlu dibuat oleh kerana had yang disebabkan oleh kesulitan logistik.

Kriteria-kriteria pemilihan adalah:

- (i) Syarikat telah mempunyai hubungan perdagangan/ perniagaan dengan syarikat-syarikat di RRC; atau
- (ii) Mempunyai cadangan menandatangani perjanjian dan MOU dan sebagainya dengan syarikat-syarikat RRC; atau
- (iii) Mempunyai potensi dan kecenderungan untuk menjalankan perdagangan dengan syarikat-syarikat RRC.

Lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Ke RRC telah mencapai kejayaan yang besar. Di samping kejayaan mempereratkan lagi tali persahabatan dan persefahaman di antara para pemimpin serta rakyat kedua-dua buah negara, lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke RRC telah berjaya menghasilkan pulangan yang bermakna di dalam bidang perdagangan dan juga kerjasama dua hala. Saya tidak

bercadang menghuraikan pencapaian tersebut dengan panjang lebar memandangkan perkara yang sama telah pun dihuraikan dengan terperinci oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri di Dewan yang mulia ini pada 19 Julai 1993.

### KEMALANGAN JALAN RAYA— JUMLAH KES

**56. Tuan Wong Sing Nang** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) jumlah kes kemalangan jalan raya yang berlaku di bandar Sibu pada tahun 1990, 1991 dan 1992;
- (b) jumlah kematian pada tempoh tersebut;
- (c) jumlah kematian yang melibatkan motosikal dalam tempoh tersebut;
- (d) apakah ikhtiar oleh Kementerian untuk mendidik masyarakat umum tentang pengurangan kemalangan jalan raya; dan
- (e) sejauh manakah syarat memasang lampu pada waktu siang untuk penunggang motosikal dan pemasangan lampu brek ketiga untuk kereta dapat mengurangkan kes kemalangan jalan raya.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Jawapan bagi (a), (b) dan (c) mengenai butir-butir kemalangan jalan raya di Bandar Sibu, Sarawak adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Kemalangan	Jumlah Kematian	Jumlah Kematian Akibat Kemalangan Motosikal
1990	771	24	6
1991	710	26	9
1992	480	24	13

(d) Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mendidik masyarakat umum tentang pentingnya tahap keselamatan jalan raya ditingkatkan untuk mengurangkan kemalangan jalan raya termasuklah:

- (i) mengadakan kempen-kempen keselamatan jalan raya pada musim-musim perayaan dan kempen melalui media massa;
- (ii) menerapkan kesedaran keselamatan jalan raya di kalangan murid-murid sekolah melalui pendidikan ko-kurikulum, penubuhan Kelab Keselamatan Jalan raya dan Pasukan Unit Trafik Sekolah;
- (iii) m e m p e r h e b a t k a n penguatkuasaan undang-undang lalulintas oleh agensi penguatkuasaan seperti Polis Di Raja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ);
- (iv) memberi kursus, ceramah dan latihan kemahiran pemandu kenderaaan perkhidmatan awam dan kenderaaan berat iaitu kursus pemanduan berhemat; dan
- (v) menganjurkan seminar, bengkel, simposium dan membincangkan cara-cara meningkatkan tahap keselamatan jalan raya.

(e) Peraturan mewajibkan pemasangan lampu motosikal pada siang hari di dapati mencapai objektifnya iaitu bagi meningkatkan tahap kebolehlihatan penunggang-penunggang motosikal oleh pemandu-pemandu kenderaaan yang lain. Dalam analisis awal mengenai keberkesanan Peraturan tersebut bagi kawasan Shah Alam, didapati peratus kemalangan yang melibatkan motosikal dengan kenderaaan-kenderaaan lain dan pejalan kaki di persimpangan telah menurun pada kadar purata 5 peratus sebulan. Ini menunjukkan bahawa dengan memasang lampu, pergerakan motosikal adalah lebih mudah dan jelas dilihat oleh pengguna jalan raya yang lain.

Mengenai peraturan pemasangan lampu brek ketiga pula, adalah sukar untuk memastikan sejauh mana peraturan yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 1993 bagi kenderaaan baru itu dapat mengurangkan berlakunya kemalangan jalan raya. Lampu brek ketiga ini merupakan satu lagi alat yang bertujuan untuk meningkatkan keupayaan pemandu-pemandu kenderaaan yang mengekori kenderaaan yang lain melihat dan menyedari tentang tindakan membrek yang dilakukan oleh pemandu di hadapan. Dengan demikian, pemandu kenderaaan itu dapat bertindak dengan serta-merta untuk mengelakkan berlakunya pelanggaran dengan kenderaaan di hadapan.

## PROJEK KERETA NASIONAL KEDUA

**57. Tuan Fong Kui Lun** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan kedudukan projek Kereta Nasional Kedua, dengan menyebut:

- (a) nama syarikat yang ditubuhkan dan pemegang ekuiti modal syarikat dan jumlah modal;
- (b) lokasi kilang dan kos terbabit;
- (c) kilang sokongan bagi industri ini;
- (d) nama kereta, harga jualan;
- (e) apakah kesan ke atas pasaran Proton dan kereta lain di negara ini; dan
- (f) jumlah gunatenaga terbabit.

### Dato' Seri Rafidah Aziz:

(a) Syarikat yang akan melaksanakan projek Kereta Nasional Kedua ialah Syarikat Semula Sdn. Bhd. Syarikat ini mempunyai modal berbayar sebanyak RM140 juta dengan pemegang-pemegang saham syarikat seperti berikut:-

Permodalan Nasional Berhad	10%
UMW Corporation Sdn. Bhd.	38%
Daihatsu Motor Japan	20%
Mitsui Co. Ltd, Japan	7%
Daihatsu Malaysia Sdn. Bhd.	5%
Med Bumikar Mara Sdn. Bhd.	20%
	100%

(b) Kilang bagi projek ini terletak di kawasan Serendah, Selangor. Projek ini dijangka melibatkan pelaburan sebanyak RM400juta.

(c) Projek Kereta Nasional Kedua dijangka akan dapat mengujudkan industri-industri sokongan terutamanya Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang sekarang ini terlibat dengan pengeluaran alat-alat ganti dan komponen kereta motor.

(d) Pihak syarikat belum lagi menetapkan nama bagi Kereta Kedua ini. Walau bagaimanapun, harga jualannya dijangka di dalam lingkungan RM23,000 seunit.

(e) Projek Kereta Nasional Kedua dijangka tidak akan memberi kesan ke atas pasaran kereta Proton dan kereta-kereta lain. Ini adalah kerana pasaran Kereta Nasional Kedua ini adalah tertumpu kepada pasaran kereta-kereta kecil yang mempunyai kapasiti injin kurang daripada 1000 c.c. Sementara pasaran bagi Kereta Proton dan kereta-kereta lain adalah lebih khusus kepada pasaran kereta kelas pertengahan dan tinggi yang mempunyai kapasiti injin di antara 1300 hingga 1600 c.c. dan lebih. Berdasarkan kepada pasaran-pasaran yang berbeza maka ianya dijangka tidak akan menjadi saingan secara langsung kepada kereta Proton dan kereta-kereta lain di dalam pasaran tempatan.

(f) Projek ini dijangka melibatkan pengambilan gunatenaga seramai 1000 orang.

## KHIDMAT TENTERA MALAYSIA DI LUAR NEGARA

**58. Che' Ibrahim bin Mustafa** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) bilangan askar-askar Malaysia yang sedang berkhidmat di luar negara di bawah panji-panji Bangsa-Bangsa Bersatu;
- (b) negara-negara di mana mereka berkhidmat; dan
- (c) jumlah kemalangan, kecederaan atau kematian yang dialami.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:**

- (a) Bilangan askar-askar Malaysia yang sedang berkhidmat sebagai pasukan pengaman di bawah panji-panji Bangsa-Bangsa Bersatu sehingga kini adalah seramai 1894 orang iaitu 206 pegawai dan 1688 anggota.
- (b) Negara-negara di mana mereka terlibat adalah:
  - (1) New York — Staf di Pejabat Setiausaha Agung
  - (2) Iraq/Kuwait — UNIKOM
  - (3) Sahara Barat — MINURSO
  - (4) Kemboja — UNTAC
  - (5) Mozambique — UNOMOZ
  - (6) Angola — UNAVEM
  - (7) Somalia — UNOSOM II
- (c) Jumlah Kemalangan, Kecederaan atau Kematian Yang Dialami:

Sepanjang penglibatan ATM di misi PBB, hanya satu sahaja insiden yang berlaku semasa melaksanakan tugas iaitu serangan terhadap kedudukan Platun D Komp MAIBATT-UNTAC di mana 3 anggota tentera kita telah mengalami kecederaan ringan di samping dua kejadian di luar tugas yang menyebabkan kematian iaitu:

- (a) Seorang anggota mati lemas di Congo.
- (b) Seorang anggota mati kerana malaria di Kemboja.

**UNIVERSITI—MASALAH  
KEKURANGAN PENSYARAH**

**59. Tuan Chor Chee Heung** minta Menteri Pendidikan menyatakan sejauh manakah masalah mengenai pensyarah dan lain-lain anggota tenaga pengajian meninggalkan jawatan mereka dari universiti-universiti dan institut pengajian tinggi tempatan mempunyai kesan-kesan yang buruk kepada masyarakat kita dari segi latihan tenaga dan:

- (a) adakah akibat dari kejadian ini boleh dimaksudkan sebagai 'brain drain';
- (b) adakah dakwaan oleh setengah pihak dalam dunia akademik bahawa kekurangan pensyarah-pensyarah di Universiti Utara Malaysia (UUM) telah mengakibatkan pihak UUM tidak dapat memenuhi pengambilan penuntut-penuntut yang layak untuk memasuki universiti tersebut; dan
- (c) jika kedudukan seperti tersebut terus berlarutan dan pada masa yang sama Kerajaan tidak mempunyai suatu cadangan jangka panjang untuk mengatasi masalah ini, adakah ianya akan mengakibatkan pendidikan di peringkat tinggi terjejas dan matlamat visi 2020 tidak mungkin tercapai.

**Dr. Fong Chan Onn:**

- (a) & (c) Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telah dijawab sekali gus bersama-sama dengan soalan No. 52 dalam Aturan Mesyuarat Harian Dewan Rakyat iaitu soalan daripada Yang

Berhormat Puan Siti Zainab Abu Bakar pada 26-7-1993 dan soalan No. 67 dalam Aturan Mesyuarat Harian Dewan Rakyat iaitu soalan daripada Y.B. Tuan Wan Omar bin Wan Majid pada 28-7-1993.

- (b) Dakwaan bahawa dihebohkan kekurangan pensyarah, pengambilan pelajar ke universiti-universiti dikurangkan adalah tidak benar. Sebaliknya pengambilan pelajar secara keseluruhan memasuki universiti-universiti tempatan telah bertambah dari masa ke semasa termasuk di Universiti Utara Malaysia (UUM).

**KAD PENGENALAN BARU—  
KERUGIAN AKIBAT  
KESILAPAN CETAK**

**60. Dr. Kua Kia Soong** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah kerugian yang dialami hasil dari kesilapan dalam pencetakan kad pengenalan baru di Jabatan Pendaftaran Negara;
- (b) berapakah kelambatan yang disebabkan oleh kesilapan ini;
- (c) siapakah pegawai yang bertanggungjawab terhadap kecuaiannya ini dan sama ada pegawai yang berkenaan telah diminta menjelaskan kecuaiannya beliau; dan
- (d) apakah tindakan keselamatan yang telah diambil untuk memastikan bahawa kesemua kad pengenalan rosak itu telah dimusnahkan.

**Tuan Ong Ka Ting:**

- (a) Kerugian yang dialami hasil dari kesilapan teknikal dalam proses percetakan kad pengenalan baru di Jabatan Pendaftaran Negara ialah sebanyak RM 226,555.83.
- (b) Kesilapan tersebut tidak menimbulkan kelambatan kerana Jabatan Pendaftaran Negara akan memberi keutamaan dalam proses permohonan kedua kad pengenalan berkenaan. Dengan itu pemohon tidak perlu menunggu lama bagi mendapatkan kad pengenalan mereka.
- (c) Kecuaian tersebut bukan kesilapan pegawai atau kakitangan tetapi ianya disebabkan oleh masalah teknikal yang melibatkan mesin serta bahan-bahan yang digunakan dan sebahagian besar masalah tersebut telah pun diatasi.
- (d) Semua kad-kad rosak itu telah pun disenaraikan dan mendapat kelulusan untuk dilupus melalui prosedur keselamatan dokumen terperingkat.

**MALAYSIA/INDONESIA —  
KERJASAMA KETENTERAAN**

**61. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) apakah syarat-syarat kerjasama ketenteraan yang telah dipersetujui di antara Malaysia dan Indonesia;
- (b) apakah bentuk-bentuk latihan bersama yang telah, sedang dan akan dilaksanakan; dan

- (c) apakah jaminan pembelaan atau bantuan yang telah diputuskan sekiranya mana-mana satu negara diceroboh oleh musuh.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:**

- (a) Syarat-syarat kerjasama ketenteraan yang telah dipersetujui di antara Malaysia dan Indonesia adalah berasaskan prinsip-prinsip kesamarataan, saling mengerti dan faedah bersama. Melalui prinsip-prinsip tersebut kerjasama ketenteraan dapat dijalankan secara berkesan, teratur dan berterusan.
- (b) Bentuk latihan bersama yang telah, sedang dan akan dilaksanakan di antara Malaysia dan Indonesia ialah:
- (1) Eksesais bersama Angkatan Tentera Darat;
  - (2) Eksesais bersama Angkatan Tentera Laut melalui operasi rondaan terkoordinasi; dan
  - (3) Eksesais bersama Angkatan Tentera Udara bagi maksud pertahanan ruang udara serta latihan mencari dan menyelamat.

Eksesais-eksesais tersebut di atas diadakan setahun sekali secara bergilir-gilir sama ada di Malaysia ataupun di Indonesia. Bagi eksesais Tentera Darat bentuk latihan yang diadakan adalah latihan olah perang - "Command Post Exercise" (CPX) ataupun latihan "Field Troops Exercise" (FTX) iaitu penyertaan anggota kedua-dua pihak.

- (c) Bagi soalan (c) sayugia dinyatakan soal pertahanan negara adalah merupakan tanggungjawab negara masing-masing. Dalam konteks hubungan di antara Malaysia dan Indonesia di bawah syarat-syarat kerjasama yang saya nyatakan diperenggan (a) di atas, setakat ini tidak ada jaminan pembelaan atau bantuan yang telah dipersetujui sekiranya mana-mana satu negara diceroboh oleh musuh. Walaupun demikian, perlu ditegaskan bahawa kedua-dua negara sentiasa menjalin hubungan kerjasama yang erat dan rapat. Sebarang isu atas kepentingan bersama selalu dibincangkan di antara pucuk pimpinan kedua negara dalam konteks hubungan dua hala dan juga melalui mekanisma ASEAN.

**KUMPULAN PEMBEBASAN ISLAM LUAR NEGERI**

**62. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) Senarai kumpulan pembebasan Islam luar negeri yang dibantu oleh Kerajaan Malaysia?
- (b) Apakah bentuk-bentuk bantuan tersebut; dan
- (c) Apakah ada sebarang halangan dari mana-mana pihak untuk menggagalkan usaha bantuan ini.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:**

- (a) Kumpulan pembebasan Islam luar negeri yang dibantu oleh Kerajaan Malaysia ialah Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) dan Mujahideen Afghanistan.
- (b) Bantuan yang telah diberikan dan yang akan terus diberikan buat masa ini adalah di dalam bidang-bidang tertentu yang sesuai dengan kemampuan kita. Umpamanya ketika mereka mula-mula membuat Perwakilan di negara ini, Kerajaan Malaysia telah menyediakan sebuah rumah untuk dijadikan pejabat serta kediaman wakil masing-masing. Malaysia telah juga menghulurkan bantuan kewangan yang didapati dari Tabung Palestin dan bantuan kecemasan oleh Kerajaan Malaysia seperti barang-barang ubatan dan makanan yang diperlukan oleh rakyat Palestin dan Afghanistan.

- (c) Setahu Kementerian ini, tidak ada sebarang halangan dari mana-mana pihak untuk menggagalkan usaha bantuan ini.

**PENCEMARAN LAUT—  
TINDAKAN MENCEGAH**

**63. Tuan Joseph Voon Shin Choi** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) adakah Kementerian sedar tentang masalah pencemaran laut di kawasan penduduk rumah air dan kawasan perindustrian disebabkan sikap

masyarakat yang tidak mahu menjaga kebersihan walaupun tong-tong sampah telah disediakan dan akibat pengaliran sisa-sisa kilang dari kawasan perindustrian di Malaysia;

- (b) adakah disedari bahawa pencemaran laut berlaku dari sisa-sisa pembuangan penduduk rumah air dan sisa kilang telah mengancam kehidupan laut dan kehidupan nelayan-nelayan pantai bergantung kepada kerja penangkapan kehidupan laut; dan
- (c) tindakan atau denda diambil oleh Kementerian bagi mencegah pencemaran laut berpunca dari sikap masyarakat sendiri serta sisa-sisa kilang tersebut.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Law Hieng Ding):**

- (a) Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian memang menyedari berlakunya masalah pencemaran laut. Pencemaran laut berlaku adalah berpunca daripada buangan bahan pepejal daripada kawasan penduduk rumah air. Berdasarkan data pengawasan kualiti air dari Jabatan Alam Sekitar, pencemaran air laut oleh sisa-sisa industri adalah rendah.
- (b) Kementerian juga menyedari sisa-sisa pembuangan penduduk rumah air dan sisa kilang akan mengancam kehidupan laut dan kehidupan nelayan-nelayan pantai. Kejadian ini, bukan sentiasa berlaku dan hanya berlaku pada tempat yang tertentu sahaja.

(c) Kementerian ini, tidak dapat bertindak ke atas penduduk-penduduk rumah air kerana ianya bukan di bawah bidangkuasa Kementerian ini. Bagi sisa-sisa industri, status pematuhan pihak industri pada masakini adalah memuaskan.

perniagaan berbentuk jualan langsung. Kementerian mengambil keputusan untuk melesen pengeluar kad kredit dan kad caj kerana Akta Jualan Langsung 1993 menetapkan cara dan kaedah jualan langsung yang mana aspek ini tidak diberi perhatian oleh undang-undang atau agensi pengawal yang sedia ada.

**SYARIKAT KAD KREDIT—  
PENGECEUALIAN DARI  
PERATURAN JUALAN  
LANGSUNG**

**64. Tuan Kerk Kim Hock** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan berapakah syarikat kad kredit yang telah memohon untuk dikecualikan daripada melaksanakan Peraturan Jualan Langsung 1993 dan adakah Kementeriannya meluluskan permohonan mereka, jika ya, apakah sebabnya?

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar):** Sejumlah 17 pengeluar kad kredit dan kad caj yang beroperasi di negara ini telah mengemukakan permohonan untuk mendapat pengecualian penuh daripada Akta Jualan Langsung 1993. Daripada jumlah ini, 13 pengeluar kad kredit dan kad caj terdiri daripada institusi-institusi perbankan dan 4 bukan institusi perbankan.

Dalam hubungan ini semua pengeluar kad kredit dan kad caj, sama ada institusi perbankan atau bukan perbankan yang terlibat dalam mengalakkan permohonan kad kredit menerusi jualan secara langsung adalah tertakluk kepada Akta Jualan Langsung 1993. Ini bermakna institusi-institusi ini perlu mempunyai lesen yang sah untuk menjalankan

**USUL**

**USUL MENANGGUHKAN  
MESYUARAT DI BAWAH  
PERATURAN MESYUARAT 18**

**Penjualan Tanah di Bukit Kiara  
oleh DBKL kepada KL Golf &  
Country Club**

*3.35 ptg.*

**Tuan Wee Choo Keong (Bukit Bintang):** Tuan Yang di-Pertua, dengan hormatnya saya ingin memberi notis bersurat di bawah Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Rakyat 18(2) untuk mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat ditangguhkan dengan tujuan merundingkan satu perkara tertentu, berkenaan dengan kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan.

Usul saya berbunyi seperti berikut:

Bahawa Dewan ini di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 18, memberi izin kepada Yang Berhormat Tuan Wee Choo Keong, Ahli Parlimen Kawasan Bukit Bintang, mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat Dewan ini ditangguhkan untuk tujuan merundingkan satu perkara tertentu, berkenaan kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan, iaitu perkara berkenaan dengan

keputusan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) pada 11hb Jun, 1993 di atas penjualan tanah utama 365 ekar di Bukit Kiara oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kepada Kuala Lumpur Golf & Country Club Sdn. Bhd. (KLGCC), sebuah syarikat yang dikawal oleh syarikat Singapura dengan harga perolehan DBKL daripada Kerajaan Persekutuan.

Yang Berhormat Tuan Wee Choo Keong telah membangkitkan perkara tersebut di Dewan ini beberapa kali bahawa DBKL telah memperolehi sebidang tanah utama seluas 365 ekar di Bukit Kiara daripada Kerajaan Persekutuan beberapa tahun yang lalu dengan harga RM59,725 seekar.

Tanah tersebut pada mulanya diperolehi oleh Kerajaan Persekutuan daripada pihak swasta untuk tujuan menjadikannya sebagai Tanah Perkuburan Negara (National Mausoleum). Tetapi pada 6hb Jun 1991 DBKL telah menandatangani dua perjanjian pajakan (lease agreement) yang berkuatkuasa selama 96 tahun dengan KLGCC di mana tanah tersebut diperolehi oleh KLGCC dengan harga RM59,725 seekar, iaitu harga yang sama dengan harga perolehan DBKL daripada Kerajaan Persekutuan, sedangkan tanah tersebut pada masa itu sudah berharga lebih kurang RM 1 juta seekar. Penjualan tanah utama tersebut telah dijalankan tanpa sebarang tawaran terbuka laporan penilaian (valuation report) atau nasihat daripada Peguam Negara.

Saya amat gembira bahawa PAC telah bersetuju dengan saya dalam mesyuarat PAC pada 11hb Jun 1993 mengenai dengan penjualan tanah

utama tersebut. Di antara rumusan PAC yang dibentangkan di Parlimen pada 2hb Ogos 1993 adalah seperti berikut:

- “(1) Cadangan supaya selepas dibatalkan perjanjian yang lama itu dibuka semula tawaran secara open tender kepada mana-mana pihak berminat.
- (2) Persetujuan Kerajaan menimbangkan semula harga kadar premium menunjukkan bahawa ada unsur-unsur penyelewengan dalam proses penswastaan padang golf Bukit Kiara.
- (3) Merujukkan perkara ini kepada BPR untuk disiasat.
- (4) Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara seharusnya mewujudkan akauntabiliti terhadap wang rakyat dan kredibiliti mengenai tanggungjawabnya dalam konteks pentadbiran Kerajaan.
- (5) Dikaji semula keseluruhan memandangkan sekiranya terma-terma perjanjian yang lama dapat diperbaiki, sekalipun hasilnya mungkin tidak memadai.

Hampir keseluruhan daripada Ahli-ahli mencadangkan supaya perkara ini dikaji semula dan sekiranya boleh dibatalkan, tindakan sedemikian hendaklah diambil.

Berikutan daripada tindakan membatalkan perjanjian yang lama itu, DBKL hendaklah membuka semula tawaran secara open tender.

### Perakuan

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara mengesyorkan:

- (1) DBKL membatalkan perjanjian yang lama berasaskan kepada 'infringement' yang dilakukan oleh Syarikat Solarvest yang mempelawakan keahlian kepada orang ramai sebelum projek ini dilancarkan.
- (2) Merujukkan perkara penswastaaan projek Padang Golf di Bukit Kiara ini kepada BPR untuk disiasat."

Saya berharap Kerajaan akan mengambil tindakan susulan yang berkesan sepertimana yang dikehendaki oleh PAC. Saya juga berharap BPR mengambil tindakan tegas untuk menyiasat perkara yang dibangkitkan di sini dan melaporkan hasil penyiasatan kepada Parlimen.

Oleh kerana penyiasatan PAC menunjukkan bahawa penyelewengan wujud berhubung dengan penjualan tanah tersebut dan untuk kepentingan negara, segala perjanjian dengan KLGCC harus dibatalkan dengan segera dan tanah berkenaan diambil balik oleh Kerajaan untuk dijadikan sebagai Taman Negara atau padang golf awam yang mana semua lapisan masyarakat dapat menikmati faedahnya.

Jika tanah tersebut hendak diswastakan maka hendaklah dibuat melalui tender terbuka bersesuaian dengan rekomendasi PAC dan prinsip telus dan transparency yang selalu dilaungkan oleh Menteri Kewangan, Yang Berhormat Dato'

Seri Anwar Ibrahim. Penjualan tanah utama ini dengan harga yang amat murah sudah tentu menjejaskan kepentingan negara dan Kerajaan Barisan Nasional mempunyai tanggungjawab untuk mengambil balik tanah tersebut demi kepentingan nusa dan bangsa agar kita tidak ditertawakan oleh negara asing.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahuan Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat dari kawasan Bukit Bintang. Bagi membolehkan perkara ini ditimbang-kan oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua, hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat seperti biasa. Syarat (i) tertentu; (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan (iii) ia berkehendak disegerakan.

Setelah meneliti perkara ini, saya dapati ia telah memenuhi dua kriteria tetapi tidak perlu disegerakan. Pada fahaman saya perkara ini tidak perlu disegerakan oleh kerana perkara ini telah dikemukakan di dalam Dewan ini dahlulu pada 19-11-92 mengenai perkara yang sama. Di samping itu oleh kerana Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) telah membuat syor-syor yang sewajarnya maka sudah semestinya pihak-pihak yang tertentu akan mengambil tindakan atas syor-syor yang telah dikemukakan oleh PAC itu.

Oleh yang demikian Usul ini ditolak.  
(Tepuk)

**RANG UNDANG-UNDANG  
DIBAWA KE DALAM  
MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG  
PROFESION UNDANG-UNDANG  
(PINDAAN) 1993**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Profesion Undang-undang 1976; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG  
PENGALAKAN PELABURAN  
(PINDAAN) 1993**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (2hb Ogos 1993)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dari Kepong hendak sambung?

3.42 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah saya bangkitkan semalam pelaburan tempatan di negara ini adalah sangat kurang walaupun seminar, simposium dan lain-lain kegiatan MITI atau Kementerian untuk menggalakkan pelabur-pelabur tempatan mencebur-

kan di dalam pelaburan negara. Tetapi setakat ini nampaknya tidak begitu menggalakkan. Kita boleh lihat, Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita pun dapat pelaburan lebih daripada RM61 bilion dan merupakan hampir 8% daripada matlamat yang ditetapkan untuk 3 tahun ini. Tetapi, pelabur-pelabur tempatan masih ketinggalan mungkin tidak sampai 30%. Walaupun untuk tahun 1990 dan 1991 saya nampak ada baik sedikit, tetapi untuk tahun lepas dan tahun ini sangat berkurangan. Ini merupakan satu kebimbangan kerana untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi, sekurang-kurangnya 7.5% KDNK yang ditetapkan di dalam Dasar Ekonomi Kerajaan.

Kita memang perlu berusaha untuk mempertingkatkan pelaburan tempatan dan asing dan juga untuk merangsangkan penabungan dan mempertingkatkan eksport. Itulah strategi untuk menambahkan penabungan, mempertingkatkan pelaburan domestik dan asing (foreign) dan juga untuk menambahkan eksport.

Memang Rang Undang-undang yang dibentangkan hari ini ialah untuk menggalakkan pelaburan dan juga menambahkan eksport. Mungkin akan tambahkan eksport lagi. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, daripada segi pelaburan tempatan saya hendak mencadangkan bahawa pihak Kementerian mungkin mengkaji bukan sahaja dari segi sektor-sektor swasta dan pelabur-pelabur individu bahkan juga institusi seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Setahu kita setakat ini aset KWSP hampir RM50 bilion. Dan sejak dua-tiga tahun yang lepas pihak Kerajaan dengan usaha untuk menswastakan melalui Dasar Penswastakan dan tidak mewajibkan pihak KWSP untuk

membeli Bon-Bon Kerajaan sampai 70% daripada amaun yang dilaburkan. Sekarang lebih kurang 70%, ini bermakna pertabungan wajib ini, KWSP mempunyai wang yang banyak. Kalau sekarang sampai RM50 bilion pada tahun 2000 dianggarkan lebih RM100 bilion. Ini merupakan satu punca kewangan yang terbesar di negara ini. Dan juga sumber wang ini akan bertambah kerana tiap-tiap pekerja diwajibkan memberi sumbangan kepada KWSP. Ini satu captive atau penabungan paksaan.

Dan saya nampak pengumuman daripada Ketua Pengarah KWSP yang mengatakan bahawa mereka sangat berminat di dalam Bursa Saham Kuala Lumpur sekarang dan bursa-bursa saham yang lain. Dan pelaburan dalam Bursa Saham itu telah meningkat dengan pesat. Bolehkah Kementerian mengkaji sama ada tabungan yang begitu besar ini dapat digalakkan untuk pelaburan selain daripada ekuiti kepada bidang yang lain. Mungkin. Saya tidak menggalakkan pelaburan dengan risiko yang terlalu tinggi. Tetapi dengan risiko yang tidak begitu tinggi, kita boleh menggalakkan.

Nampaknya di dalam Rang Undang-undang ini tidak ada menyebutkan hal seperti ini cuma dari segi misalnya pengecualian cukai taraf perintis dan galakan-galakan cukai yang lain. Itu sahaja yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:**  
(*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Padang Terap minta jalan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sila.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah Yang Berhormat dari

Kepong sekarang ini menukar sikap iaitu mahukan satu badan seperti KWSP yang memegang amanah wang pekerja untuk melabur lebih daripada yang telah pun ditetapkan oleh KWSP? Apakah ini bertentangan dengan pendirian rakan-rakan Yang Berhormat mengenai dengan pelaburan Bank Negara di dalam foreign exchange atau forex?

Yang Kedua, soalan saya apakah Yang Berhormat setuju jikalau KWSP memasuki di dalam bidang forex?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sebutkan tukaran asing (Forex) langsung, tidak disebutkan, cuma kita menggalakkan institusi-institusi yang mempunyai tabungan yang begitu besar, yang terbesar di negara ini untuk melaburkan di dalam bidang-bidang yang tidak mempunyai risiko yang begitu tinggi, itupun tidak faham—tidak faham. . . .

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:**  
(*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, dia bangun lagi.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Sebenarnya dia yang tidak faham. Soalan saya tadi, saya kata di dalam dasar KWSP dia mempunyai sebahagian iaitu kuota yang selamat. Adakah yang Berhormat mencadangkan supaya ia melebihi kuota pelaburan? Itu pertanyaan saya. Mengenai dengan forex adalah soalan yang lain, yang tidak kena-mengena dengan soalan yang pertama. Adakah Yang Berhormat hendak mencadangkan supaya KWSP memasuki bidang forex untuk membuat wang lebih banyak? Dia yang tidak faham soalan-soalan saya, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan pelaburan yang tidak mempunyai risiko yang begitu tinggi, itu merangkumi semua bidang dan kalau KWSP boleh melaburkan di sekuriti, diekuiti KWSP itu mempunyai risiko. Kalau itulah kegiatan yang ditambahkan sekarang apa salahnya kita menuju kepada bidang-bidang. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Kepong. . . .

**Dr. Tan Seng Giaw:** . . . . yang mempunyai risiko yang kurang.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dari Kepong membelakangi Kerusi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Ketawa*)

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap mengenai dengan amaun, bukan mengenai dengan di bidang-bidang yang risikonya rendah, maksud saya itu ialah amaun—bukan di bidang-bidang yang risiko rendah. Jadi, saya harap dia dapat faham.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, KWSP memegang amanah kepada wang rakyat. Pertubuhan itu mesti berwaspada di dalam semua aktiviti pelaburan dan apa yang mempunyai risiko seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Padang Terap, kita tidak payah layankan.

Setakat ini dia tidak berminat, tidak menghirau langsung mengenai apa yang digunakan oleh KWSP untuk melabur. Kalau tidak silap saya, mereka mempunyai program-program yang banyak dan sebelum ini pun membuat pelaburan di banyak bidang seperti skandal MAMINCO, skandal MAKUWASA, itu kita tidak mahu.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, dia sudah confuse, tadi dia hendak suruh labur, tetapi dia kata skandal MAMINCO. Di dalam pelaburan, di dalam perniagaan apabila kita memasuki satu perniagaan, kita hanya mengetahui sebahagian risiko, yang lain kita tidak mengetahuinya, sebab itu dipanggil risiko. Kalau kita mengetahuinya, kita tidak panggil risiko lagi, Yang Berhormat mempunyai 'muddle of thinking', dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini yang saya tidak nampak Pengerusi PAC mengambil tindakan untuk menyiasat dengan teliti apa yang sebenarnya berlaku dengan MAMINCO dan juga MAKUWASA. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya—ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** . . . . itu satu kecuai-an-kecuai-an yang sangat besar, yang nampaknya tidak menunaikan kewajipan dan tanggungjawab.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Minta point of order, Yang Berhormat, ya.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Yang Berhormat duduk dalam Parlimen lebih lama dari saya, skandal MAMINCO, MAKUWASA berlaku sebelum saya menjadi Pengerusi PAC untuk pengetahuan Dewan ini, jadi tuduhannya tadi tidak berasas.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu KWSP itu melabur seperti di dalam pasaran logam di London, menggunakan wang KWSP untuk melabur di situ dengan spekulasi, spekulasi yang tidak begitu munasabah sehingga rugi berbilion-bilion ringgit. Itulah yang dibuat dan pihak Pengerusi PAC mesti mengambil perhatian mengenai apa yang telah berlaku dengan KWSP.

Di sini kita hendak bincangkan pelaburan, galakan pelaburan, bagaimana pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dapat menggalakkan institusi-institusi tempatan seperti penabungan yang terbesar di negara ini iaitu KWSP untuk melaburkan di negara ini, dengan insentif-insentif yang berpatutan. Itu sahaja yang kita galakkan supaya pihak Kementerian mengkaji bidang ini.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:**  
(*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, ya Padang Terap.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Saya minta penjelasan lagi daripada sahabat saya dari Kepong. Dia kata tadi MAMINCO, MAKUWASA ini adalah berdasarkan spekulasi. Adakah dia mempunyai bukti bahawa apa yang dibuatnya itu berdasarkan spekulasi?

Yang kedua, adakah beliau bermaksudkan di sini bahawa tiap-tiap perniagaan itu tidak mesti rugi langsung. Jadi disebabkan dia tidak menjawab soalan saya tadi, bahawa tiap-tiap perniagaan itu dia tidak dapat mengetahui andaian-andaian keseluruhannya, sebab itu ada yang dikatakan faktor risiko. Jadi, sila jawab

soalan saya tadi ini, adakah dia mahu tiap-tiap pelaburan itu mesti di 'guarantee' kan dengan keuntungan?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, pelaburan memang mempunyai risiko, tetapi risiko itu ada perbezaan, ada risiko yang rendah, ada risiko yang tinggi, ada yang tidak bertanggung-jawab. Kalau dari segi forex yang diakibatkan tindakan aktiviti Bank Negara memang kita tidak boleh terima, kerana kerugiannya terlalu besar. Kalau kerugian sedikit kita boleh, tetapi kerugian yang begitu besar akibat daripada spekulasi yang tidak patut diadakan. Itulah yang kita kena pertikaikan dan setakat ini Pengerusi PAC pun tidak menyiapkan satu laporan lagi mengenai forex. Itu satu kecuaiian lagi.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:**  
(*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Padang Terap.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah Ahli dari Kepong ini jangan lari daripada point, dia balik kepada PAC. Yang saya hendak tanya tadi ini, adalah pertanyaan yang segar (*fresh*). Apakah Yang Berhormat dari Kepong tahu perbezaan di antara kerugian dan kerugian tergantung? Kerugian tergantung ini wujud apabila sekian-sekian akaun itu dipotong pada sekian masa dan nampak tergantung, kerugian itu bukan kerugian yang telah direalisasikan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, kerugian ataupun kerugian tergantung, kalau tergantung dengan berpuluh-puluh bilion ringgit yang rugi, itu tidak boleh diterima. Itu adalah amaun yang dirugikan, 'tergantung', 'tergayut' ataupun ter'apa' pun. Kita

memang menggalakkan pihak Kementerian mengkaji bidang ini, dan saya tidak nampak pihak Pengerusi PAC, dia tidak setuju dengan pihak kami, kalau kita pernah mencadangkan satu Suruhanjaya Di-Raja diadakan untuk menyasat skandal MAMINCO dan MAKUWASA, dia tidak setuju. Sekarang dia hendak bangkitkan perkara ini. Itulah 'sesal dahulu pendapatan. . . . .

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:**

Tuan Yang di-Pertua, saya kata tadi skandal MAMINCO, MAKUWASA itu adalah perkara yang di luar jurisdiction saya, yang telah pun selesai. Soalnya mengapakah Yang Berhormat tadi belum lagi menjawab soalan saya, apakah Yang Berhormat mewujudkan satu kuota ataupun apa yang kita kata 'satu had' yang mana keuntungan ataupun kerugian itu tidak boleh melebihi, macam tadi saya tanya amaun, banyak mana amaun yang sepatutnya KWSP melaburkan, dia tidak jawab.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah kalau ada kerugian, dan dengan adanya penjelasan dan alasan-alasan yang boleh diterima, kita memang mengakui bahawa itu memang satu pelaburan yang mengakibatkan kerugian biasa. Tetapi kalau amaunnya terlalu besar, berpuluh-puluh bilion ringgit, itu tidak boleh diterima. Itu sahaja, sangat simple, sangat 'gampang'.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya mencadangkan supaya pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri supaya mengkaji kemungkinan untuk menggalakkan institusi penabungan yang terbesar di negara ini seperti KWSP ataupun yang serupanya supaya dapat melaburkan dengan risiko yang berpatutan. Itu sahaja yang diserukan, tetapi ini berlarutan sangat.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak daripada ucapan Timbalan Menteri semalam, dia kata bahawa sektor pembuatan dijangka akan menyumbang lebih 50% pertumbuhan dalam KDNK dan kadar ini akan meningkat. Itu kita nampak tidak boleh dielakkan kalau kita hendak menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara ini dan dengan pertumbuhan seperti ini memang ada beberapa faktor, pelbagai dimensi dan cabaran termasuk bagaimana kita menggalakkan industri yang menjimatkan sumber-sumber semula jadi bahan-bahan mentah negara yang boleh lupus dan juga infrastruktur-infrastruktur yang sangat tidak mencukupi sekarang dan juga tenaga, sama ada tenaga elektrik ataupun tenaga manusia yang kita menghadapi kesusahan sekarang.

Walaupun kita mempunyai insentif yang banyak, galakkan yang banyak, tetapi sekatan-sekatan yang telah saya sebutkan tadi, kalau tidak diatasi ia akan sia-sia sahaja. Kita boleh nampak pada tahun 1990, pelaburan asing RM17.6 bilion; tempatan RM10.5 bilion dan jumlahnya RM28.1 bilion. Itu baik! Bagi tahun 1991, pelaburan asing RM15.9 bilion; tempatan RM12.17 bilion dan jumlahnya juga RM28.1 bilion. Untuk kedua-dua tahun itu memang menggalakkan tetapi tidak untuk tahun 1992 dan tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menekankan, di dalam Rang Undang-undang ini tidak disebutkan bagaimana insentif untuk latihan tenaga kerja, tenaga manusia. Ini penting. Kita hendak memberi galakan kepada mereka yang ingin melabur di sini untuk melatih tenaga manusia kerana bukan sahaja separuh mahir ataupun mahir ataupun buruh yang tidak mahir langsung pun, kita kurang. Walaupun di Padang Terap tidak ada kekurangan,

tetapi di tempat-tempat lain memang ada kekurangan. Dan disebabkan oleh kekurangan tenaga kerja ini, kita nampak pengaliran buruh daripada negara-negara tertentu, termasuk Indonesia, Bangladesh, Pakistan, Thailand dan sebagainya sehingga menimbulkan tragedi bot karam dan sebagainya.

Kalau kita hendak mengadakan insentif-insentif seperti yang dicadangkan oleh Rang Undang-undang ini, ini mestilah merangkumi bidang latihan untuk pekerja-pekerja tempatan. Kalau kita tidak ambil pusing sekarang, memang akan timbul masalah yang banyak. Di negara-negara Eropah, United Kingdom, Perancis, German dan juga negara-negara Scandinavia sekarang menghadapi masalah kerana mereka pada dua tiga dekat ini iaitu sejak Perang Dunia Kedua, mereka mempunyai banyak pekerja asing di negara-negaranya. Rakyat mereka tidak seperti rakyat Malaysia sekarang, mula tidak mahu bekerja di bidang-bidang yang tertentu. Maka timbullah masalah sosio-ekonomi di negara-negara ini sehingga pada akhir-akhir ini di negara Jerman ada pembunuhan dan merosakkan harta-benda orang-orang asing yang berketurunan Turki di Jerman.

Di negara ini juga kita mesti berwaspada dan sentiasa berwaspada supaya hal seperti ini tidak berlaku, tetapi sudah nampak ianya berlaku. Di Chow Kit kita tengok bagaimana? Ramai peniaga, tetapi bukan peniaga tempatan dan ada segelintir rakyat Malaysia yang menggunakan kesempatan ini menyewakan gerai-gerai dan sebagainya kepada pendatang tanpa izin, kerana hendak mendapatkan keuntungan dengan cepat. Itulah masalah yang timbul.

Sebab itu, saya menyeru kepada pihak Kementerian supaya memberi insentif kepada kilang-kilang yang mempunyai skim-skim latihan pekerja yang baik supaya kita dapat pekerja tempatan yang lebih banyak untuk negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian sepertimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sedang menuju ke arah pelaburan dalam industri yang berintensif modal, berteknologi tinggi dan nilai bertambah tinggi. Di dalam Rang Undang-undang ini pelaburan dalam sektor-sektor industri ini akan digalakkan dan insentif fiskal dan bukan fiskal disesuaikan mengikut pelaburan yang dijangkakan. Ini jelas menunjukkan industri-industri seperti inilah yang akan dibenarkan masuk ke negara ini. Tetapi industri-industri seperti ini pun akan mewujudkan masalah juga, kerana ianya berintensif modal, berteknologi tinggi dan nilai bertambah tinggi, maka masalah pemindahan teknologi timbul, memang timbul! Kalau kita tidak berwaspada, walaupun kita sekarang merupakan negara yang mengeksport alat hawa dingin dan televisyen yang terbanyak di dunia, kalau tidak ada pemindahan teknologi yang sewajarnya, hal seperti ini tidak boleh berterusan. Nampaknya, Ahli Padang Terap hendak mempersoalkan lagi soalan seperti ini.

**Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar:**

Saya mengikut hujah kawan saya tadi, Dia '*confused*', saya pun '*confused*', sebab dia kata tidak ada insentif latihan, tetapi dia juga mengaku bahawa ada insentif teknologi tinggi, capital-intensive dan lain-lain lagi. Jadi, apakah Yang Berhormat dari Kepong sedar bahawa dengan adanya intensif terhadap teknologi tinggi dan capital-intensive ini, maka soal insentif latihan itu telah termasuk di dalam perkara ini

iaitu subseksyen 29B, yang mana diberi insentif terhadap pelaburan dan peningkatan pelaburan. Apabila diadakan teknologi tinggi dan capital-intensive (capital goods), maka dengan secara otomatis insentif untuk latihan itu telah ada. Jadi, apakah Yang Berhormat tidak membaca habis Rang Undang-undang ini untuk membuat hujah-hujah yang mengelirukan?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Galakan kepada industri intensif modal, teknologi tinggi dan juga nilai ditambah tinggi tidak semestinya merangkumi latihan kepada pekerja-pekerja tempatan. Itu tidak semestinya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia bangun pula, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Jikalau sesebuah syarikat mempunyai mesin yang berteknologi tinggi, dia wajib melatih orang-orang tempatan yang menjalankan mesin itu. Mengapa dia kata tidak semestinya? Dia wajib melatih orang untuk menjalankan mesin dan teknologi yang canggih. Bagaimana dia bercakap? Berpusing-pusing, itu tidak betul.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Di dalam sesebuah kilang, dia memang ada berapa tahap, tahap yang rendah dia boleh latih, sementara pada tahap sederhana dan pada tahap tinggi dia tidak latih. Jadi, macam mana latihan seperti ini? Sia-sia sahaja. Bila dia tutup tirai, dia pergi, jadi pekerja-pekerja rendah seperti ini macam mana hendak teruskan satu usaha seperti itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, dia bangun pula.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dia hendak kelirukan sedikit.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya. Kalau dia tidak latih orang menjalankan teknologi tinggi, macam mana kilang dia hendak jalan?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, maksud saya ialah dalam latihan itu ada banyak peringkat—peringkat yang tertinggi, peringkat sederhana dan peringkat rendah. Yang dia maksudkan itu ialah peringkat rendah. Itulah yang dia merasa puas hati.

**Tuan Yang di-Pertua:** Macam mana hendak buat coca-cola, macam itu? Dia orang tidak beritahu kepada orang ramai.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak beritahu, tetapi Padang Terap sudah berpuas hati. Asalkan dapat minum coca-cola, dia sudah puas hati. Itu sahaja masalahnya sekarang.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, dia mengharapkan pertolongan Tuan Yang di-Pertua, tetapi banyak industri bukanlah macam coca-cola. Coca-cola itu hanya ramuannya sahaja yang dirahsiakan, tetapi apa yang saya maksudkan ialah seperti pembinaan mesin-mesin dan pembinaan alat-alat. Jadi, bukannya semua orang yang hendak dilatih, misalnya untuk membuat kerja di dalam 'highly precision' atau, dengan izin, yang precise. Jadi, apa yang saya hendak sebutkan di sini ialah dia sudah keliru dan meminta supaya diadakan itu dan ini, dan dia mengatakan bahawa Rang Undang-undang ini tidak ada. Apa yang saya hendak tunjukkan di sini ialah di dalam subseksyen 29B sudah ada dan sudah sebut—ia termasuk (inclusive) di dalam subseksyen 29B ini. Itu sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah, Yang Berhormat Kepong sila teruskan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya akan teruskan, dan kita boleh bincangkan lagi kalau Padang Terap hendak membincangkannya. Selepas saya

habiskan ucapan ini kita boleh keluar dan membincangkan dengan panjang lebar bagaimana kita dapat memberi nasihat kepada Kementerian supaya mengambil pusing mengenai cara-cara latihan kepada kakitangan kilang yang besar dari semua peringkat.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:**  
(*Berjalan keluar*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila Kepong, jangan tengok dia.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya. Tuan Yang di-Pertua, kita mesti menggalakkan pemindahan teknologi kerana kalau tidak, pelaburan itu hanya boleh memberi keuntungan atau manfaat kepada negara untuk sementara sahaja dan bukan untuk berkekalan. Mungkin pihak Kementerian boleh bekerjasama dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, kerana saya nampak Kementerian itu ada Pelan Tindakan Teknologi Kebangsaan bagi pembangunan perindustrian dan Pelan Tindakan itu juga digunakan sebagai panduan untuk rujukan bagi pembangunan teknologi di negara ini. Walaupun sekarang peruntukan perbelanjaan untuk Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) hanya 0.8%, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), ada disebutkan bahawa pihak Kerajaan hendak meningkatkannya supaya perbelanjaan untuk R&D ini ditingkatkan pada masa akan datang.

Walau bagaimanapun, pemindahan teknologi yang kita dapati sekarang masih tidak memuaskan. Misalnya, mengenai Proton Saga, disebutkan bahawa hampir lebih daripada 70% atau 80% komponennya adalah komponen tempatan. Tetapi ada banyak lagi yang penting yang mempunyai teknologi tinggi seperti keping-keping besi keluli yang digunakan untuk membuat kereta itu,

tetapi ini diimport. Ini mesti diimport kerana ia memerlukan teknologi tinggi. Kita boleh sebutkan bahawa di lain kali 90% komponen untuk Proton Saga adalah dari sumber tempatan, tetapi sumber yang penting atau yang pokok adalah diimport. Itulah masalah kita sekarang. Bukan saya tidak mahu menggalakkan pelaburan asing untuk membina kilang-kilang supaya kita dapat keuntungan, tetapi kita hendak menggalakkan lagi pemindahan teknologi.

Berhubung dengan ini, negara telah banyak bergantung kepada pelaburan luar negara, di mana syarikat-syarikat asing telah membawa masuk teknologi seperti yang telah saya sebutkan tadi untuk mewujudkan tahap pengeluaran barang-barang bermutu bagi pasaran luar negara dan bolehkah pihak Kementerian mempertingkatkan lagi pertalian (linkages) rantaian di antara syarikat-syarikat tempatan, khususnya perusahaan kecil dan perusahaan sederhana dengan syarikat-syarikat yang asing yang membawa masuk teknologi yang tinggi ini dan ini merupakan satu cara supaya pemindahan teknologi dapat dilakukan. Kerajaan juga telah menubuhkan satu koperasi iaitu Malaysia Technology Development Corporation (MTDC).

Adakah pihak Kementerian bercadang untuk membantu MTDC dan menggalakkan pihak syarikat-syarikat asing supaya membantu memperdagangkan hasil-hasil penyelidikan secara usahasama dan juga mungkin bekerjasama dengan syarikat tempatan. Itulah satu cara lagi bagi kita perlu memberi insentif kepada syarikat-syarikat asing dan juga tempatan untuk MTDC.

Ada satu program lagi saya nampak iaitu Program Penyelidikan dan Pembangunan yang mempunyai

mekanisme penumpuan penyelidikan di bidang keutamaan (IRPA). Ini sudah pun diadakan sejak tahun 1988 dan bolehkah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri menerangkan bagaimana pihak Kementerian dapat memberi pertolongan dan rangsangan kepada Program Penyelidikan dan Pembangunan ini supaya teknologi yang diperolehi oleh syarikat-syarikat tempatan dapat ditingkatkan. Itu satu perkara yang penting.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak negara-negara yang penting, yang mempunyai syarikat-syarikat raksasa yang melabur di negara ini adalah Amerika Syarikat, Jepun, Taiwan, Singapura, Korea Selatan, Hong Kong dan juga sekarang, Australia dan United Kingdom yang ada tambah sedikit terutamanya Amerika Syarikat, Jepun, Taiwan dan Singapura. Itu negara-negara yang penting bagi kita dan kita berharap negara-negara lain seperti Republik Rakyat China pun akan melabur di negara ini kerana kita berharap tidak begitu bergantung kepada negara-negara yang tertentu sahaja.

Bolehkah Kementerian memberi penerangan mengenai jumlah wang yang dibawa balik oleh pelabur-pelabur? Ini penting dan setakat ini saya tidak tahu apakah kaedah dan cara-cara yang digunakan oleh pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk menganggarkan atau mengirakan wang yang dibawa balik oleh pelabur-pelabur asing. Setakat ini, saya dapat daripada rekod Bank Negara bagi tempoh 1985 sehingga 1990 sebanyak RM22.5 bilion telah dibayar dalam bentuk keuntungan dan dividen kepada rakyat bukan pemastautin. Ini mungkin satu amaun wang yang dibawa balik oleh

pelabur-pelabur—mungkin. Saya pun tidak tahu. Tidak pernah diumumkan di negara ini. Semasa kita hendak menggalakkan pelabur-pelabur asing untuk menanamkan lebih pelaburan di negara ini, kita mesti tahu apakah amaun wang yang dibawa balik, repatriated, dengan izin. Kalau tidak, mungkin keuntungan atau manfaat yang didapati itu tidak seimbang dengan wang yang dibawa keluar.

Melalui bank, Tuan Yang di-Pertua, keuntungan dan dividen pihak syarikat-syarikat asing biasanya dipulangkan melalui sistem bank dalam mata wang asing negara berkenaan. Ini akan merugikan negara Malaysia. Ada juga kemungkinan keuntungan dibawa balik melalui kos barang dan perkhidmatan yang tinggi tetapi tidak ada data-data bagi membuktikan aktiviti ini.

Daripada segi ini, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mencadangkan bahawa galakan diberi kepada syarikat-syarikat yang menggunakan insurans tempatan dan konsultan tempatan misalnya kerana invisible earning negara ini masih rendah. Kadar consultation fee untuk perkhidmatan-perkhidmatan seperti insurans, undang-undang antarabangsa, undang-undang perdagangan antarabangsa dan sebagainya memang tinggi di negara ini. Walaupun Yang Berhormat Menteri Kewangan pernah mengatakan ia hendak menambahkan invisible earning untuk negara ini, baik juga kenyataan dia tetapi inilah kita mungkin bersama-sama boleh membincangkan bagaimana kita dapat mempertingkatkan lagi invisible earning ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagikah Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Oh, saya kalau hendak berucap memang panjang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan panjang sangat Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw :** Jangan panjang?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya mintalah, bolehkah Yang Berhormat habiskan?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya hendak singkatkan.

**Tuan Yang di Pertua:** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Singkatkan tetapi ada dua, tiga perkara lagilah kerana tidak banyak Rang Undang-undang lagi. Semalam kita pun memberi pertolongan sedikit. Dua Rang Undang-undang kita tidak bahas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, adakah Yang Berhormat sifat sebagai pertolongan?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, memang. (*Ketawa*) Memang, Tuan Yang di-Pertua. Dua Rang Undang-undang kita tidak mengambil bahagian. Itu memang satu pertolongan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, tidakkah Yang Berhormat boleh menyifatkan itu tidak kekacauan? (*Ketawa*)

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukan, saya ada di dalam, bukan kekacauan kerana ada orang dari Labuan yang berminat untuk berbahas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, memang. Insentif mesti diberikan kepada pihak pelabur-palabur asing supaya mereka digalakkan melabur semula di dalam operasi syarikat sama ada melalui

projek baru atau pembesaran projek yang sedia ada. Walaupun ada insentif elaun pelaburan semula yang disediakan oleh pihak Kementerian tetapi mungkin boleh dikaji semula bagaimana kita dapat menggalakkan syarikat asing untuk melabur semula.

Sepertimana yang saya sebutkan tadi untuk rantaian industrinya mungkin industri-industri seperti kereta, elektronik yang menggunakan bahan-bahan tempatan melalui daftar kandungan tempatan supaya menambahkan lebih rantaian industri atau industry linkages dan insentif perlu diberi kepada mereka dan juga menggalakkan untuk mengadakan projek-projek usahasama dengan mengenakan syarat ekuiti maksimum bagi syarikat asing.

Satu lagi ialah selain daripada menggalakkan lebih pemindekan teknologi. Memang satu insentif yang lebih mungkin diberi kepada pihak syarikat-syarikat yang boleh menggunakan bahan-bahan seperti getah, seperti timah dan kayu-kayan kerana ada satu cadangan yang baik juga untuk nilai ditambahkan di dalam industri dan mungkin insentif diberi kepada syarikat-syarikat asing yang hendak menggunakan bahan-bahan seperti kayu-kayan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, getah di negara ini—kita bukan sebagai pengeluar getah nombor satu sekarang ini walaupun mutunya masih tinggi, yang mana sentiasa dilaung-laungkan oleh industri getah di Malaysia. Mutunya masih tinggi, tetapi nampaknya pengeluaran yang turun di belakang Indonesia dan Thailand.

Kalau kita boleh menggalakkan industri-industri asing dan tempatan yang menggunakan lebih banyak getah,

mungkin ini satu cara untuk menghidupkan semula industri getah di negara ini. Saya nampak pusat penyelidikan telah mengadakan cara-cara torehan yang baru iaitu sepanjang hari boleh dapat susu getah. Ini dilaung-laungkan. Saya tak tahulah sama ada ini praktikal ataupun tidak, sebab sebelum ini ada cara-cara torehan baru pernah dikeluarkan, tetapi tak dapat dipakai. Tetapi yang terbaru dan yang terkini nampaknya torehan yang berterusan yang memberikan keluaran susu yang banyak. Mungkin ini boleh diseimbangkan dengan galakan-galakan bagi syarikat-syarikat asing yang menggunakan bahan-bahan tempatan seperti getah, kayu-kayuan dan sebagainya. Banyak lagi, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya akan meningkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya bangkitkan satu masalah yang saya sendiri telah mengalami, iaitu mengenai konsep pusat bayaran setempat yang telah pun diadakan yang memberi kemudahan kepada pelabur-pelabur swasta melalui penubuhan pusat pelaburan COI. Pada pendapat saya, pusat pelaburan COI ini masih tidak berfungsi dengan baik. Saya mencadangkan COI ini bukan sahaja dipertingkatkan perkhidmatan, fungsi dan keberkesanan, bahkan juga meluaskan. Misalnya, kalau pakar runding asing, ertinya Jurutera dan sebagainya, kalau visanya tamat, dia hendak lanjutkan untuk mengkaji projek dan sebagainya, mungkin COI boleh memberi pertolongan kepadanya.

Setakat ini, kalau masalah visa pun, sekarang ada yang hendak menyambungkan visa itu tidak dibenarkan. Ada yang terpaksa kembali ke negara asal, kemudian memohon semula. Kalau inilah yang berlaku, ia merupakan satu halangan kepada pelabur asing.

Agensi-agensi yang terlibat dengan kerja memproses lesen dan permit menurut Kementeriannya telah ditempatkan di bawah satu bumbung. Menurut ini telah dapat mengurangkan masa pelabur menunggu untuk mendapat kelulusan perniagaan yang akan dijalankan. Bolehkah Kementerian menerangkan berapa COI yang diadakan sekarang untuk negara ini? Adakah sekarang meningkat kepada 15 pusat?

Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) merupakan pusat penyelaras bagi pelabur Persekutuan. Disebutkan bahawa pihak MIDA telah berjaya meningkatkan keupayaannya memproses lebih banyak permohonan. Pemberian kelulusan untuk lesen-lesen pembuatan dan insentif cukai telah meningkat. Bolehkah Kementerian memberi angka mengenainya untuk tahun-tahun sejak 1988 ataupun sekurang-kurangnya untuk tahun 1991/1992 dan tempoh masa pemerosesan permohonan-permohonan untuk pengecualian cukai tempoh yang lebih singkat lagi? Apakah tempoh yang sekarang 2 bulan ataupun satu tahun?

Dengan adanya Rang Undang-undang ini, memang permohonan perlu dibuat dan tempoh masa pemerosesan permohonan ini untuk pengecualian cukai ini memang perlu dikaji bagaimana kita dapat disingkatkan nanti yang merupakan satu galakan juga untuk membantu pelabur-pelabur asing.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya daripada ucapan Timbalan Menteri semalam, Kerajaan akan terus mengekalkan dasar liberalisasi dan pelonggaran peraturan dan undang-undang untuk memperbaiki iklim pelaburan.

Memang dari segi mempelawa modal asing di sektor pembuatan dan pelancongan memang tidak boleh dielakkan. Memang kita mesti menyaksikan lebih banyak usaha untuk dasar yang lebih liberal. Kalau tidak, saya tidak nampak bagaimana masalah ini dapat di selesaikan.

Dari segi dasar liberalisasi ini, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan bagaimana agensi-agensi seperti Jawatankuasa Pelaburan Asing dapat dikemas-kini? Nampaknya Jawatankuasa Terbitan Modal sekarang pun diambilalih oleh Suruhanjaya Sekuriti. Itukah yang dimaksudkan? Jadi, daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri kepada Kementerian Kewangan, itukah yang dimaksudkan? CIC sekarang diambilalih oleh Menteri Kewangan kerana kedua-dua Jawatankuasa ini memang penting untuk mewujudkan iklim pelaburan yang sihat, yang sesuai bagi menarik lebih banyak pelabur-pelabur asing melaburkan dan menanamkan modal di negara ini.

Saya memang mempunyai banyak lagi masalah yang hendak ditimbulkan di sini. Satu masalah yang penting yang tidak dititikberatkan dan tidak ditekankan dalam Rang Undang-undang ini iaitu mengenai insentif yang diberi kepada syarikat-syarikat yang mempunyai pengurusan alam sekitar untuk syarikat.

Ini memang penting walaupun ada Perisytiharan Langkawi, ada kenyataan di Persidangan Kemuncak Alam Sekitar di Rio de Janeiro di Brazil dua tahun yang lepas. Nampaknya usaha-usaha untuk menggalakkan pengurusan alam sekitar untuk pembangunan yang mampan tidak begitu ketara—tidak begitu ketara. Termasuk Rang

Undang-undang ini yang tidak mempunyai insentif untuk itu. Kalau adapun tidak secara langsung, tidak begitu ketara.

Memang di dalam dua-tiga tahun ini pembangunan yang mampan pun yang ditekankan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan juga—yang mula menggunakan “mampan” pun Yang Berhormat Menteri Kewangan juga. Apakah dasar pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk pengurusan alam sekitar di dalam industri-industri, di dalam syarikat-syarikat, di dalam kilang-kilang untuk memelihara air, udara dan juga tanah, sumber semulajadi dan bahan-bahan mentah di negara ini. Itu memang. Saya tidak nampak lagi dasar yang di bentangkan oleh pihak Kementerian dari segi pengurusan alam sekitar ini. Mungkin di masa akan datang perkara ini dapat dipertimbangkan. Itulah cadangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya mempunyai banyak soalan dan masalah dan juga cadangan lagi, tetapi saya berharap ada rakan-rakan di sini yang akan mengambil bahagian dan saya akan tamat ucapan saya sekadar untuk menyeru pihak Kementerian supaya mengambil kira dan mempertimbangkan cadangan-cadangan yang telah saya sampaikan di sini kerana kita memang mempunyai banyak masalah seperti infrastruktur jalan dan tenaga elektrik yang saya belum sentuh lagi walaupun dibangkitkan dengan suara yang lantang oleh pihak DAP beberapa kali sudah, tetapi itulah masalah yang penting. Masalah tenaga yang tidak cukup. Sekarang banyak kilang-kilang yang rugi kerana tidak ada bekalan elektrik yang cukup, walaupun Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah pun memberi jaminan dia akan mengkaji

hal ini, menjamin kepada pelabur-pelabur asing tidak akan berlaku "Black September" ini dengan terbengkalainya bekalan elektrik di seluruh Semenanjung. Itu penting.

Kita mesti menjaga bagaimana infrastruktur-infrastruktur seperti tenaga elektrik, jalan dan sebagainya dapat disiapkan sejajar, cocok dengan hasrat untuk menarik lebih ramai pelabur asing di negara ini dan juga daripada pembangunan, kita mesti menarik, memberi galakan kepada syarikat-syarikat yang mementingkan juga etika daripada spiritual dan sebagainya. Itu lebih penting juga. Bukan sahaja hendak bangun sahaja. Kita mesti menjaga kehidupan masyarakat. Dengan terlalu kebendaan memang merosakkan kerohanian rakyat di Malaysia. Itu penting juga. Setakat itulah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Marang.

4.55 ptg.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang):** Tuan Yang di-Pertua, dalam penggalakan pelaburan di negara kita, bukan sahaja Akta Pelaburan yang perlu diberi penekanan dan tidak dinafikan bahawa Akta juga adalah penting. Tetapi di sana ada perkara-perkara yang dasar dan perkara-perkara sampingan yang tidak ada hubungan dengan Akta yang juga perlu diberi perhatian oleh pihak Kerajaan di dalam penggalakkan pelaburan.

Dalam penggalakan pelaburan Kerajaan tidak seharusnya bersifat materialistik semata-mata seperti yang menjadi pegangan dan amalan teori-teori ekonomi yang diamalkan di dalam dunia hari ini tanpa mengira aspek-aspek moral seperti keadilan, penentangan kepada pencabulan hak

asasi manusia, penyelewengan, skandal dan lain-lain dan termasuklah masalah keamanan dan keselamatan. Ini ternyata apabila berlakunya hubungan ekonomi dengan negara China yang masih beramal dan berpegang dengan ideologi komunisme dan negara-negara CIS yang dikatakan baru mencapai kemerdekaan tetapi masih dipimpin oleh bekas-bekas pemimpin yang belum lagi diuji sejauh mana boleh diberi kepercayaan dan keyakinan.

Dalam hubungan dengan negara-negara tersebut untuk penggalakan pelaburan sama ada penerokaan Malaysia ke negara tersebut atau penglibatan pihak negara tersebut dalam pelaburan di dalam negeri ini seolah-olah pihak Kerajaan tidak mengambilkira terhadap pencabulan hak asasi manusia dan dasar-dasar pengancaman yang kelihatan berlaku di pihak Republik Rakyat China masih ada lagi tuntutan ke atas Kepulauan Spratly dan lain-lain lagi. Kerajaan hanya melihat dari aspek keuntungan ekonomi semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, tidak menjadi salah untuk penggalakan pelaburan walaupun dari negara-negara yang berkenaan atau ke negara-negara tersebut tetapi mestilah bertujuan membebaskan yang ditindas kegiatan ekonomi. Di sana ada pelabur-pelabur yang ditindas kegiatan ekonomi di negara yang berkenaan dan mereka ini perlu diberi keutamaan di dalam pelaburan di negeri kita dan kita juga berkewajipan memperkenalkan dasar yang lebih baik kepada pelabur-pelabur asing daripada negeri yang lain, daripada berbagai-bagai negeri, bukan sahaja dari Negeri China bahkan daripada negeri yang lain yang datang ke negara kita ini. Dengan mewujudkan jaminan keselamatan,

keamanan di negara ini seperti dapat membanteras kegiatan penipuan, rasuah dan berbagai-bagai skandal, kegiatan wang palsu dan lain-lain lagi, di mana ini merupakan perkara-perkara yang tidak boleh memberi kepercayaan kepada pelabur-pelabur asing dan kita melihat pihak Kerajaan tidak dapat memberi suatu tindakan yang tegas bagi mengatasi dan membasmi perkara-perkara yang tersebut. Sekiranya hal-hal ini tidak dapat diselesaikan, maka Akta ini tidak akan dapat mencapai matlamat dan tujuan untuk menggalakkan pelaburan asing ke negeri ini.

Sejarah telah membuktikan bagaimana negara Islam di zaman silam yang telah berjaya bertapak 1,300 tahun lebih, telah berjaya menarik pelabur-pelabur dari negara-negara asing dari berbagai-bagai negara terutamanya dari negara-negara Timur seperti China dan lain-lain lagi sehingga menjadi ancaman ekonomi kepada Eropah dan kita melihat berlakunya penjajahan Eropah selepas itu. Di antaranya adalah berpunca daripada mereka merasakan kedudukan ekonomi mereka terancam di samping aspek-aspek aqidah dan aspek-aspek keagamaan. Apa yang berlaku ialah teladan di mana kewujudan keamanan dan keselamatan di dalam negara-negara tersebut, sifat-sifat dan akhlak yang baik yang ditunjukkan oleh pihak pemerintah dan pihak rakyat dalam negeri tersebut telah berjaya menarik pelabur-pelabur ke negeri yang berkenaan.

Seterusnya saya ingin menyebut masalah penglibatan rakyat tempatan sama ada dari kalangan tenaga mahir ataupun buruh-buruh dengan pемbanjiran tenaga-tenaga asing dan buruh-buruh asing yang melibatkan diri di dalam kegiatan pelaburan di dalam

negeri ini tidak akan dapat mencapai matlamat pemindahan teknologi seperti yang diharap-harapkan.

Saya ingin tahu sejauh manakah tindakan Kerajaan bagi mengatasi penglibatan buruh-buruh asing ataupun tenaga-tenaga mahir dari negara asing. Apakah cara yang diselesaikan bagi menghadapi masalah tidak berminat-nya tenaga-tenaga dari dalam negeri ini sendiri, sama ada tenaga buruh, tenaga mahir dan lain-lain untuk melibatkan diri dengan kegiatan ekonomi di dalam negara kita. Adakah kerana perkhidmatan yang tidak baik ataupun sebagainya? Ini merupakan perkara-perkara yang perlu diatasi oleh pihak Kerajaan. Dan sekiranya hal-hal ini tidak dapat diatasi dan tidak berlakunya pemindahan teknologi, pemindahan pengalaman dan lain-lain kepada negara ini, di sana akan berlaku beberapa kemungkinan yang menguntungkan pelabur-pelabur asing, bukan menguntungkan negara kita ini dan akan membawa kepada perubahan ke arah penjajahan ekonomi ke atas negara kita. Apa yang kita harapkan dengan negara-negara yang kita mengadakan perhubungan perdagangan dengannya ialah perhubungan kerjasama ekonomi dan untuk memindah teknologi, memindah pengalaman dan lain-lain untuk menjadikan negara kita sebagai negara maju, bukannya menjadi suatu penjajahan ekonomi. Oleh kerana itu Kerajaan perlu mengatasi supaya tidak berlaku penjajahan ekonomi ke atas negara ini melalui kegiatan pelabur-pelabur asing di dalam negeri ini. Saya rasa itulah secara ringkas, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Batang Lupar.

*5.01 ptg.*

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bercakap

sedikit oleh kerana kawan kita tadi dari Kepong bercakap macam “recycled politician” yang dikatakan dalam *The New Straits Times* berulang-alik. Jadi, saya tidak hendaklah macam dia.

Tuan Yang di-Pertua, penggalakan pelaburan ke negara kita adalah memang penting kerana bukan sahaja untuk membangunkan masyarakat di negara ini tetapi juga adalah matlamat Kerajaan untuk menuju kepada Wawasan tahun 2020. Pada ketika itu nanti, kita berharap negara Malaysia bukan sahaja membangun tetapi dengan adanya pembangunan, pelaburan yang masuk ke negara kita ini membuat masyarakat di negara ini kaya-raya. Jadi, saya percaya tugas dan tanggungjawab Kementerian adalah berat oleh kerana sebagaimana yang saya telah sebutkan dalam membincangkan Perbekalan Tambahan pada hari Rabu yang lalu, yang mana pelabur yang datang ke negara kita ini bukannya semua akan mendatangkan keuntungan kepada negara; walaupun mungkin memberi keuntungan kepada pelabur-pelabur dan syarikat-syarikat yang melabur di negara ini.

Sebagaimana yang saya sudah sebutkan, yang berlaku di negara-negara Latin America pada tahun 1950-an, 1960-an dan 1970-an, di mana syarikat gergasi Amerika dan Eropah datang ke negara itu melabur berjuta-juta dan berbilion-bilion ringgit tetapi oleh kerana perkara-perkara yang tertentu, insentif pengaliran keuntungan negara-negara di mana mereka melabur tidak mendapat keuntungan; walaupun pertumbuhan di negara tersebut, umpamanya Brazil, mendapat pertumbuhan 11% pada tahun 1965. Jadi, ini tidak ubahlah macam berlaku di ASEAN pada masa sekarang yang mana negara-negara ASEAN telah digelar “The Little

Dragons” mendapat pertumbuhan yang begitu tinggi. Tetapi persoalan yang terbangkit, adakah negara-negara di ASEAN juga menerima akibat yang sama dan apakah mekanisma yang dibuat agak apa yang berlaku di negara lain tidak berlaku di negara ini?

Walau bagaimanapun jawapan telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan cukup lengkap, tetapi persoalan yang khusus belum dapat saya terima. Jadi, saya mempersoalkan di sini lagi, walaupun latarbelakangnya dipersingkatkan sedikit oleh kerana saya telah sebutkan tadi, saya tidak hendak menjadi “recycled politician”.

Disebut dalam Rang Undang-undang yang kita akan pinda ini ialah mengatakan iaitu taraf perintis ada had dan masa yang ditetapkan sebelum taraf itu ditarik balik ataupun diundurkan. Jadi, soalan yang bersangkutan ini ialah saya hendak bertanya kepada pihak Kementerian, sebab saya pun hendak tolong juga Tuan Yang di-Pertua memendekkan masa—asaskan tax credit yang kita berikan kepada syarikat-syarikat yang datang melabur ke negara ini.

Soalan yang kedua — saya bertanya soalan sahaja, Tuan Yang di-Pertua — soalan yang kedua, kalau syarikat datang melabur ke negara ini dengan membawa jentera-jentera dan machinery plant mereka, adakah jentera-jentera dan machinery plant ini juga diberi insentif cukai atau tidak dicukaikan untuk dimasukkan ke dalam Malaysia? Dan adakah insentif cukai diberi kepada para pelabur tempatan kalau diberikan kepada pelabur asing yang datang ke negara ini?

Yang ketiga, soalan saya yang belum dijawab ialah “profit ceiling”. Adakah kita mengenakan “profit ceiling”

kepada mana-mana keuntungan syarikat-syarikat yang melabur di sini ataupun syarikat tempatan yang membuat perusahawan-perusahawan mereka sebagaimana syarikat asing di Malaysia juga? Yang ketiga tadi, sebenarnya Ahli Yang Berhormat dari Kepong sebutkan pengaliran keuntungan ke luar, saya pun sudah sebutkan dahulu. Pada hari Rabu yang lepas, saya sudah sebutkan tetapi jawapan belum lagi diberi. Jadi, saya bertanyalah. Pengaliran keuntungan sebagai dividen/royalti ke luar negara, adakah had-had yang tertentu dibuat kepada negara-negara yang tersebut? Macam mana kadar keuntungan dan macam mana kita membuat satu agar keuntungan kepada negara ini boleh didapati.

Sehubungan dengan ini pula, kita dapati berlaku di negara-negara lain di mana pelabur-pelabur luar negara datang untuk melabur ke negeri tersebut, membuat laporan yang kurang tepat, laporan yang kurang tepat kepada negara di mana mereka melabur dengan mengatakan mereka mengalami kerugian yang begitu banyak. Dalam masa tahap perintis umpamanya, syarikat itu menjalankan perniagaan di tempat itu, mereka mengatakan tidak mendatangkan keuntungan sekali pun. Walaupun selepas itu pun tidak ada untung juga, lebih-lebih lagi oleh kerana perintis mereka tidak ada lagi. Jadi, soalan saya, adakah mekanisma yang tertentu ataupun cara-cara yang tertentu supaya pihak Kerajaan tidak menerima laporan-laporan yang bisu daripada syarikat-syarikat gergasi ini supaya keuntungan yang tertentu boleh dapat dicukaikan dan keuntungan kepada negara pun boleh didapati.

Soalan yang kelima ialah local participation. Bagaimanakah dasar, apakah kriteria syarikat? Apa yang

saya tahu ialah syarikat, umpamanya electronics industry, tidak payah local participation dan ada garis panduan yang tertentu digubal oleh pihak negara untuk menentukan apakah syarikat yang boleh dan apa syarikat yang tidak boleh. Kalau ada, tolong beritahu sedikit supaya diketahui ramai.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita tahu pengalaman-pengalaman negara-negara lain, di dunia ini peperangan berlaku memang dari abad ke-11 hingga ke-12 lagi. Memang semuanya melibatkan soalan perdagangan. Soalan perdagangan, orang pergi berperang dari satu negeri ke satu negeri yang lain. Sampailah sekarang, tindak-tanduk ini belum berubah lagi. Tetapi pada masa sekarang, tindakan negara-negara maju, negara-negara yang sudah membangun seperti Amerika dan Eropah, tindakan mereka lebih licin dan lebih "subtle" sedikit untuk mengatasi masalah-masalah perdagangan. Umpamanya, saya sudah sebutkan juga pertukaran Kerajaan di Amerika Latin daripada sistem demokrasi pada 1950-an kepada dictatorship pada 1960-an dan 1970-an adalah perbuatan negara Amerika.

Perbuatan Amerika supaya perdagangan di negara itu diselamatkan dari komunisme. Pada tanggapan mereka atas kejatuhannya Castro di Cuba pada tahun 60-an adalah mengatakan akan habislah negara Amerika Latin dimasuki oleh komunisme dan ditakluki oleh Russia. Dengan keadaan demikian, pihak Amerika menghantarkan pegawai-pegawai polisnya mendidik orang-orang di Latin Amerika bertindak ganas. Keganasan selepas itu adalah latihan Amerika bukanlah asli di Latin Amerika. Jadi, dengan keadaan yang sama kalau kita menerima pihak

Amerika melabur di negara kita, kita kena jagalah sedikit supaya polisnya jangan datang ke sini, melatih orang kita bertindak sebagaimana yang mereka latih kepada pegawai yang berada di Latin Amerika pada tahun 60-an kerana pada kita tidak ada FBI dan CIA dan ada satu badan yang dikatakan Department of Public Safety di Amerika, ini yang sedap sekali. Department of Public Safety buat penyelidikan bukan sahaja daripada segi subversive tetapi juga daripada segi perdagangan. Jadi, kita tidak dapat mengatasi mereka daripada segi kecanggihan dan tindak-tanduk mereka mengatasi masalah ini. Jadi, kita mestilah mengatasi dengan cara lain.

Berlandaskan itu, saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian, saya pun banyak cerita yang saya tulis tetapi tidak sempat hendak baca oleh kerana masa tidak mengizinkan. Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian sama ada sistem maklumat kita sudah mencukupi. Adakah pihak Kementerian mengkoordinasikan aktiviti-aktiviti badan-badan seperti MIDA, ITTC dan macam-macam lah badan yang kita tubuh berlandas untuk memajukan perdagangan kita di luar negara.

Umpamanya, baru-baru ini kita terdengar iaitu anti-kelapa sawit. Dahulu mereka menentang kelapa sawit dengan mengatakan kelapa sawit ini tidak selamat untuk dimakan iaitu bukan polyunsaturated ataupun banyak lemak yang membunuh orang. Jadi, pihak Amerika dilarang tetapi walaupun Kerajaan Amerika tidak berkata begitu, selepas beberapa banyak yang counter information yang kita beri. Sekarang ada pula mengatakan jangan membeli ini. Ada satu taktik baru.

Jadi, soalnya, sistem maklumat kita adakah begitu teratur supaya tindak-tanduk mereka ini boleh dicounterkan dengan begitu rapi dan baik agar melembapkan maklumat (information) mereka dan melembapkan tindakan mereka agar kita berjaya di luar negara.

Soalan yang kedua, adakah Kerajaan atau Kementerian membuat monitoring tindakan program dan hubungan luar? Ini persatuan sekerja negara kerana tindakan persatuan sekerja di negara ini boleh mengadakan satu situasi yang mana pekerja-pekerja di negara kita bukan menjadikan keadaan tidak baik. Umpamanya, suka hendak duduk sahaja, tidak bekerja dan malas ataupun banyak mogok dan macam-macam. Macam-macam tindakan boleh dibuat. Oleh kerana saya pernah terjumpa seorang jutawan daripada luar negara, saya tanya kenapa you tidak melabur di Amerika atau di Eropah? Mengapa berminat hendak melabur ke Malaysia? Jawapannya begini, dia kata, "Berapa banyak mogok berlaku di industri Malaysia dan berapa banyak yang berlaku di England, di Eropah dan di Amerika bahkan di Korea?" Begitu juga tidak selamat bagi kita oleh kerana sistem perundangan ataupun orang hendak berjalan di streets of Amerika selepas pukul 6.00 tidak berani jalan lagi. Macam itu juga di Eropah terutama sekali orang yang berwarna macam kita ini.

Jadi, soalnya tadi adakah Kementerian membuat monitoring agar persatuan sekerja ini tidak dialatkan oleh kerajaan-kerajaan atau pihak-pihak yang tertentu untuk kepentingan mereka sendiri, secara subversive, secara celestine ataupun militan. Kerana tiga perkara ini dibuat begitulah caranya mengatasi kerajaan-kerajaan di Latin Amerika dahulu.

Pihak Amerika menghantarkan polisnya supaya pihak pekerja menjadi militan. Apabila pihak pekerja menjadi militan, jadi industri tidak boleh control lagi. Oleh kerana ini tidak ada give and take di antara mereka, jadi militan ini pergi ke hutan, continue the struggle, dengan izin, dengan cara militan menggunakan senapang dan senjata api. Jadi, kita patut mengingati pengalaman di negara-negara ini.

Soalan saya yang ketiga ialah macam mana misi kita di luar negara. Adakah dilengkapi dengan latihan dan kemampuan untuk mengatasi propaganda-propaganda dan tindak-tanduk negara-negara lain ataupun pihak-pihak yang berkepentingan sendiri?

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pihak Amerika, pada tahun 70-an, pihak Amerika mengadakan satu undang-undang untuk menggalakkan pelaburan daripada ataupun penghantaran penjualan barang daripada negara baru membangun ke Amerika. Itulah term dikatakan GSP diwujudkan pada tahun 70-an untuk satu penggalakan. Undang-undang itu sebenarnya ditetapkan dari satu peringkat ke satu peringkat dan berakhir pada tahun 1984 dan disambung selepas 1985 dan sepatutnya berakhir pada 4-7-1993.

Soalan saya, adakah Kementerian mempunyai maklumat sama ada undang-undang ini sudah dilulus semula untuk menyambung ataupun menghabiskan GSP kepada negara-negara membangun terutama di Asia termasuk Malaysia.

Dengan ringkas, menyentuh hubungan Brunei, Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri barupun melawat Brunei. Didapati perdagangan di

antara Malaysia dengan Brunei adalah tidak seimbang. Jadi, apakah strategi dan tindakan Kerajaan supaya keadaan ini tidak berlaku, iaitu hanya menguntungkan pihak Brunei dan tidak menguntungkan pihak kita. Bilakah perancangan ini hendak di selenggarakan?

Penghabisan, Tuan Yang di-Pertua ialah Sarawak. Baru-baru ini pihak Kerajaan Sarawak sebagaimana yang dilaporkan di dalam suratkhbar tempatan yang mana Menteri Pembangunan Perindustrian Sarawak membuat satu syor dan cadangan agar penempatan industri yang datang hendak melabur ke negara ini, dihantar atau ditempatkan juga di Sarawak, iaitu Kerajaan harus mengadakan satu dasar supaya tidak semua industri ataupun syarikat-syarikat yang besar datang hendak melabur di Malaysia ditempatkan di Klang Valley, di Johor, di Pulau Pinang tetapi juga ditempatkan di tempat yang lain. Bukanlah bermakna di Sarawak sahaja. Tetapi di dalam konteks ini, Kementerian Perindustrian mengatakan ditempatkan juga di Sarawak supaya sumber asli Sarawak umpamanya gas, minyak dan mineral-mineral lain, juga kayu-kayuan dan industri hiliran kayu-kayuan dapat dipergiatkan pembangunannya. Jadi, ini adalah soalan dasar.

Saya berharap pihak Kementerian memandang berat cadangan Kerajaan Negeri Sarawak agar Sarawak janganlah hilang kayu tetapi hilirannya hilang juga. Janganlah hilang minyak dan gas untuk membangunkan negara tetapi Sarawak tidak maju. Pada tahun 2020 nanti, Sarawak akan kehilangan kesemuanya mungkin, tetapi walau macam mana gas dapat bertahan sampai 50 tahun. Tetapi kita tidaklah boleh hendak bersandar dengan gas

sahaja untuk membangunkan Sarawak kerana Sarawak itu sangat besar. Jadi, harapan kita agar Sarawak tidak ketinggalan daripada pembangunan industri. Haraplah syor dan cadangan daripada Kerajaan Negeri Sarawak itu diperberatkan dan dipertingkatkan lagi penghantaran industri, walaupun saya tahu apa masalah Kementerian di kala ini dan berilah insentif kepada Kerajaan Sarawak, kepada syarikat-syarikat besar masuk ke Sarawak agar Sarawak tidak ketinggalan.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lumut, lepas itu Bagan, selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

*5.10 ptg.*

**Datin Ling Chooi Sieng (Lumut):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong sepenuhnya pindaan kepada Akta Penggalakan Pelaburan 1986 di mana kita perlu mengamalkan satu pendekatan yang lebih canggih dalam menarik lebih banyak pelaburan asing ke negara kita. Walaupun insentif cukai adalah penting, tetapi ianya satu-satu pendekatan yang unggul untuk menarik lebih banyak pelaburan asing masuk, khususnya dalam kes-kes di mana ia lebih bersifat intensif modal serta di mana pulangan keuntungannya memerlukan beberapa tahun untuk dihasilkan.

Tuan Yang di-Pertua, iklan pelaburan merangkumi lebih daripada insentif cukai. Antara lain, ia termasuk kestabilan politik dan pucuk pimpinan, kestabilan dan konsistensi dalam dasar-dasar pelaburan, kestabilan mata wang negara, kestabilan dalam bekalan tenaga manusia serta kos bekalan. Ia juga termasuk tanggungjawab dan komitmen Kerajaan menyediakan

birokrasi yang cekap dan berproduktif serta prasarana yang canggih dan bermutu. Ini adalah penting kerana apabila kita mengadakan promosi pelaburan, kita pada asasnya menjual negara kita sebagai satu-satunya tempat yang terbaik untuk melabur. Kepada para pelabur, selain daripada mencari keuntungan, mereka perlu ingin berada di negara ini selama yang boleh. Oleh yang demikian, Akta ini dikenali sebagai Akta Promosi Pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memajukan pelaburan dengan memberi insentif-insentif, menyediakan prasarana yang baik, mungkin mencukupi bagi syarikat-syarikat yang berskel kecil hingga ke sederhana. Akan tetapi untuk mendapat pelaburan yang besar, yang berjumlah beribu-ribu juta ringgit, saya fikir kita perlu lebih usaha daripada itu, kita perlu mengadakan misi-misi perdagangan di luar negeri untuk menarik mereka datang ke negara ini. Misalnya, pelaburan Syarikat China Steel di Negeri Johor Darul Takzim. Sebagai satu perbadanan, China Steel berpendapat bahawa adalah wajar membuat pelaburan di Negeri Johor di mana Kerajaan Negeri menyediakan segala insentif yang mereka perlukan. Kita mempunyai kos tenaga, kos tanah, kos tenaga buruh yang murah serta satu pasaran yang luas di rantau ini. Dalam perkataan lain, dari segi ekonomi, China Steel memang akan melabur di Johor, akan tetapi China Steel dimiliki separuh oleh Kerajaan Taiwan dan pelaburan mereka memerlukan kelulusan Parlimennya. Malang sekali, Parlimen Taiwan enggan meluluskan pelaburan China Steel itu. Segelintir ahli-ahli politik Taiwan telah mempolitikkan pelaburan tersebut dan ia terpaksa digugurkan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah pendapat saya bahawa wujud ketidaksefahaman antara ahli-ahli politik Taiwan yang telah membawa kepada bantahan mereka. Jika negara kita mempunyai lobi yang kuat di Taiwan, sudah tentu pelabur mereka yang berjumlah lebih daripada RM8 bilion akan datang ke Johor, faedah-faedah yang memanfaatkan negara dari pelaburan ini sudah tentu besar memandangkan kegiatan-kegiatan downstream yang akan diwujudkan. Negara kehilangan pelaburan ini kerana kita tidak mempunyai kehadiran dan imej yang kuat di Taiwan dari segi menarik pelaburan dari sana.

Tuan Yang di-Pertua, dengan banyaknya negara-negara di dunia bergantung kepada pelaburan asing, negara kita tidak boleh bersifat sambil lewa. Kita perlu memasarkan Malaysia lebih agresif lagi jika kita ingin mencapai matlamat sebelum tahun 2020. Oleh yang demikian, saya mencadangkan bahawa semua Suruhanjaya Perdagangan negara di luar negeri diberi belanjawan yang lebih besar untuk membuat jamuan, mengadakan seminar, forum, menjalin persahabatan dan jika perlu, mengupah para lobi supaya mereka dapat memajukan Malaysia secara aktif dan agresif sebagai satu tempat yang terbaik untuk melabur. Kita perlu menaja di CNN atau STAR dan lain-lain media untuk mewujudkan kesedaran mengenai negara kita.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian Antarabangsa atas usaha gigih beliau menarik lebih ramai

pelabur asing ke negara ini, walaupun terdapat pertandingan sengit dari negara-negara lain seperti China. Negara Malaysia masih merupakan pilihan utama ramai pelabur asing, kerana kita telah berjaya menyakinkan ramai pelabur dalam banyak seminar pelaburan anjuran beliau dan Kementerian beliau.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat dari Bagan.

*5.18 ptg.*

**Tuan Lim Hock Seng (Bagan):** Tuan Yang di-Pertua, memang negara kita ini memerlukan pelaburan sama ada dari dalam negeri ataupun luar negara untuk mewujudkan peluang pekerjaan dan juga menggalakkan kegiatan ekonomi. Kerajaan memang memberi banyak galakan kepada pelabur-pelabur, khasnya pelabur-pelabur asing, akan tetapi pelabur-pelabur asing ini suka mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan yang maksima. Misalnya, Kerajaan memberi taraf perintis selama 5 tahun mereka menjalankan pengeluaran kilang dengan 3 syif, ini menjadi 3 kali dalam 5 tahun. Mereka juga diberi pelepasan cukai keuntungan. Di Free Trade Zone, pekilang-pekilang dibenarkan mengimport jentera-jentera, bahan-bahan pekilangan dan juga kelonggaran syarat-syarat Imigresen. Walaupun ada begitu banyak faedah, mereka masih menuntut lebih lagi faedah.

Di Pulau Pinang, Tuan Yang di-Pertua, misalnya, baru-baru ini iaitu lebih kurang pada 21hb April 1993 ada 42 buah pekilang asing dari Free Trade Zone Penang Company Association (FREE PENCA), dengan pelabur lebih

kurang RM2 bilion, mengugut mahu mengalihkan pelaburan mereka keluar negeri atau negeri lain jikalau post-pioneer benefit mereka ditarik balik. Mereka nampak sekiranya mereka menarik balik pelaburan mereka, maka negara kita, terutama sekali negeri yang mereka melabur akan mengalami kerugian yang besar. Ini seumpamanya hendak mengecek leher kita.

Mengikut Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr. Ibrahim Saad beliau telah berhubung dengan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan juga Menteri Kewangan berkenaan permintaan pelabur-pelabur asing ini. Saya ingin tahu di sini, apa pandangan dan pendirian Kerajaan dengan hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, pelabur tempatan adalah pelabur yang setia dan jujur. Mereka membuat pelaburan tempatan dengan tujuan keuntungan dan terus mendiami di negara kita ini. Biar pun suasana yang baik atau buruk, ekonomi pesat atau merosot mereka tetap tinggal di sini. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, apa bantuan mereka dapati daripada Kerajaan? Mereka kena membayar bermacam-macam jenis cukai dan dikenakan denda sekiranya lambat membayar cukai dan sebagainya.

Kepada setengah-setengah usahawan-usahawan yang kurang mampu, mereka terpaksa mengadakan tempat kerja mereka di tempat-tempat yang bukan kawasan perindustrian yang sah. Mereka ini sekarang dihalau dan didesak untuk membina kilang-kilang di kawasan perindustrian yang sah. Jikalau tidak, gerai mereka kena diroboh atau dirampas.

Saya ingin bertanya di sini adakah taukeh-taukeh kilang semuanya kaya-raya semasa mereka dilahir. Adakah

mereka kena loteri? Atau adakah bank-bank rela meminjam wang-wang kepada mereka tanpa cagaran? Bukan. Mereka ini semua menjadi kaya-raya selepas bekerja rajin, jimat dan gigih. Mereka mula dengan modal yang kecil mungkin dipinjam dari sahabat atau keluarga. Mereka mengadakan tempat-tempat kerja yang simple mungkin di tepi rumah atau di belakang rumah. Dari situlah mereka bekerja rajin, belanja jimat dan gigih berusaha. Mereka untung sedikit-sedikit lama-lama menjadi kaya-raya, barulah mereka mengingati hendak memiliki kilang-kilang yang sah dan mewah.

Bukankah pemimpin-pemimpin Kerajaan selalu menyeru orang-orang Melayu belajar cara perniagaan orang-orang yang berjaya. Inilah cara orang Tionghua yang berjaya dalam perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan perusahaan-perusahaan kecil ini memainkan peranan yang penting dan juga adalah tulang belakang kepada industri-industri yang besar, maka saya berharap Kerajaan akan mengambil sikap yang lebih terbuka dan toleransi dalam menyelesaikan pekilang-pekilang atau pengusaha-pengusaha yang kurang mampu memiliki kilang-kilang yang sah. Mereka patut diberi galakkan, peluang dan juga masa untuk menempat semula perusahaan mereka ke tempat-tempat yang betul-betul disahkan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

*5.22 ptg.*

**Tuan Chua Jui Meng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah

membahaskan Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 1993. Beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Petaling Jaya, Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Maran, Yang Berhormat Batang Lupar, Yang Berhormat Lumut dan akhirnya Yang Berhormat Bagan; yang mana mereka telah menyatakan antara lain kebimbangan terhadap pengaliran asing dan juga pelaburan tempatan dalam sektor perkilangan yang akan membawa kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan bahawa kemerosotan pelaburan asing adalah satu fenomena sejagat sekarang. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, ini adalah disebabkan oleh kemelesetan ekonomi negara-negara maju seperti Jepun dan negara-negara EC.

Dalam konteks ini Malaysia tidak akan dapat lari daripada kenyataan tersebut. Walau bagaimanapun, bagi tempoh 1986 sehingga Jun 1993, Malaysia telah menikmati peningkatan pelaburan dalam projek-projek perkilangan yang diluluskan iaitu dari RM5,163 juta dalam tahun 1986 kepada RM31,847 juta pada tahun 1991 iaitu satu perkembangan yang begitu besar—hampir enam kali.

Ini merupakan satu peningkatan yang boleh dikatakan menggalakkan. Jumlah pelaburan walau bagaimanapun telah merosot sedikit dalam lingkungan 13% pada tahun lalu kepada RM27,775 juta. Tetapi ini satu angka yang amat baik juga jika dilihat daripada keadaan di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun yang lalu mengikut Bank Dunia, Malaysia merupakan negara yang ketiga besar daripada segi kemampuan

untuk menarik masuk pelaburan asing. Kalau dikira daripada per kapita, mungkin Malaysia berada di tempat yang pertama iaitu keadaan ekonomi negara ini begitu menggalakkan sehingga ramai pelabur dari luar negeri hendak datang untuk melabur di negara kita. Tetapi Kerajaan sedar akan perkara ini dan sudah menjangkakan tentang arah aliran tersebut. Oleh itu, Kerajaan telah bersedia dan akan terus bergiat untuk menggalakkan perkembangan perindustrian dan menyediakan suasana yang lebih baik untuk pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan Petaling Jaya telah meragui pencapaian matlamat RM80 bilion bagi sektor perkilangan di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Saya ingin menegaskan bahawa matlamat tersebut akan boleh dicapai memandangkan bahawa bagi tempoh 1991 sehingga Jun 1993, iaitu hanya dua tahun enam bulan dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Keenam, jumlah pelaburan sudah pun mencapai RM63.48 bilion. Ini merupakan 79% daripada jumlah matlamat RM80 bilion untuk 5 tahun iaitu tempoh masa Rancangan Malaysia Keenam. Saya percaya bahawa matlamat yang telah ditetapkan sebelum ini akan dapat dicapai sepenuhnya.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah membangkitkan isu pelaburan dalam sektor perkilangan yang terlalu bergantung kepada pelaburan asing. Saya ingin menarik perhatian bahawa kenyataan Yang Berhormat iaitu matlamat 60% asing dan matlamat 40% domestik adalah tidak tepat. Sebaliknya nisbah yang telah ditetapkan ialah 60% untuk domestik dan 40% untuk orang asing.

Dari segi pencapaiannya, pelaburan asing telah mencapai RM37.3 bilion dan melepasi matlamat Rancangan Malaysia sebanyak 15.6%. Namun begitu, pelaburan tempatan setakat ini hanya mencapai 54% iaitu RM26.13 bilion dari matlamat yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, secara absolute pelaburan tempatan dalam bidang industri telah melampau sasaran untuk tempoh masa dua tahun setengah iaitu 50% telah dilampaui sebanyak 44%. Tetapi pencapaian ini bukanlah satu yang membanggakan malah Kerajaan sedar bahawa usaha-usaha perlu dipertingkatkan untuk menggalakkan pelaburan tempatan.

Di dalam hal ini, Kerajaan akan melaksanakan strategi dan program-program bertindak untuk meningkatkan pelaburan tempatan. Di antaranya ialah:

- (i) meningkatkan kandungan domestik;
- (ii) memperbaiki dan memperkukuhkan pasaran kewangan dan modal domestik;
- (iii) mengenalpasti dan memperkukuhkan syarikat besar domestik dengan menyediakan satu pelan bertindak;
- (iv) membangunkan IKS domestik;
- (v) meningkatkan keupayaan persatuan dan pertubuhan perindustrian kebangsaan; dan
- (vi) pembangunan infrastruktur bagi industri domestik.

Di dalam menggalakkan pelaburan tempatan, Kerajaan telah menyediakan berbagai-bagai galakan pelaburan untuk industri-industri kecil dan sederhana. Di antaranya adalah: taraf perintis yang diberi di bawah Akta

Penggalakan Pelaburan 1986 bagi pengeluaran-pengeluaran yang diwartakan sekiranya syarikat kecil didefinisikan sebagai sebuah syarikat dengan dana pemegang saham yang tidak melebihi RM500,000 dan memenuhi salah satu daripada syarat-syarat tersebut di bawah:

- (i) syarikat itu mengeluarkan komponen atau input untuk dibekalkan kepada industri perkilangan;
- (ii) keluaran syarikat itu merupakan pengganti import di mana 50% atau lebih daripada bahan-bahan yang digunakan terdiri dari kandungan tempatan atau mengeksport 50% atau lebih daripada keluaran di mana eksport termasuk jualan kepada syarikat-syarikat yang terletak di zon perdagangan bebas atau gudang-gudang perkilangan berlesen; atau projek tersebut menyumbangkan kepada pembangunan sosio-ekonomi penduduk luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga membekalkan kepada industri kecil elaun pelaburan semula atas kadar 50% dan juga kita memberikan kepada IKS Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian telah ditubuhkan oleh Kerajaan pada bulan Mac 1990 dengan peruntukan permulaan sebanyak RM50 juta. Tabung ini diwujudkan dengan tujuan menyediakan peruntukan secara geran kepada industri kecil dan sederhana yang berminat untuk menyertai skim-skim berikut iaitu skim kajian kemungkinan, skim pembangunan dan rekabentuk keluaran, skim peningkatan kualiti dan produktiviti dan skim pembangunan pemasaran.

Selain daripada itu Pembangunan IKS Domestik akan dipergiatkan lagi di bawah program bertindak untuk meningkatkan pelaburan domestik seperti:

- (i) mengkaji semula keberkesanan, pelaksanaan program-program IKS yang sedia ada dari segi skop dan sasaran;
- (ii) menyediakan pengkalan data yang lengkap dan kemaskini, mekanisma pendaftaran firma IKS dan kawalan bagi kemasukan IKS asing; dan
- (iii) mewujudkan agensi khusus bagi menyelaraskan pembangunan IKS.

Oleh itu, cadangan Yang Berhormat dari Kepong untuk meminda Akta ini khusus bagi meningkatkan pelaburan tempatan tidak timbul sama sekali. Apa yang perlu ialah bagi pihak swasta tampil ke hadapan untuk merebut peluang dan menjayakan hasrat Kerajaan untuk mewujudkan lebih ramai entrepreneurs tempatan yang berdaya maju dalam sektor perkhidmatan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Walaupun pihak Kementerian enggan untuk mengadakan Rang Undang-undang seperti yang dibentangkan untuk pelabur-pelabur asing, bolehkah Yang Berhormat menerangkan Tabung Bantuan Perindustrian ini, sambutan daripada pelabur-pelabur tempatan, daripada IKS. Berapakah bilangannya sejak Tabung ini diadakan, bilangan yang berjaya untuk mendapatkan

bantuan daripada Tabung tersebut dan bilangan yang memohon untuk bantuan itu? Bukankah ini sangat tidak begitu memuaskan?

**Tuan Chua Jui Meng:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan itu, sehingga Disember tahun lalu, mengikut angka yang diperolehi oleh Kementerian saya dan agensi-agensi lain yang menguruskan tabung ITAF, kita telah menerima sebanyak 349 permohonan. Daripada 349 permohonan, sebanyak 164 permohonan telah diluluskan dengan jumlah RM7.2 juta dan 149 permohonan telah ditolak. Walaupun permohonan itu boleh dianggap satisfactory oleh kerana tabung ini baru dilaksanakan, Kementerian saya berharap lebih ramai lagi pengusaha-pengusaha IKS akan tampil ke hadapan untuk membuat permohonan, dan kalau sekiranya RM50 juta ini dihabiskan, kita akan kaji untuk menambah lagi peruntukan, untuk membantu sektor IKS yang kita anggap, seperti yang dianggapkan oleh Yang Berhormat dari Kepong, ialah satu bahagian sektor ekonomi yang begitu mustahak untuk proses perindustrian negara kita.

**Dr. Kua Kia Soong:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Petaling Jaya bangun.

**Dr. Kua Kia Soong:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Timbalan Menteri pun tahu, saya pun tahu, masalah ini adalah sudah lama timbul dan selama lebih daripada 10 tahun masalah ini telah dihadapi oleh IKS (SMI). Adakah satu kajian dibuat oleh Kerajaan untuk belajar daripada pengalaman itu bahawa kalau tiap-tiap kali diadakan satu tabung untuk menolong IKS, kebanyakannya tidak berjaya?

Saya ingat beberapa tahun lalu ada satu tabung yang dilayani oleh IMF dengan peruntukan sebanyak RM500 juta, dilayan kepada SMI bumiputera sahaja dan tidak dilayani kepada SMI bukan bumiputera. Selepas beberapa tahun apabila tabung ini tidak diambil sepenuhnya oleh entrepreneurs SMI bumiputera, baru dilayani kepada SMI bukan bumiputera. Jadi dari pengalaman lebih 10 tahun ini, apakah pelajaran telah didapati oleh Kerajaan supaya di masa hadapan pengalaman yang buruk itu boleh dipelajari? Terima kasih.

**Tuan Chua Jui Meng:** Untuk ringkasnya kalau ada pelajaran yang boleh diperolehi daripada pengalaman yang disebutkan oleh Yang Berhormat daripada Petaling Jaya, ialah jangan terlalu banyak bergantung kepada Kerajaan. Industri dan perniagaan dalam sektor swasta memerlukan usaha sendiri dan memerlukan kepakaran tersendiri dan yang mustahak hendaklah berkerja keras. Itulah sebagai jawapan bagi soalan itu.

Tetapi kita bukan sahaja bergantung kepada satu atau dua tabung sahaja untuk menggalakkan perkembangan sektor IKS. Antara lain ialah program seperti Skim Pinjaman Mudah Automasi dan Modenisasi sebanyak RM50 juta yang dikhaskan kepada pengusaha-pengusaha IKS tempatan dan Skim Pinjaman Mudah Industri Perabot dan Makanan dan Penyediaan Infrastruktur IKS. Tabung Pengurusan Industri sebanyak RM500 juta ini diberi kepada semua IKS, bukan hanya kepada bumiputera. Tetapi Tabung Usahawan Baru itu ialah untuk bumiputera oleh kerana Kerajaan hendak mencapai matlamat, untuk menstruktur semula masyarakat kita agar semua rakyat dalam negara kita tidak kira daripada bangsa mana dapat

satu kedudukan ekonomi yang seimbang dan lebih munasabah di tanah air kita sendiri. Melalui lain-lain tabung seperti Tabung Pemulihan Usahawan, pinjaman khas Bank Dunia, Kredit Insuran Skim, Tabung Pembangunan ASEAN-Jepun, hampir RM1 bilion telah dikeluarkan untuk pembangunan IKS. Itulah antara lain-lain usaha yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan untuk menjamin IKS dapat membangun dengan cepat dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pemerhatian telah juga dibuat mengenai peningkatan pelaburan ke Negeri China oleh pelabur-pelabur daripada Jepun, Taiwan dan sebagainya. Kerajaan sedar tentang persaingan yang dihadapi bukan sahaja dari Negeri China, tetapi juga daripada negara-negara jiran kita sendiri seperti Vietnam, Thailand, Laos dan Indonesia yang mungkin lebih menarik dari segi penempatan industri-industri yang berintensif buruh dan kos tenaga pekerja yang rendah.

Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia telah mencapai tahap perindustrian yang mana penekanan adalah diberi kepada projek-projek yang berintensif modal, berteknologi canggih dan memperkukuhkan rantaian industri.

Dalam konteks ini, usaha-usaha akan dilipatgandakan untuk menarik dan menggalakkan projek-projek perkilangan secara selektif dan menyediakan suasana yang lebih baik dan menarik untuk pelaburan. Sebenarnya, pelabur-pelabur tertarik bukan sahaja kepada galakan fiskal tetapi lebih penting lagi adalah kestabilan politik yang mana Malaysia telah menyakinkan para pelabur. Malaysia juga mempunyai tenaga kerja terlatih dan berdisiplin.

Kerajaan juga akan memajukan lagi kemudahan-kemudahan infrastruktur negara. Selain daripada itu, kerjasama persyarikatan antara Kerajaan dan swasta yang sungguh rapat menjadikannya paling unik di dunia. Sehubungan dengan itu, saya bersetuju penuh dengan Yang Berhormat dari Lumut mengenai perkara-perkara yang tersebut. Sehubungan dengan itu juga Kerajaan akan memainkan peranan utama dalam memastikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan di rantau ini.

**Datin Ling Chooi Sieng:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Lumut bangun.

**Datin Ling Chooi Sieng:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah benar bahawa ada sebuah negara jiran kita yang melobi di negara Taiwan supaya mereka menggugurkan pelaburan di Johor. Kalau ia, adakah usaha dibuat untuk 'counter lobby' kepada negara Taiwan mengenai 'China Steel'?

**Tuan Chua Jui Meng:** Tuan Yang di-Pertua, ada khabar angin mengenai perkara itu, tetapi saya tidak mahu membuat komen, sebab ini hanya khabar angin sahaja. Tetapi saya suka menyatakan di sini iaitu projek 'China Steel' yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, walau pun '*China Steel*' tidak mahu datang, tetapi cuma pada masa ini sahaja. Tetapi sekiranya masa dilanjutkan lagi, mungkin dia akan mengkaji perkara itu, tetapi kita sudah tahu iaitu syarikat tempatan adalah menjadi majoriti partner dalam scheme Mega Steel yang ingin ditempatkan di selatan Johor. Pada masa ini, masih dikekalkan projek itu, hanya hendak mencari pelabur yang lain untuk partner dengan

teknologi untuk mengeluarkan 'flat steel products' dan mungkin pelabur tempatan akan berusaha dengan satu syarikat raksasa dari Germany untuk memajukan projek tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai tuduhan-tuduhan liar daripada Yang Berhormat dari Petaling Jaya dan Marang yang tadi mengatakan bahawa seolah-olah suasana pelaburan di negara kita tidak begitu baik oleh kerana perkara-perkara biasa yang sentiasa ditimbulkan oleh Pembangkang, iaitu korupsi, sistem perundangan yang tidak menggalakkan dan lain-lain. Itu biasalah, kita sudah dengar dan kita sudah 'fed-up' dengan perkara-perkara ini.

**Dr. Kua Kia Soong:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Petaling Jaya bangun lagi.

**Tuan Chua Jui Meng:** Belum lagi! Saya belum jawab. Saya di tanya, ditimbulkan perkara yang dalam otak Yang Berhormat sahaja. Apa yang saya telah jelaskan tadi adalah keadaan yang disebutkan oleh Ahli Petaling Jaya, tidak selari dengan reality di negara kita. Hanya DAP yang sentiasa memberikan imej yang buruk mengenai negara kita, tetapi masyarakat antarabangsa tidak bersetuju sedikit pun dengan DAP.

Umpamanya, dalam satu pemerhatian yang dibuat oleh satu badan yang prestigious, iaitu "The World Economic Forum" dalam laporannya bertajuk "World Competitiveness Report 1993" — the latest report. Dalam laporan tersebut, Malaysia telah mengekalkan tempat keempat sebagai negara yang paling competitive di kalangan negara-negara yang sedang membangun dan di belakangnya barulah Singapura, Hong Kong dan Taiwan.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, Korea pada masa ini telah ditempatkan di tangga keenam, Thailand ketujuh, Indonesia kesepuluh dan Brazil keempat belas. Dari segi ini, Yang Berhormat Petaling Jaya, Malaysia memang mempunyai kekuatan terutama dari segi kekuatan ekonominya, kemudahan kewangan dari segi dasar perdagangan antarabangsa, dari segi Kerajaan yang stabil dan dalam pengurusan pembangunan negara, tempat yang keempat, Yang Berhormat! Suasana yang begitu baik, kita sudah melampaui negara South Korea yang digelar sebagai "The Fourth Asian Tiger", kita adalah lebih baik daripada mereka. Di negara-negara ASEAN, kita ditempatkan di tempat yang pertama. Itu untuk pengetahuan Yang Berhormat dari Petaling Jaya supaya jangan berulang-ulang kali membangkitkan perkara-perkara yang memburukkan imej negara yang tidak dipersetujui sekali pun oleh masyarakat antarabangsa.

Sungguhpun demikian, Kerajaan tidak akan berpuas hati dengan apa yang telah dicapai. Usaha-usaha akan terus dipergiatkan lagi untuk meningkatkan produktiviti dalam sektor perkilangan, mengawal kos pengeluaran, mengadakan kemudahan-kemudahan infrastruktur dan menekankan pembangunan sumber manusia. Saya percaya dengan usaha yang gigih ini, Malaysia akan dapat terus mengekalkan daya saingnya dan merupakan destinasi pelaburan yang menarik di rantau ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah membangkitkan juga soalan mengenai pelaburan. . . .

**Dr. Kua Kia Soong:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Petaling Jaya bangun.

**Dr. Kua Kia Soong:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bolehkah dia menafikan bahawa— kalau kita sentuh keadaan pada masa sekarang, sebagai kesan kerana terjadinya 'Operasi Lalang' — adakah benar bahawa pelaburan Taiwan pada masa ini jatuh, turun? Walaupun Timbalan Menteri mengatakan taraf standing Malaysia dalam Economic Forum itu keempat, bolehkah menafikan bahawa pelaburan telah turun dalam lima bulan tahun ini? Bolehkah Timbalan Menteri menafikan kalau beliau adalah pelabur Taiwan dan nampak keadaan tenaga elektrik dalam negeri ini begitu teruk seperti yang berlaku pada 29hb September tahun lepas dan lain-lain terutama kontrak-kontrak diberi kepada siapa yang memberi komisyen yang lebih tinggi? Adakah faktor-faktor ini menggalakkan? Kalau standard expectation Timbalan Menteri begitu rendah, mungkin dia berpuas hati, kalau expectationnya tinggi sedikit seperti Ahli-ahli. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, jangan komen, cuma soal sahaja.

**Dr. Kua Kia Soong:** Itu sahaja. Saya hendak bertanya, bolehkah Timbalan Menteri nafikan fakta-fakta yang saya keluarkan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Soal terus.

**Tuan Chua Jui Meng:** Fakta menafikan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat, kalau dia dengar baik-baik apa yang saya katakan tadi. Rancangan Malaysia Keenam — lima

tahun tempohnya. Untuk separuh tempoh sahaja—dua tahun setengah kita sudah mencapai kelulusan sebanyak 80% daripada sasaran kita untuk lima tahun. Ada dengar atau tidak? Itulah pencapaian Malaysia. Janganlah ungkitkan perkara-perkara yang tidak begitu baik.

Ahli Yang Berhormat di Kepong telah juga membangkitkan soalan mengenai pelaburan rakyat di seberang laut, sama ada ia bertentangan dengan hasrat untuk meningkat pelaburan dalam negeri. Untuk maklumat ahli Yang Berhormat, dasar Kerajaan menggalakkan pelaburan rakyat Malaysia ke luar negara 'reverse investment' adalah tidak bertentangan dengan hasrat mencapai matlamat Rancangan Malaysia dan Wawasan 2020 supaya Malaysia menjadi sebuah negara perindustrian sepenuhnya.

Malah dasar ini adalah pelengkap kepada proses pembangunan perindustrian negara di dalam jangka panjang. Kerajaan percaya melalui strategi ini, syarikat-syarikat Malaysia akan mendapat, foot-hold, dengan izin, di dalam pasaran antarabangsa. Di samping itu, dengan peningkatan tahap perindustrian negara, mana-mana operasi syarikat Malaysia yang tidak lagi kompetatif yang dijalankan di negara ini dapat dilokasikan ke negara-negara yang mempunyai kos pengeluaran yang lebih rendah untuk membolehkan syarikat-syarikat ini terus bersaing dan terus berdaya maju.

Pengalaman negara-negara maju dan negara perindustrian baru seperti Jepun, Korea, Taiwan, Hong Kong dan Singapura yang mengamalkan strategi yang serupa telah membawa kemakmuran dan pembangunan kepada negara masing-masing. Namun begitu, prihatin tentang perlunya

strategi ini dapat menyumbangkan kepada pembangunan perindustrian negara. Kerajaan telah menyediakan insentif cukai bagi menggalakkan pelabur-pelabur Malaysia untuk membawa balik keuntungan ke negara ini agar faedah-faedah pelaburan dapat dinikmati bersama oleh rakyat Malaysia. Ahli Yang Berhormat telah juga membangkitkan persoalan untuk mengambil balik saintis dan para profesional Malaysia di seberang laut untuk kembali bertugas semula di tanah air.

Dalam hal ini satu Jawatankuasa mengenai usaha-usaha untuk menarik balik saintis dan tenaga profesional negara yang berkhidmat diluar negeri ditubuhkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Jawatankuasa ini sedang mengkaji mekanisma penarikan balik saintis dan tenaga profesional negara di luar negeri dan juga mengkaji bidang-bidang yang memerlukan saintis dan pakar-pakar penyelidik di negara ini. Di antara mekanisma yang dicadangkan, adalah:

- (i) peranan yang dimainkan oleh Kementerian Sains sebagai badan yang menguruskan seluruh polisi harus mengambil kira dari segi teknikal, pengeluaran, kewangan dan pasaran. Dengan itu, pemahaman Jabatan dalam sesuatu organisasi mengenai keperluan untuk aktiviti-aktiviti berdasarkan rangka kerja polisi ini adalah perlu;
- (ii) Kerajaan telah mengiklankan tentang kekurangan tenaga saintis dalam bidang-bidang yang telah dikenalpasti itu serta menyatakan hasrat program ini kepada saintis negara di luar negeri. Urusan

pengiklanan itu dibuat dengan kerjasama Kementerian Luar Negeri;

- (iii) Bagi mendapatkan industrialis, satu kumpulan yang tertinggi dalam Kerajaan perlu menjelajah keluar negeri untuk mengenalpasti dan menerangkan tujuan Kerajaan dan mendapatkan persetujuan mereka untuk kembali menjadi usahawan di negara kita sendiri.

Program penarikan balik saintis negara di luar negeri bukanlah satu alternatif untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga pakar dalam negara ini. Ia sebagai usaha sampingan dari program-program lain seperti pengambilan pakar-pakar asing untuk berkhidmat di negara ini. Adalah perlu sekali Kerajaan mengambil mana-mana saintis negara yang telah bersara dari berkhidmat dengan Kerajaan untuk berkhidmat semula dalam bidang-bidang yang telah dikenalpasti itu dengan memberi insentif-insentif yang lebih menarik.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kenyataan Yang Berhormat Kepong yang mencadangkan institusi seperti KWSP melabur di dalam sektor perkilangan, Kerajaan sedar bahawa beberapa institusi kewangan seperti KWSP mempunyai sumber kewangan yang besar, yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Penyertaan mereka dalam sektor perkilangan adalah terpulang kepada institusi tersebut untuk membuat keputusan mengikut perlembagaan institusi tersebut. Ia masih terikat dengan tujuan penubuhan mereka sebagai trustee, dengan izin, kepada pekerja-pekerja. Walaupun bagaimana-

pun, cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kepong adalah merupakan satu strategi bagi meningkatkan sumber kewangan pelaburan tempatan dengan menyalurkan lebih banyak modal serta sumber-sumber kewangan domestik kepada sektor perkilangan berbanding dengan hartanah atau pelaburan-pelaburan lain yang kurang produktif.

Mengenai teguran. . . . .

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** (*Bangun*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

**Tuan Chua Jui Meng:** Oh, Parit Sulong.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta ruling, Ahli Parlimen dari Kepong tidur dalam Dewan!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Peraturan Mesyuarat yang keberapa Yang Berhormat?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Dia sudah bangun.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memang tidak ada Peraturan Mesyuarat yang berkenaan.

**Tuan Chua Jui Meng:** Biarlah dia tidur. Biar DAP tidur.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Dia pejam mata sahaja, teruskan.

**Tuan Chua Jui Meng:** Dia tidak sedar nampaknya. Tuan Yang di-Pertua, mengenai sumber tenaga, iaitu insentif-insentif yang berkaitan dengan

latihan untuk sumber tenaga manusia, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat dari Kepong, insentif-insentif berkaitan dengan pembangunan sumber manusia adalah diperuntukkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967. Di antara insentif yang sedia ada adalah:

- (i) potongan dua kali bagi perbelanjaan untuk latihan bagi syarikat pengilang yang melatih pekerja dalam institusi yang diluluskan;
- (ii) potongan dua kali atau potongan lanjut untuk program latihan yang diluluskan. Di samping itu, satu tabung pembangunan manusia telah diperkenalkan oleh Kerajaan baru-baru ini bagi membantu syarikat menjalankan latihan kepada pekerja mereka.

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Kepong bangun.

**Tuan Chua Jui Meng:** Sleep-walking!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang pernah dengar mengenai insentif yang diberi kepada syarikat-syarikat yang melatih pekerja mereka. Adakah pihak Kementerian membuat satu kajian untuk mengetahui setakat manakah berjayanya insentif seperti ini? Kerana dengan hanya dapat mengadakan insentif seperti ini, tetapi maklum-balas adalah tidak mencukupi. Jadi, apakah kejayaannya dalam seperti ini?

**Tuan Chua Jui Meng:** Ini terpulanglah kepada syarikat-syarikat swasta, sama ada mereka hendak menggunakan insentif-insentif yang diberi oleh Kerajaan. Saya pernah

bertemu dengan para usahawan kita dan bertanya kepada mereka mengapa tidak menggunakan insentif-insentif yang diberikan oleh Kerajaan? Mereka menjawab, tidak perlulah kerana mereka ada sumber-sumber sendiri untuk melaksanakan segala program dari segi kewangan dan juga kepakaran mereka. Tetapi ini adalah terbuka kepada semua, siapa yang hendak boleh dapat, kalau dia mohon dan dia layak, maka dia dapat. Okay?

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Hendak beri jalan?

**Tuan Chua Jui Meng:** Tidak payahlah. Lambat, sudah pukul 6.00 petang sekarang. Banyak lagi. Yang Berhormat Kepong menyentuh dan menimbulkan banyak perkara, melebihi dari satu jam. MITI memangnya sentiasa memberi perhatian serius kepada isu pemindahan teknologi. Dalam hal ini MITI senantiasanya bekerjasama dengan Kementerian serta agensi-agensi lain yang terlibat dengan pemindahan pembangunan teknologi. Sebagai contoh, usaha untuk merangka serta melaksanakan pelan teknologi perindustrian. Langkah-langkah lain yang dibuat oleh MITI dalam aspek pemindahan teknologi adalah seperti berikut:

- (i) mengadakan insentif seperti tuntutan dua kali bagi perbelanjaan R&D, insentif building allowance dan sebagainya; dan
- (ii) mewujudkan Malaysia Technology Development Corporation Sdn. Bhd., khusus untuk mengkomersilisasikan p e n e m u a n - p e n e m u a n penyelidikan.

Bagi syarikat-syarikat yang dilesenkan oleh MITI ada juga syarat yang memerlukan kelulusan Kementerian sebelum syarikat-syarikat ini menandatangani dengan pihak asing apa-apa perjanjian pemindahan teknologi. Dalam menyemak serta meluluskan perjanjian-perjanjian ini aspek-aspek yang diberi perhatian oleh Kementerian merangkumi perkara-perkara seperti tingkat teknologi, aspek latihan, kandungan tempatan, eksport pattern serta forward and backward linkages dan jumlah pelaburan. Kesemuanya ini dibuat adalah bagi menentukan agar pemindahan teknologi akan berlaku kelak. Langkah-langkah spesifik pula yang diadakan bagi mewujudkan linkages di antara SMI dengan syarikat-syarikat terbesar adalah, umpamanya, seperti Vendor Development Programme dan Program Payung.

Mengenai cadangan untuk mengkaji semula galakan pelaburan atau reinvestment allowance, pada masa ini galakan pelaburan memang disediakan bagi syarikat perkilangan yang hendak membesarkan kapasiti pengeluaran mereka atau memodenkan dan meningkatkan kemudahan pengeluaran dan mempelbagaikan pengeluaran kepada keluaran yang berkaitan. Kadar pelaburan semula adalah 40% daripada jumlah perbelanjaan modal yang layak dan 50% bagi projek industri kecil dan sederhana. Cadangan Yang Berhormat untuk mengkaji semula insentif akan diambil perhatian oleh Kementerian saya.

Yang Berhormat Kepong selanjutnya mencadangkan untuk meningkatkan keberkesanan centre of Investment yang sekarang ini dikenali sebagai Advisory Services Centre dan bukan COI, yang sekarang ini ditempatkan di MIDA. ASC adalah merupakan

one-stop agency yang telah ditubuhkan di MIDA untuk membantu bakal pelabur untuk urusan pelaburan di Malaysia. Sejak penubuhan ASC ini bolehlah dikatakan bahawa tempoh masa memproses permohonan lesen pengilang, galakan pelaburan dan pengecualian cukai telah dapat dipercepatkan.

MITI mengalu-alukan apa jua cadangan untuk meningkatkan keberkesanan ASC di dalam memberi perkhidmatan yang lebih efektif kepada para pelabur.

Yang Berhormat dari Kepong ada menimbulkan perkara mengenai profit ceiling serta penghantaran balik keuntungan, pengecualian duti import ke atas mesin-mesin dan peralatan-peralatan yang perlu dibawa masuk oleh para pelabur dan projek-projek di mana pihak asing dibenarkan memegang ekuiti 100%.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sekatan ataupun ceiling yang dikenakan. Walau bagaimanapun, untuk menggalakkan pelabur yang membuat keuntungan melabur semula keuntungan ini, Kerajaan menyediakan insentive investment allowance. Segala peralatan mesin dan bahan-bahan yang tidak boleh diperolehi di Malaysia dibenarkan dibawa masuk oleh para pelabur tanpa cukai dan ini tanpa membezakan sama ada ia syarikat asing atau tempatan iaitu insentif kita tidak ada diskriminasi antara asing dan tempatan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kepong bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat memberi angka anggaran amount wang yang dibawa balik oleh

pihak syarikat? Kita tidak tahu. Saya dapat angka itu cuma daripada Bank Negara, bukan untuk mendapat angka yang sebenar yang menunjukkan lebih kurang berapa jumlahnya. Secara kasar, berapa bilion tiap-tiap tahun diambil keluar daripada negara ini? Itu mesti kita ketahui kalau tidak macam mana kita dapat menafsirkan keuntungan dan kemanfaatan atas pelaburan asing itu? Kita mesti tahu.

**Tuan Chua Jui Meng:** Saya tidak ada balance sheet daripada Bank Negara di hadapan saya tetapi saya pernah mengkaji balance sheet Bank Negara pada masa dahulu. Ini menunjukkan, yang pertama Yang Berhormat dari Kepong.... (*Yang Berhormat dari Kepong sedang berbual dengan seorang Ahli lain*) Yang Berhormat, dengar atau tidak? Oooi! (*Ketawa*) Saya sedang menjawab soalan yang mustahak daripada Yang Berhormat. Dengarlah dengan dua telinga! (*Ketawa*)

Okay, yang pertama, apa yang dikeluarkan dianggap oleh Bank Negara sebagai keluaran kepada pelabur-pelabur asing, dividen pada keuntungan mereka lebih rendah daripada aliran masuk modal daripada luar negeri. Yang kedua, apa yang dianggap oleh Bank Negara sebagai dividen atau royalti atau lain-lain yang dianggap sebagai keluar dari negara, bukan keluar. Sebahagian memang betul keluar daripada negara. Sebahagian yang lain dilabur semula di tanah air kita. Umpamanya, saya sudah melawat banyak kilang-kilang. Pada masa dahulu bila dia masuk satu kilang sahaja. Lepas itu, buat keuntungan dia melabur semula. Ada kilang-kilang umpamanya Jepun dan Amerika Syarikat telah membuka lebih banyak

kilang, until they have seven or eight branches, dengan izin, di seluruh negara. Inilah yang disifatkan sebagai reinvestment.

Tuan Yang di-Pertua, aktiviti serta jenis projek perkilangan yang dibenarkan pihak asing memegang ekuiti majoriti sehingga 100% telah disenaraikan dalam Buku Panduan Pelaburan MIDA. Buku ini di edarkan kepada pihak awam khususnya para pelabur. Ahli Yang Berhormat boleh mendapatkan Buku Panduan ini dan tidak perlulah saya menghuraikan perkara yang sudah menjadi pengetahuan umum.

Mengenai apa yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat yang lain, saya ingat bukan Kargar yang ditulis di sini tetapi lain, mengenai sistem maklumat di MITI dan hubungannya dengan lain-lain agensi. MITI menyedari tentang satu sistem maklumat yang pantas dan kemaskini dalam urusan perdagangan antarabangsa dan industri. MITI kini sedang giat membangunkan sistem maklumat berkomputer di mana maklumatnya akan dapat menghubungkan sistem-sistem maklumat berkomputer yang ada di agensi-agensi berkaitan seperti MIDA dan pejabat-pejabat perdagangan Malaysia di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bagan, mengikut rekod Kementerian saya 42 syarikat MNC di Pulau Pinang bukanlah bercadang untuk memindahkan operasi mereka ke negara-negara lain. Yang menjadi kebimbangan sebahagian daripada syarikat-syarikat multi-national corporation tersebut adalah tentang kemungkinan operasi mereka tidak lagi berdaya saing jika Kerajaan menarik balik insentif eksport yang telah

ditawarkan. Dalam hal ini, Kerajaan sedang meneliti cadangan-cadangan syarikat multi-national corporation tersebut bagi mengekalkan daya saingan agar mereka akan terus melabur dan menambahkan pelaburan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sahaja yang saya dapat jawab pada hari ini. Perkara-perkara yang lain yang tidak dapat saya jawab pada hari ini, saya minta maaf kerana kesuntukan masa dan jikalau hendak, berhubung terus dengan Kementerian dan kita akan memberikan maklumat-maklumat yang lebih terperinci. Dengan itu, saya mengucapkan lagi terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah memainkan peranan untuk membahas Rang Undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang terhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi di putuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

**Fasal 1 hingga 30** diperintah jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: di bacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 8.30 malam dan selepas itu Dewan hendaklah ditangguhkan selepas Ucapan Penangguhan dibuat.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang terhormat, saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul di atas nama Yang terhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 8.30 malam dan selepas itu Dewan hendaklah ditangguhkan selepas Ucapan Penangguhan dibuat.

## RANG UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN (PINDAAN) 1993

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

*Persidangan disambung semula.*

6.22 ptg.

#### **Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar):**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan) 1993 di bacakan bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda peruntukan Akta Pertubuhan 1966 yang berkaitan dengan pemindahan harta sesebuah pertubuhan yang dibubarkan kepada pertubuhan yang baru ditubuhkan. Adalah dimaklumkan bahawa di bawah Seksyen 17, Akta Pertubuhan 1966 yang sedia ada telah membuat peruntukan terhadap pembelian atau disposal harta sesebuah pertubuhan yang telah dibubarkan manakala peruntukan Seksyen 17A Akta tersebut membuat peruntukan yang sama terhadap harta di cawangan-cawangan pertubuhan yang telah dibubarkan itu.

Adalah diperhatikan bahawa Seksyen 17B pula telah membuat peruntukan khusus mengenai pemindahan harta sesebuah pertubuhan yang dibubarkan dan terletak hak kepada Pegawai Pemegang Harta sebelum dipindahkan kepada pertubuhan yang baru ditubuhkan. Pertubuhan baru itu perlulah mempunyai perlembagaan serta kaedah-kaedah yang lebih kurang serupa dengan pertubuhan yang dibubarkan. Di samping itu, dari segi keahlian pula, telah ditetapkan supaya lebih daripada 50% daripada ahli-ahli pertubuhan lama hendaklah menjadi ahli di dalam pertubuhan baru.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan subseksyen 17B(4) telah memperuntukkan bahawa pampasan gantirugi hendaklah diberikan kepada ahli-ahli pertubuhan lama yang tidak berdaftar menjadi ahli pertubuhan baru itu dan telah membantah permohonan Pegawai Pemegang Harta untuk memindahkan semua harta dan liabiliti kepada pertubuhan baru.

Seksyen 17B membolehkan Pegawai Pemegang Harta memindahkan semua harta dan liabiliti pertubuhan lama kepada pertubuhan baru jika ia memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Seksyen 17B (4) pula mengandungi peruntukan yang tidak praktikal dari segi pelaksanaan dan akan menggagalkan peruntukan 17B.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan melicinkan kuasa dan pentadbiran pemindahan harta oleh Pegawai Pemegang Harta, adalah di cadangkan supaya subseksyen 17B (4) dimansuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dicadangkan juga supaya pindaan dibuat kepada subseksyen 17 (1) (b) (ii). Tujuan pindaan ini ialah untuk memudahkan dan mempercepatkan pembahagian aset berlebihan sesuatu pertubuhan yang telah dibubarkan. Dengan pindaan yang dibuat kepada subseksyen 17 (1) (b) (ii) ini, maka kuasa diberikan kepada Pegawai Pemegang Harta dan diletakkan kepada Mahkamah untuk meluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis sekarang ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan 1966 di bacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Kok Lanas.

6.15 ptg.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed (Kok Lanas):** Tuan Yang di-Pertua, walaupun Akta untuk meminda Akta Pertubuhan 1966 ini nampaknya ringkas dan pendek, hanya mengandungi 3 fasal sahaja, iaitu Fasal 1, Fasal 2 dan Fasal 3, tetapi mempunyai kesan yang besar ke atas bekas-bekas Ahli UMNO asal yang sekarang ini tidak menyertai parti UMNO Baru. Tuan Yang di-Pertua, saya menganggap bahawa pindaan yang ada di hadapan kita ini ialah satu rompak di siang hari. Perbuatan dan tindakan yang dibawa oleh Kerajaan untuk meminda Seksyen 17 dengan membuat pindaan yang substantive, dengan izin, kepada Seksyen 17 (1) (b) (ii) dan memansuhkan Seksyen 17B (4) adalah suatu perbuatan untuk mengesahkan sesuatu perbuatan yang tidak sah di sisi undang-undang.

Semasa membahaskan pindaan kepada Perlembagaan (Pindaan No. 3) tahun ini pada 20 haribulan yang lepas, saya telah menghujahkan bahawa pihak Kerajaan mestilah mentadbir dan melakukan sesuatu mengikut peraturan undang-undang yang sedia ada. Pihak Kerajaan tidaklah boleh meminda undang-undang untuk memenuhi kepentingan mereka atau parti mereka.

Saya juga telah menghujahkan bahawa adalah tidak tepat kalau dalam suatu permainan bola sepak, setelah beberapa kali gagal memasukkan gol,

maka ketua pasukan bertindak mengalihkan tiang gol. Ini adalah tidak tepat. Pindaan yang ada di hadapan kita pada hari ini telah dibuat pada tahun 1988 kerana seksyen-seksyen yang di cadangkan untuk dipinda ini kalau tidak silap saya telah dipinda setelah UMNO diisytiharkan tidak sah pada 4hb Februari, 1988. Akibat daripada itulah maka seksyen-seksyen tersebut telah dimansuhkan yang pada masa itu pihak Kerajaan setelah menubuhkan UMNO Baru memikirkan bahawa itulah cara yang terbaik bagi pihak Kerajaan untuk membahagi harta-harta UMNO asal menjadi milik harta parti UMNO Baru yang mendokong Kerajaan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah perlu bagi saya untuk membangkitkan sedikit sejarah kematian UMNO asal kerana pindaan ini—3 fasal yang dipinda melalui Akta Pertubuhan 1966 ini berkait secara langsung dengan harta UMNO asal yang sehingga kini masih lagi dipegang oleh Pegawai Pemegang Harta dan masih lagi permohonan ke mahkamah tidak dibuat untuk membahagikan harta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apabila UMNO asal dahulu diisytiharkan tidak sah pada 4hb Februari, 1988, Kerajaan tidak perlu bertindak meminda Akta Pertubuhan sebanyak dua kali termasuk pada hari ini sekiranya cadangan daripada kami diterima oleh Kerajaan. Kami pada masa itu telah menggesa Kerajaan, khususnya Menteri Dalam Negeri, supaya menggunakan peruntukan Seksyen 17 Akta Pertubuhan, dan sekali gus UMNO asal boleh dihidupkan.

Kemudian rayuan dibuat ke Mahkamah Tinggi supaya UMNO asal dapat dipulihkan kerana kami

berpendapat keputusan Mahkamah Tinggi boleh diperbaiki melalui proses undang-undang yang sedia ada dalam negara ini, iaitu keputusan Mahkamah Tinggi jelas menyebut bahawa kedudukan UMNO asal boleh diperbaiki hanya dengan mendaftar semula cawangan-cawangan yang tidak sah dan mencadangkan suatu pemilihan perhimpunan agung baru diadakan. Tetapi barangkali kerana pihak-pihak tertentu takut untuk mengadakan perjumpaan dan perhimpunan bagi kali yang kedua, maka telah bertindak untuk tidak menghidupkan semula UMNO asal itu. Maka Kerajaan pada masa itu membawa pindaan kepada Akta Pertubuhan ini untuk membahagikan UMNO asal.

Tuan Yang di-Pertua, kami sekali lagi telah membawa suatu Private Bill—Rang Undang-undang persendirian ke dalam Dewan ini supaya UMNO asal itu dapat dipulihkan dan pembahagian aset UMNO itu dapat dibuat dengan mudah tanpa melibatkan dan melalui suatu proses undang-undang yang amat sulit seperti yang dihadapi oleh pihak UMNO Baru pada masa ini.

Sebenarnya jika cadangan-cadangan yang telah kami utarakan di peringkat awal dulu telah dibuat oleh pihak Kerajaan maka proses pembahagian aset yang sulit itu dan pembentangan Rang Undang-undang sebanyak dua kali pindaan kepada Akta Pertubuhan tidak perlu dibuat di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi sebaliknya kami telah dituduh sebagai orang yang mematikan UMNO. Yang Berhormat dari Gua Musang telah berkali-kali dituduh sebagai pengkhianat, sebagai orang yang menghancurkan UMNO, mematikan UMNO walaupun usaha yang jelas kita

buat telah menunjukkan dengan jelas bahawa kita tidak mahu UMNO asal itu dimatikan. Tetapi usaha-usaha yang kita buat telah mendapat sambutan dingin daripada pihak pimpinan UMNO Baru pada masa itu.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan undang-undang yang ada pada hari ini adalah jelas, barangkali pihak Kerajaan menghadapi jalan buntu kerana pertama sekali kegagalan parti UMNO Baru untuk membuktikan berapakah jumlah ahli UMNO asal yang menjadi ahli UMNO Baru. Inilah satu dilemma besar yang dihadapi oleh Kerajaan. Oleh yang demikian keperluan Seksyen 17 yang mengatakan bahawa 50% daripada ahli UMNO asal mesti menjadi ahli UMNO Baru tidak dapat dipenuhi.

Yang Berhormat Menteri sendiri sedia maklum, ahli-ahli UMNO asal tidak pernah mengisi borang untuk menjadi ahli UMNO asal. Tidak ada suatu bukti nyata yang jelas yang menunjukkan seseorang itu menjadi ahli UMNO dan barangkali pada masa itu, pada masa pindaan kali pertama Akta Pertubuhan, Kerajaan tidak memperlihat masalah ini. Sekarang apabila masalah ini telah ada, maka tindakan telah dibawa untuk meminda Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin melihat apakah peruntukan yang sedia ada, yang pertamanya iaitu berhubung dengan kedudukan undang-undang yang ada pada hari ini. Yang pertama telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi, ada dua pindaan pokok kepada Akta Pertubuhan yang dibawa di hadapan kita pada hari ini.

Yang pertama iaitu Fasal 2 untuk meminda Seksyen 17 (1) (b) (ii) kepada Akta Pertubuhan dengan mengganti-

kan suatu Seksyen 17 (1) (b) (ii) yang baru. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya membaca peruntukan yang sedia ada—Seksyen 17. Seksyen 17 yang asal ialah berhubung dengan pembahagian harta di atas tindakan pembatalan mana-mana pertubuhan. Seksyen 17 (1) (b) (ii) menyebut, dengan izin Tuan Yang di-Pertua:

“in all other cases, to members of the society according to the rules of the society, or if there be no such rules applicable to such case, then equally, but if by reason of the great number of members or the difficulty in ascertaining the person entitled to such assets, or from any other cause, such payment is as aforesaid, is in the opinion of the Official Assignee or such other officer as aforesaid, impracticable, such Official Assignee or other officer, as the case may be, shall prepare and submit to the High Court. . . .”

Peruntukkan yang sedia ada, Tuan Yang di-Pertua, ialah memperuntukkan bahawa jika sesuatu pertubuhan yang telah diisytiharkan tidak sah, mempunyai peraturan tentang pembahagian aset di dalam pertubuhan berkenaan, maka aset itu mesti dibahagi menurut peraturan yang ditetapkan, menurut pelembagaan parti itu.

Tetapi jika pertubuhan itu tidak mempunyai satu peraturan tetap, maka ia hendaklah dibahagi secara bersama—equally— secara bersama. Tetapi jika Pegawai Pemegang Harta mendapati masalah untuk menentukan bahawa jumlah ahli-ahli pertubuhan berkenaan, maka ianya boleh dibahagi menurut satu sekim yang dibuat oleh Pegawai Pemegang Harta.

Saya tidak nampak apakah masalah yang ada sehingga Seksyen 17 (1) (b) (ii) ini perlu dipinda. Cuma barangkali ini

adalah untuk mengelakkan satu perkara sahaja iaitu untuk menafikan hak bekas-bekas ahli UMNO lama supaya tidak lagi boleh menuntut kepada harta itu. Itu sahaja yang nampak kepada saya. Tujuan pindaan ini dibawa ialah untuk menafikan hak ahli-ahli UMNO lama kepada aset UMNO yang sekarang ini dipegang oleh Pegawai Pemegang Harta.

Jelas lagi, Tuan Yang di-Pertua, jika kita melihat kepada Fasal 3. Fasal 3 yang bertujuan untuk memotong terus Seksyen 17B (4) Seksyen 17B (4) seperti yang ada sekarang berbunyi begini, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua:

“Any person who was a lawful member of the old society immediately before the cancellation of its registration who is not a member of the new society who objects to the application of the Official Assignee shall be paid compensation for his share of the net assets of the old society. . . .”

Di bawah peruntukan yang sedia ada, Tuan Yang di-Pertua, seseorang ahli bekas UMNO lama/asal yang tidak mahu menyertai ahli UMNO Baru, seseorang ahli UMNO asal yang membuktikan dirinya ahli UMNO asal dan dia tidak mahu menjadi ahli UMNO Baru dan membantah kepada permohonan Pegawai Pemegang Harta, orang tersebut atau ahli tersebut berhak dibayar compensation, berhak dibayar ganti rugi dan seksyen ini memansuhkan Seksyen 4. Dengan kata lain tujuan pembentangan Rang Undang-undang ini ialah untuk menafikan hak bekas ahli-ahli UMNO asal yang tidak menyertai UMNO Baru.

Saya bagi pihak ahli-ahli Parti Semangat 46 menegaskan di sini bahawa kami tidak halal dunia akhirat

tindakan Kerajaan merampas hak-hak kami. Barangkali di dalam Parlimen ini kami akan kalah kerana Kerajaan mempunyai kuasa majoriti dan sebagainya. Tetapi Kerajaan mesti bertanggungjawab bahawa perbuatan menafikan bekas-bekas ahli UMNO asal yang tidak menyertai UMNO Baru dan menafikan hak mereka untuk mendapat pampasan adalah suatu perbuatan "rompakan" yang amat dahsyat.

Tuan Yang di-Pertua, Perkara 13 Perlembagaan Negara telah menyebut dengan jelas:

"Tidak ada mana-mana orang boleh dirampas hartanya melainkan menurut peruntukkan undang-undang, dan tidak ada undang-undang boleh dibuat untuk merampas harta mana-mana orang melainkan pampasan yang sewajarnya perlu dibuat".

Saya percaya Menteri Undang-undang amat arif dengan peruntukkan Artikel 13 Perlembagaan negara. Ada dua syarat yang diperlukan di bawah Perkara 13. Satu, harta seseorang tidak boleh dirampas melainkan melalui proses undang-undang. Yang Kedua, tidak ada undang-undang boleh dibuat untuk merampas harta mana-mana orang melainkan bayaran pampasan yang sewajarnya perlu dibuat.

Tetapi pindaan yang dibawa di hadapan kita pada hari ini jelas bercanggah dengan Artikel 13 Perlembagaan negara. Barangkali Yang Berhormat Menteri Undang-undang akan menjelaskan selepas ini. Itu terpulanglah kepada mereka yang terkilan untuk membawa ke mahkamah. Memang benar! Memang benar barangkali kita memikirkan satu cara lain. Tetapi kita hendak mengingatkan Menteri Undang-

undang, Nabi Besar kita Junjungan Nabi Muhammad s.a.w. dalam masa hidupnya pernah menyatakan:

"Salah satu dosa besar yang dilakukan oleh umat manusia ialah merampas harta orang lain yang dia tidak berhak di sisi undang-undang"

Yang Berhormat Menteri Undang-undang mesti bertanggungjawab dunia dan akhirat kerana membentangkan undang-undang ini dan sekali gus merampas hak-hak kami bekas ahli UMNO asal yang tidak menyertai parti UMNO Baru. Yang Berhormat Menteri Undang-undang mesti bertanggungjawab dunia dan akhirat.

Sekali lagi kami menegaskan walaupun kami gagal di dalam Dewan yang mulia ini, mungkin kami memikirkan cara lain dan kami juga jangka kami gagal tetapi kita hendak menegaskan, perbuatan merampas harta-harta yang kami ada kepentingan, tidak akan kami halalkan dunia dan akhirat. Bertanggungjawablah di hadapan Tuhan Rabbul-Jalil.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat pertanyaan, mengapa begitu gelojoh tindakan yang dibuat oleh Kerajaan untuk meminda Akta ini? Percubaan permohonan oleh Pegawai Pemegang Harta belum dibuat lagi kepada pihak mahkamah dan saya ingin mengemukakan beberapa pertanyaan dan saya minta Yang Berhormat Menteri Undang-undang menjawab dengan ikhlas pertanyaan-pertanyaan saya supaya ianya dapat membuang segala syak wasangka, segala was-was, segala pertanyaan yang kini dipertanyakan oleh bekas-bekas ahli UMNO lama yang tidak menyertai parti UMNO Baru.

Yang pertama, soalan pertama saya ialah; bilakah tarikh sebenar Pegawai Pemegang Harta telah mengambilalih

semua harta-harta UMNO asal? Sekali lagi saya ulang, saya ingin tahu bilakah tarikh sebenar Official Assignee dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, Pegawai Pemegang Harta mengambilalih, mentadbir harta-harta UMNO asal secara rasmi? Bilakah tarikhnya?

Yang kedua, saya minta Yang Berhormat Menteri Undang-undang menyenaraikan secara terperinci, secara jujur dan ikhlas, semua harta-harta UMNO asal sama ada harta alih atau harta tidak alih. Senaraikan secara terperinci sama ada ibu pejabat UMNO asal di tiap-tiap negeri atau mana-mana kepentingan UMNO, di mana-mana syarikat awam atau mana-mana syarikat persendirian. Senaraikan secara terperinci harta-harta alih dan harta-harta tidak alih yang dipunyai oleh UMNO asal.

Yang ketiga ialah senaraikan secara penuh aset-aset UMNO lama dan aset-aset lain yang tidak termasuk dengan apa yang saya telah bangkitkan di dalam senarai nombor dua tadi.

Yang keempat, apakah liabiliti-liabiliti yang ditanggung oleh UMNO asal, termasuk ianya diisytiharkan tidak sah pada tarikh 4hb Februari, 1988? Apakah liabiliti-liabiliti UMNO asal yang ditanggung oleh UMNO asal semasa Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mengisytiharkan ianya tidak sah pada tarikh 4hb Februari 1988?

Yang kelima, khusus berhubung dengan bangunan UMNO yang sekarang ini tersergam indah—Putra World Trade Centre (Pusat Dagangan Dunia Putra). Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan, bilakah Pegawai Pemegang harta mengambilalih pentadbiran bangunan ini? Dan bilakah Pegawai Pemegang harta mengambilalih kepada siapakah bangunan ini disewakan? Berapakah

jumlah sewaanannya sebulan? Berapakah tempoh sewaanannya? Dan berapakah jumlah wang yang dipungut setakat ini daripada penyewaan bangunan UMNO tersebut?

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Yang seterusnya, keenam ialah Renong Berhad melalui Syarikat Hati Budi yang orang semua tahu bahawa ianya adalah syarikat UMNO. Apakah jadi kepada syarikat ini sekarang? Apakah ianya masih lagi milik UMNO asal atau sudah dipindah kepada pihak ketiga yang mana UMNO Baru atau bekas UMNO asal tidaklah lagi berhak? Kalau mereka ini sudah dipindah kepada pihak ketiga, mengapa perkara ini boleh terjadi? Kerana kepentingan Renong dan Hati Budi di dalam kepentingan perniagaan di negara ini terlalu banyak dan di sini sahaja, kita menganggarkan RM1 bilion harga nilai aset pada masa ianya diisytiharkan tidak sah, saya ingin tahu bagaimana jadinya kepada syarikat ini? Kalau telah dipindah kepada pihak ketiga, mengapa perkara ini boleh berlaku kerana semua orang tahu Syarikat Hati Budi adalah kepunyaan bekas UMNO asal.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya ingin tahu secara ikhlas dan tegas kepada Menteri Undang-undang ialah adakah UMNO Baru sekarang mempunyai rekod? Berapakah jumlah ahli parti UMNO asal yang sebenar? Berapakah jumlah sebenar ahli parti UMNO asal secara berdaftar? Dan yang kedua, setelah UMNO diisytiharkan tidak sah, berapakah ahli UMNO asal itu yang memilih untuk menyertai parti UMNO Baru? Dan berapa pula yang tidak menyertai parti UMNO Baru? Saya minta Menteri Undang-undang memberikan jawapan yang tegas kepada perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu syarat yang diperuntukkan di bawah Seksyen 17 yang asal, sebelum permohonan dibuat oleh Official Assignee, dengan izin, kepada Mahkamah Tinggi ialah:

“Bahawa perlembagaan parti baru ini, (parti yang diisytiharkan tidak sah ini) mestilah perlembagaannya hampir-hampir sama dengan perlembagaan parti UMNO asal.”

Dan yang keduanya, keahlian. Keahliannya mestilah lebih daripada 50%. Syarat ini nampaknya sekarang hendak ditiadakan kerana ini adalah perangkap kepada UMNO sendiri. Sebab UMNO telah mengubah perlembagaan UMNO asalnya, dengan menerima orang-orang bukan Melayu menjadi ahli, barangkali kerana ini UMNO sekarang menghadapi masalah.

Tuan Yang di-Pertua, perlulah ditegaskan di sini bahawa harta-harta UMNO asal adalah hak kepada ahli-ahli UMNO asal. Ahli-ahli UMNO asal ialah orang-orang Melayu. Melayu seperti yang ditakrifkan di bawah Perlembagaan ialah satunya beragama Islam. Maknanya, dengan kata lain, hak ini hak orang-orang Melayu beragama Islam di dalam parti UMNO asal. Maka adalah tidak wajar jika Kerajaan sekarang bertindak meminda Akta Pertubuhan untuk memudahkan proses pengambilalihan aset menjadi hakmilik UMNO Baru yang di anggotai bukan sahaja kepada orang-orang Melayu beragama Islam tetapi juga orang-orang bukan Melayu dan orang-orang bukan Islam. Oleh kerana kalaulah pihak Kerajaan, jika pihak Kerajaan menghadapi masalah untuk membahagikan harta-harta tersebut, maka kami mencadangkan seperti berikut:

Kalaulah Kerajaan menghadapi masalah untuk membahagikan aset UMNO asal itu dengan proses undang-undang yang amat sukar di bawah Akta Pertubuhan yang sedia ada, kami hendak mencadangkan dua perkara. Yang pertama, ialah menghidupkan semula UMNO asal. Barangkali cadangan ini susah untuk diterima oleh pihak Kerajaan sekarang ini kerana mereka telah bertindak menukar perlembagaan parti UMNO asal dalam parti UMNO Baru ini dan keahliannya adalah berbeza.

Kalau sekiranya cadangan ini tidak diterima; yang kedua; sebagai pilihan, yang secara tegas kami menyatakan bahawa kami, ahli-ahli parti Semangat 46 reda. Reda kalau Kerajaan mengambil cara ini, iaitu dengan menyenaraikan semua aset UMNO asal dan menyerahkan semua aset-aset tadi kepada Baitulmal di seluruh negara. Kalau yang ada di Kelantan diserahkan kepada Baitulmal di Kelantan. Yang ada di Terengganu kepada Baitulmal Terengganu dan wang ini akan digunakan untuk membantu golongan daif dan miskin di seluruh negara. Kalau ini dipilih, saya rasa tidak ada masalahnya. Apakah tujuan Kerajaan untuk mengambilalih harta ini—untuk apa? Kerana kita tahu bahawa mereka tidak cinta lagi, UMNO asal mereka tidak mahu. Tubuh parti UMNO Baru tetapi hartanya hendak. Untuk apa? Bukan sahaja hendak, kalau mengikut peraturan undang-undang, tidak apa. Ini menafikan hak kami sebagai ahli. Hak Kami. Bukan sedikit. Orang UMNO asal yang tidak menyertai UMNO Baru memang ramai. Tetapi dengan membuat pindaan seperti ini untuk menafikan bayaran gantirugi dan sebagainya kepada bekas ahli UMNO asal, ini bercanggah dengan undang-

undang negara dan bercanggah dengan hukum Allah Subhanahu Wataala. Dua-duanya bercanggah, dunia dan akhirat. Menteri Undang-undang mesti bertanggungjawab. Ini suatu perkara yang amat serius.

Yang Berhormat Menteri Undang-undang sendiri barangkali sedia tahu hukum faraid. Hukum faraid di dalam Islam, kalau bapa mati, dia mesti ada warisnya yang berhak. Macam mana kita hendak membuat peruntukan menafikan hak ahli waris untuk mendapatkan hak ke atas harta tersebut. Ini adalah suatu perbuatan yang tidak adil dan lebih-lebih lagi, Perlembagaan negara kita telah menyebutkan dengan jelas, Artikel 13 tidak ada undang-undang boleh dibuat untuk merampas mana-mana harta orang warganegara dan undang-undang dibuat untuk merampas; kalau tidak ada gantirugi pampasan, ia bercanggah dengan Artikel 13.

Takkanlah Menteri Undang-undang tidak mahir dengan peruntukan Perkara 13 Perlembagaan Negara. Barangkali ini ada di dalam fikiran Yang Berhormat Menteri Undang-undang. Apakah Artikel 13 ini tidak dikaji? Barangkali Yang Berhormat Menteri Undang-undang akan berkata Perkara 13 tidak berkaitan. Macam mana tidak berkaitan perkara ini adalah jelas. Dahulu peruntukan perkara seksyen 17B (4) yang asal menyebutkan dengan jelas bahawa bekas UMNO asal yang tidak mahu menyertai ahli UMNO Baru berhak dibayar gantirugi. Sekarang seksyen ini dibatalkan. Bermakna Akta Pertubuhan yang sedia ada memberi hak kepada bekas ahli UMNO asal yang tidak menyertai UMNO Baru kepada gantirugi. Sekarang gantirugi pula ditiadakan. Perbuatan ini jelas merampas hak bekas ahli UMNO asal yang tidak mahu menjadi ahli UMNO Baru.

Tuan Yang di-Pertua, kesannya apabila undang-undang ini dipinda selepas daripada ini, saya sudah nampak bahawa UMNO Baru selepas sahaja pindaan kepada Akta Pertubuhan yang ada di hadapan kita ini diluluskan, akan bertindak untuk membahagikan aset UMNO asal.

Yang menjadi masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, yang ditanya oleh sebahagian besar bekas ahli UMNO asal ialah harta-harta UMNO asal ini ditadbirkan oleh Pegawai Pemegang Harta. Pegawai Pemegang Harta sehingga kini tidak menjelaskan ataupun kita tidak tahu bagaimana harta ini ditadbirkan. Berapa pendapatannya, berapa liabilitinya, bagaimana ianya dipindahmilik dan sebagainya, kita tidak tahu. Pegawai Pemegang Harta bertanggungjawab kepada siapa sebenarnya. Mestilah kepada Menteri berkaitan. Sebahagian besar daripada ahli-ahli UMNO asal tidak mengetahui bagaimana terjadi kepada aset-aset ini. Yang kita tahu, dalam Penggal Parlimen yang lepas, bawa pinda undang-undang hendak beri harta. Sekarang bawa lagi pindaan undang-undang. Tetapi berapa jumlah hartanya kita tidak tahu. Jadi, ini yang bersabit dengan soalan yang saya bangkitkan tadi supaya Menteri Undang-undang menjelaskan sebaik mungkin kepada Dewan yang mulia ini dan kepada bekas-bekas ahli UMNO asal untuk mereka mengetahui hak-hak mereka di bawah undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah tegaskan di awal-awal tadi, pindaan ini walaupun ringkas, tetapi ianya mempunyai kesan yang besar. Pindaan ini walaupun nampaknya hanya mempunyai tiga fasal tetapi ianya menampakkan dengan jelas

adalah suatu cara baru, cara moden bagaimana Parlimen ini telah diguna untuk merampas hak orang yang berhak di sisi undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya hendak menegaskan bagi pihak ahli-ahli parti Semangat 46, walaupun barangkali bangkangan kami kepada pindaan Akta ini tidak akan berjaya dan barangkali selepas ini permohonan Pegawai Pemegang Harta akan dibawa ke mahkamah untuk membahagikan aset UMNO asal dan barangkali juga kami tidak berjaya, tetapi kami hendak menegaskan sekali lagi bahawa kami ahli-ahli UMNO asal tidak halal dunia akhirat merampas hak kami. Kami menegaskan di sini bahawa ahli-ahli kami bukan sedikit. Walaupun UMNO Baru mempertikaikan kami tidak mempunyai ramai ahli, tetapi kami yakin ahli-ahli kami yang bekas ahli UMNO asal dahulu yang tidak menyertai UMNO Baru tidak kurang daripada 300,000 orang di seluruh negara. Walaupun ini adalah suatu angka yang barangkali pada pimpinan UMNO Baru jauh lebih kecil dengan ahli UMNO Baru, yang kononnya telah menjangkau angka 1.5 bilion, tetapi hak 300,000 ahli ini tidak boleh diketepikan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak parti Semangat 46, kami menentang sekeras-kerasnya pindaan kepada Akta Pertubuhan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Pasir Mas.

6.45 ptg.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** Tuan Yang di-Pertua, cerita sampai ke Rabbul-Jalil dan tidak dihalalkan dunia akhirat ini berat. Apabila saya mendengar pun menggigil lutut saya.

Walaupun begitu, Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendengar dengan teliti ucapan rakan saya daripada Kok Lanas. Dari satu segi saya dapati bahawa rakan saya daripada Kok Lanas benar-benar mahu membahagikan harta ataupun membahagikan pesaka dalam UMNO asal. Tetapi pada masa yang sama rakan dari Kok Lanas mencadangkan dua perkara:

- (i) menghidupkan UMNO asal sebagai satu penyelesaian; ataupun
- (ii) supaya harta tersebut diserahkan kepada Baitulmal.

Dari segi ucapan ataupun hujah daripada rakan saya dari Kok Lanas, saya menyimpulkan begini. Saya rasa rakan-rakan saya ini hendak balik ke UMNO, cuma dia segan. Sebab, Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada isu kepada parti Semangat 46, tetapi apakah motif bangkangan dibuat?

Saya tidak lihat selain daripada inilah isu terakhir kepada parti Semangat 46 dalam pertarungan di antara UMNO Baru dan UMNO asal dahulu yang sudah pun selesai di waktu pilihan raya umum tahun 1990. Perjuangan kumpulan apa yang dikatakan Semangat 46 adalah diketuai oleh wakil daripada Gua Musang dan terpaksa saya mengungkitkan kembali sejarah ini kerana ianya ada kaitan dengan Akta Pindaan Pertubuhan sebagaimana yang disebutkan oleh rakan saya daripada Kok Lanas.

Perjuangan pertama apa yang dinamakan kumpulan Semangat 46 sekarang ini yang dahulu anggota UMNO asal ialah hendak merealisasikan satu hasrat menjadikan Ahli Parlimen Gua Musang sebagai Presiden UMNO. Malangnya, Allah Taala tidak

mengizinkan. Sesudah segala usaha telah dibuat, kempen yang begitu hebat yang hampir-hampir menimbulkan satu keadaan yang cukup mencemaskan dalam konteks kepimpinan Melayu pada waktu itu. Tetapi secara ringkasnya, hasilnya tidak berjaya, Allah tidak mengizinkan. Lantaran itu, UMNO asal menjadi mati. Siapakah yang memulakan UMNO asal ini mati?

Saya rasa saya ada sedikit authority, Tuan Yang di-Pertua, sebab saya juga adalah bekas anggota Semangat 46. Bagaimana UMNO asal boleh menjadi mati? Siapakah yang memulakan langkah ke arah UMNO asal menjadi mati? Maka bermulalah perjuangan kedua kumpulan Semangat 46 hendak menghidupkan UMNO asal. Cerita hendak menaikkan ahli Parlimen Gua Musang sebagai Presiden UMNO sudah tamat. Timbul isu baru hendak menghidupkan UMNO asal, bermula daripada isu yang pertama. Sesudah UMNO asal gagal di peringkat yang kedua dari segi perjuangan Semangat 46, maka sekarang ini saya terdengar pula ialah perjuangan ke arah matlamat ketiga iaitu masalah pembahagian harta pesaka.

Saya percaya isu ini dibawa semata-mata untuk menghidupkan kembali semangat saki-baki ahli-ahli UMNO asal yang ada di dalam Semangat 46 sebagai satu ikatan untuk memperkuatkan parti ini balik menjelang pilihan raya umum akan datang. Saya tidak fikir mereka ini hendak kepada harta UMNO ini. Presiden Semangat 46 adalah seorang teruna yang kita tahu kaya-raya, yang mempunyai harta lebih daripada mencukupi. Saya tidak fikir beliau hendak kepada harta seumpama ini, sebab saya tahu beliau adalah seorang pemurah, malah mungkin hartanya juga dibahagi-bahagikan kepada orang lain, disedekah-

sedekahkan. Saya pun dulu dapat juga merasa sikit-sikit waktu menyokong Ahli Parlimen Gua Musang dulu. Ini saya tak perlu sembunyi, sebab ini satu hakikat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sesudah UMNO mati, saya hendak menyingkapkan kembali perjuangan sebenar di sebalik yang tersirat. Apakah yang di sebalik tersirat ini? Saya tidak fikir soal harta. Bukan harta yang menjadi soal yang tersirat di sebalik isu ini, saya tak percaya. Ianya tak lebih daripada hendak melanjutkan lagi perjuangan untuk mengekalkan ahli-ahli yang ada saki-baki dalam S46 kerana buat masa ini beberapa pemimpin S46 yang ada sekarang ini, saya cukup yakin memang mereka kalau hendak dikatakan siang dan malam, memang saya cukup yakin kalau tak semua pun saya tahulah sebahagian besar memang hendak balik ke UMNO.

Kenyataan Timbalan Presiden Semangat 46, Dato' Rais Yatim di waktu merasmikan Semangat 46 di Jelebu, dua hari yang lalu jelas menunjukkan ada keinginan itu, cuma maklum sahajalah, mereka ini, pejuang-pejuang, tak tahulah, mungkin mereka ini masih lagi merasa segan ataupun malu ataupun fasal sudah 'bakar jambatan'. Jadi, hendak tunggu satu suasana yang mungkin, secara ringkasnya, tunggulah Presiden UMNO sekarang ini tak ada. Mungkin, dengan izin, by that time, maka orang tak akan persoal lagi dari segi prinsip dan maruah, sebab pada waktu itu maka timbullah isunya 'Dr Mahathir sudah tak ada', Presiden UMNO sekarang sudah tak ada, kita menentang dulu Presiden UMNO. Tak Timbul soal harta ini. Ini Isu yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan demikian, saya hendak tanya rakan saya Ahli Parlimen dari Kok Lanas, for record dalam Dewan yang mulia ini, bahawa Semangat 46 ditubuh sebelum pilihanraya umum, yang saya juga anggota Jawatankuasa Penajanya. Pada waktu itu ditubuh memang untuk memperjuangkan UMNO asal. Pergerakan Pemuda UMNO—Semangat 46 yang saya pimpin, yang mana rakan saya dari Kok Lanas sebahagian daripada anggotanya, kita menerima resolusi amanat Allahyarham Tun Hussein Onn dengan mengatakan bahawa demi kerana kepimpinan Melayu, kekuatan bangsa, kita mengatakan pada waktu itu oleh kerana tidak ada jalan penyelesaian yang paling boleh diterima oleh semua pihak, maka kita serah kepada rakyat untuk menentukan dalam pilihan raya umum. Semak balik ucapan Presiden Semangat 46 di waktu pelancaran Semangat 46 dalam Ucapan Dasar Presiden Semangat 46 mengatakan ini adalah parti untuk menghadapi pilihan raya. Kalau kita menang, ertinya kita akan pulihkan UMNO asal. Dan kalau kita kalah, maka kita serah kepada rakyat dan kita terimalah apa keputusan dan mandat rakyat.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Kok Lanas.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat dari Pasir Mas. Kalaulah itu sebenarnya Yang Berhormat kata matlamat penubuhannya untuk pilihan raya, mengapa pula sebelum daripada pilihan raya umum Yang Berhormat pernah berucap dalam satu majlis di

Pasir Mas, di hadapan 5,000—6,000 orang, bahawa kalau Yang Berhormat masuk Parti UMNO Baru, Yang Berhormat akan jilat punggung Perdana Menteri, mengapa? (*Beberapa Ahli DAP: Boo*) (*Tepuk*) Kalau itulah sebenarnya untuk pilihan raya, mengapa Yang Berhormat begitu yakin pada masa itu menyatakan kepada 5,000—6,000 orang di satu majlis di Pasir Mas, kaset pun ada, bahawa kalau Yang Berhormat masuk Parti UMNO Baru, Yang Berhormat akan jilat punggung Presiden UMNO Baru, mengapa kalau itu?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Ini saya boleh jawab, cuma orang-orang DAP tak usah tumpang 'tui' lah. Saya senang sahaja jawab. Saya boleh jawab ini. Pertama, Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan kehangatan pada waktu itu (*Beberapa Ahli DAP: Boo*) macam-macam ucapan keluar, (*Ahli-ahli DAP: Boo*) dan ucapan yang keluar — Hei, babi, diamlah—ucapan yang keluar pada waktu itu yang dikeluarkan oleh Sulaiman Palestin—Sulaiman Palestin yang mengeluarkan kenyataan seumpama itu dimajlis ucapan ceramah-cemarah Semangat 46, tetapi waktu itu disiarkan oleh akhbar Watan dengan meng'quote' nama saya (*Beberapa Ahli DAP: Bersorak*) dan saya tidak menafikan. Oleh kerana ianya jadi isu pada waktu itu di Kelantan, waktu kempen pilihanraya, macam-macam kata. Soal mengatakan 'jilat punggung', saya usahkan jilat punggung, demi untuk orang Melayu, kaki saya jilat lagi. (*Beberapa Ahli DAP: Boo*) Ini bukan macam DAP yang duduk dalam kelambu PAS, jilat apa pun jadi. Tetapi DAP ini saya tak jilatlah, sebab tahu mereka tak basuh. Memang mereka tak basuh!

Tetapi soalnya, Tuan Yang di-Pertua, dari segi pegangan, kalau kita hendak huraikan dari segi prinsip,

apakah definisi prinsip sebenarnya? (*Ahli-ahli DAP: Bersorak*) Prinsip pada saya, kalau kita kata dari segi prinsip, bagi saya apapun orang kata dari segi maruah, tetapi kalau saya hendak ditunggak, diperalatkan sebagaimana Semangat 46 oleh Parti DAP untuk menjahanamkan maruah martabat bangsa, Tuan Yang di-Pertua, 'no' atas nama prinsip peribadi saya. (*Tepuk*) Saya tidak akan jual maruah bangsa demi kerana hendak menumbangkan kepimpinan Melayu, sepertimana dibuat oleh Semangat 46 sekarang ini. 'No', Tuan Yang di-Pertua. Biar saya dihina sekalipun, saya tidak akan jual maruah dan prinsip ini.

Apa yang dibuat oleh Semangat 46 sekarang? Pakatan dengan PBS bukan menghasilkan kepimpinan Melayu. Sekarang ini bercakap dari segi isu, soal orang-orang bukan Melayu masuk UMNO dan seumpamanya, tetapi pakatan S46 dengan PBS, pakatan dengan DAP dalam konteks Semangat 46. Saya bukan chauvinist. Saya bercakap ini hendak halakan kepada Semangat 46. Mana pendirian Semangat 46 dari segi yang dikatakan martabat dan kepimpinan Melayu? Mana dia? Jadi alat kepada talibarut yang hendak merosakkan agama, bangsa dan negara ini. Tidak lebih daripada cita-cita seorang individu.

Saya tahu, Tuan Yang di-Pertua. Memang saya bukan baru, saya mengakui sejak tahun 1982 mengikuti Presiden Semangat 46 sekarang ini. Ini tak ada campur aduk dengan soal DAP. DAP hanya datang di waktu dekat pilihan raya hendak memperalatkan S46 dan S46 hendak memperalatkan DAP. Cuba hendak cari pakatan untuk memang pilihan raya sekadar itu sahaja. Tetapi siapa yang memperalatkan siapa? Siapa yang untung? Sehingga marahkan nyamuk, akhirnya kelambu dibakar.

Maka sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada soal pindaan Akta Pertubuhan ini dalam masalah harta, sampai kata hendak beri kepada Baitulmal. Itu yang saya nampak betul-betul tak ikhlas, betul-betul politik. Kalau cadangan kata, pertama, cara penyelesaian balik kepada pulihkan UMNO asal, yang rakan dari Kok Lanas kata tadi tak mungkin lagi dapat dihidupkan. Cara yang kedua, serah kepada Baitulmal. Punya ikhlas itu? Kalau orang sebut macam ini, saya tak percaya ini adalah ikhlas, hendak serah kepada Baitulmal. Too good to be true, dengan izin. Jadi saya. . . .

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:**  
(*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Yang Berhormat dari Kota Setar.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sedikit daripada Pasir Mas. Jadi, kalau harta kita serah kepada Baitulmal, kalau hutang macam mana? Adakah kita serah kepada Baitulmal untuk membayar hutang-hutang UMNO yang banyak itu, kita buat bangunan. Macam mana, kita serah kepada Baitulmal untuk menyelesaikan atau macam mana?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Hutang banyak, hendak serah kepada Baitulmal, macam mana? Hutang kena bayarlah. (*Ketawa*) Mereka tak ada tuntutan, hendak bayar macam mana? (*ketawa*) Tak ada hutang. Cuma mungkin mereka dengar cerita di luar. Saya juga pernah dengar dulu, saya pun naik ghairah. Bila dok cerita-cerita, dulu waktu Presiden Semangat 46 waktu itu jadi Bendahari UMNO, jadi Menteri Kewangan, saya sendiri sebagai anggota UMNO, saya tak tahu berapa banyak harta UMNO pun, tak

berbangkit pun isu pada waktu itu. Lepas itu saya dengar harta RM1 bilion, RM500 juta, jadi saya pun naik syok dengar harta seumpama itu, sebanyak itu, tetapi sebelum itu tak disebut pun. Dan betulkah, benarkah tidak? Itu terpulang kepada Menteri menjawabnya nanti. Tetapi yang saya hendak ungkit di sini cadangan untuk serah kepada Baitulmal. Saya rasa kalau boleh, sepatutnya kalau ikhlas, patut cari penyelesaian lain lebih baik. Too good to be true ini. Sebab saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, tidak lebih daripada hendak 'prolong the issue' supaya dengan memberi harapan kepada sebahagian daripada ahli S46 yang tinggal saki-baki sekarang ini, supaya kekal dalam S46 sebab kita hendak dapat harta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya percayalah, bukan soal seperti kata rakan saya dari Kok Lanas ambil tiang gol, alih tiang gol. Tendang bola masuk. Ini bukan lagi cerita alih tiang gol ini. Pada saya memang betul sudah buat ini. Ini cerita bola ambil dua belah kaki tendang terus masuk. Ini 'penalty kick'. Sebab berapa tahun dah perkara ini berbangkit. Berapa tahun sudah perkara ini berbangkit? Sekarang sudah 1993, sejak tahun 1988 bagaimana hak ahli majoriti yang begitu ramai. Tetapi saya bersetuju. Saya bersetuju, saya tidak ada halangan Tuan Yang di-Pertua, kepada saya secara peribadi kalau ianya memudahkan dari segi ada satu mekanisma, kalau boleh dari segi mekanisma ada, hendak diberi harta ini asalkan adalah rakan-rakan dalam S46 sedikit boleh dapat harta, apa salahnya berilah kalau boleh beri. Saya bersetuju. Itu pun kalau mereka hendak sangat.

Tetapi kepada saya, ahli-ahli UMNO asal dulu yang menjadi anggota parti politik tidak pernah memikirkan soal harta. Harta parti bukan

diharapkan satu dividen. Harta parti bukan dijadikan satu punca pendapatan kepada ahli-ahli. Ahli-ahli menganggotai satu parti politik macam UMNO asal dulu, UMNO sekarang ialah satu komitmen kepada perjuangan falsafah politik parti tersebut. Dan parti tersebut membina hartakah atau membina bermacam-macam perniagaan untuk tujuan apa? Untuk perjuangan parti itu sendiri. Sebab itu kita lihat tersergam indah bangunan di sana-sani. Untuk apa? Untuk tujuan kegunaan ahli-ahli parti. Kegunaan orang-orang Melayu, kegunaan masyarakat. Bukan hendak beri harta, hendak tunggu dividen setiap ahli dapat RM100,000—RM200,000. Saya tidak fikir orang S46 pun berfikir demikian. Saya tidak fikir begitu.

Jadi, saya kira it is uncalled for, dengan izin, hendak dikatakan Akta ini dibuat seolah-olah ianya satu tindakan rompak siang hari, "daylight robbery". Ini insinuation, satu innuendo, ungkapan politik yang boleh balik ke kampung nanti boleh bercakap "UMNO rompak harta kita dulu."

Saya percaya kalau betullah rakan saya dari Kok Lanas ini ikhlas, dia sebagai peguam juga, Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi kes-kes pesaka yang belum selesai. Kes-kes orang kampung yang menuntut pesaka yang boleh diselesaikan, yang boleh dia buat secara percuma tolong selesaikan kes-kes ini, bela orang-orang kampung—bab beri harta pesaka ini banyak lagi dekat kampung tidak selesai. Bab keturunan raja-raja—pun satu hal juga. Ini cerita sudah selesai. Itu kalau kita hendak ungkit.

Banyak lagi kerja boleh buat kalau betul dia ikhlas. Tidak payah ambil caj, tidak payah bayar caj. No. legal fees, free of charge! Tetapi kita tahu ini tidak lebih daripada politik.

Jadi, saya percaya Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks sesebuah parti politik, ia juga memudahkan kepada parti-parti lain. Memudahkan juga kepada parti-parti lain suatu hari nanti. siapa boleh beri jaminan pada suatu hari nanti S46 tidak akan diharamkan kalau lihat kepada pentadbiran sekarang. Ahli Kok Lanas kata tadi ahli S46 ada kurang lebih 300,000 yang tidak masuk UMNO Baru. Seingatan saya. Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak silap; sepanjang kekuatan S46 menjelang pilihan raya umum—ahli berdaftar tidak lebih daripada 150,000. Itu pun belum tentu sampai. Yang beryuran tidak sampai 150,000 dari jumlah ahli yang hampir sejuta atau beberapa ratus ribu dulu. Tidak sampai pun seratus ribu yang bayar yuran. Yang tidak isi borang pun ada! Sebab itu kes di Kelantan kalah. Tidak ramai. Yang dikatakan tiga ratus ribu tidak betul. Kalau tiga ratus ribu takkanlah kalah semua pilihan raya. Di Kelantan menang itu pun berpakat dengan PAS, PAS yang dapat untung. S46 tidak untung.

Tuan Yang di-Pertua, tiga ratus ribu tidak betul. Tidak ada dah. Cuba kita bilang pendukung-pendukung UMNO yang penting yang jadi ahli S46 dulu. Saya boleh sebut nama. Yang paling lantang Marina Yusof—sudah kembali ke UMNO. Rahmah Othman, Ketua Wanita sudah tinggal. Banyak lagi pemimpin—Mazlan Harun, Fahmi Ibrahim; ramai. Tinggal berapa kerat atau berapa orang lagi. Tiga-empat orang lagi. (*Disampuk*) Ya? Saya sendiri? Saya sendiri sudah lama dah! (*Ketawa*) Sebab saya pegang kepada amanat Allahyarham Tun Hussein Onn. Saya pegang situ sahaja. Saya pegang kepada amanat Allahyarham Tun Hussein Onn. Tidak ada perkara yang lebih mulia kita memegang

kepada amanat pemimpin-pemimpin ulung negara kita walaupun orang duduk bercerita “not that I love Caesar less, but I Love Rome more” macam-macam lagi. Macam-macam falsafah orang duduk cerita. Saya memang, dari segi kasih tetap saya kasih. Sebagai seorang sahabat, sebagai seorang yang saya kenal, tetapi sebagai seorang pejuang yang pernah masuk jel keluar jel—dua kali ISA. Saya tidak akan menggadaikan maruah bangsa, mertabat negara dan bangsa kerana perkara-perkara yang remeh-temeh yang tak sudah-sudah ini. Kalau tidak rela saya masuk ISA dua kali, kalau tidak kerana perjuangan bangsa dan negara.

Saya berjuang untuk itu, Tuan Yang di-Pertua, dan bukan berjuang untuk harta. Low class kepada S46 kalau bab harta sebanyak ini pun duduk berebut! Buat apa ini? Bukan soal harta yang kita berebut—betul, saya hormat kepada setengah rakan-rakan dari segi prinsip. Tetapi perjuangan politik, conscience saya clear, Tuan Yang di-Pertua. Memang saya hormat, saya kasih. Tetapi saya kasih kepada kepimpinan Melayu lebih daripada segala-galanya. Perjuangan-perjuangan yang berasas kepada isu, Tuan Yang di-Pertua, suatu hari mesti sampai kepada kesudahannya. Yang tidak sudah apa dia Tuan Yang di-Pertua, ialah tanggungjawab kita kepada Allah S.W.T. Itu tidak sudah sehingga akhir hayat nanti.

Tetapi, kalau isu-isu ini, dia mesti bermula dan mesti berakhir. Dia mesti bermula dan mesti berakhir kalau kita kasih kepada bangsa walaupun maruah kita tercemar, macam-macam orang kata. Saya sedar, Tuan Yang di-Pertua, untuk rekod kepada Yang Berhormat dari Kok Lanas rakan saya. Bila orang kata tidak ada prinsip, lari kerana

kepentingan diri—siapa yang penting diri? Saya sedar apa yang berlaku di Kelantan. 39 - 0 UMNO kalah. Kawasan saya dulu saya menang besar juga, 10,000 undi. Bila saya kembali kepada UMNO, Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tidak mudah saya hendak menang. Saya sedar. Kalau saya ini orang pentingkan diri, saya kekal dalam S46. Pilihan raya akan datang saya ada dalam Dewan Rakyat. Saya mengaku. Tetapi saya kembali kerana apa? Cita-cita saya untuk agama, bangsa dan negara, bukan sepanjang hayat memikir hendak jadi Perdana Menteri. Bukan itu yang kita fikir. Memang cita-cita mesti ada. Setiap pemimpin mesti ada niat hendak berkhidmat dan sebagainya. Tetapi dia mesti ada perhitungan dalam konteks masyarakat, dalam konteks negara kita. Saya rasa lebih tahu dan kita semua faham tentang suasana politik negara kita.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ada waktu-waktunya give and take. Ada waktunya kita keras! Saya rasa saya keras. Orang lain tak usah bercakap. Kok Lanas tak usah bercakap soal perjuangan kalau bau “lock-up” pun dia tidak pernah merasa lagi. Tak usah bercakap! Bercakap ini senang, Tuan Yang di-Pertua. Ini hendak bela hak sampai jumpa Rabbul Jalil, takkan maaf di dunia dan akhirat. Bukan main lagi itu pertahankan prinsip bumiputera, Melayu tulen—Islam. Orang lain tidak boleh. Bumiputera lain tidak boleh, punya kuat! Tetapi setakat mana pengorbanan sehingga kini. Setakat mana?

Saya berani bercakap kerana saya tidak segan sebab sudah merasa. 26 bulan di Kem Tahanan Kemunting, Tuan Yang di-Pertua, 60 hari dalam lock-up, 7 hari dalam Black Maria. Saya sudah merasai pahit maung perjuangan

ini. Tetapi demi atas nama kepimpinan Melayu, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan menggadaikan prinsip ini.

Ini saya hendak sampai kepada Presiden S46—tetapi dia tidak ada hendak buat macam mana. Dia hantar anak buah—dulu saya, sekarang ganti dengan Kok Lanas. Sampai bila? Jadi, isu ini akan diperbesarkan.

Saya mintalah perkara ini kalau hendak fight secara politik, fightlah politik. Saya minta, kalau fight, fightlah cara politik. Hadaplah pilihan raya sekali lagi, saya rasa habis, bungkus. PAS pun duduk tunggu masa bila hendak lari dari S46, itu yang saya tahu di Kelantan.

Timbalan Menteri Besar yang kedua, kongsi kuasa, apa ada lagi? Tetapi kalau hendak buat sebagai political course, boleh buatlah sebagai political course. Ada lagi wang untuk prolong, jadikan Akta Pindaan Pertubuhan ini untuk dipolitisasikan dengan isu harta Semangat 46, UMNO lama bolehlah.

Saya percaya, memang bila ada sesuatu masalah, sesuatu masalah itu mesti diselesaikan dan kebijaksanaan mesti digunakan. Soal halalkah, haramkah, ada dalam kitab, ada dalam Hadis Nabi, ini kita rujuk, saya pun hendak balik rujuk ini. Kita rujuk dahulu. Saya rasa perkara-perkara yang clear-cut case boleh, sebab itu dalam agama ini dia ada tiga perkara—satu Quran; kedua Hadis; ketiga ijtimak ulamak. Apa sebabnya hendak gaduh sangat tadi.

Tiga perkara kita kena tanya, Tuan Yang di-Pertua, bukan setakat itu sahaja, benda-benda yang umum, yang perlu dihuraikan oleh ulamak, mesti dihuraikan oleh ulamak, tetapi kalau tanya PAS, tidak tahulah ulamak PAS macam mana? Semangat 46 sahlah

tidak ada ulamak, insya-Allah, setahu saya tidak ada ulamak, seorang sahaja tinggal iaitu Ustaz Ibrahim Azmi Hassan, itu pun dia bercakap dengan saya dia memang segan pada kawan-kawan, kalau tanya hatinya sudah lama hendak masuk UMNO ini, lama sudah hendak masuk UMNO, kasihanlah kawan-kawan yang susah ini—lama dah! Tetapi maklum sahajalah dia ini berbeza sedikit dari segi stylenya, orangnya berbeza, maka tentulah langkahnya mungkin berbeza. Ini semua scenario yang dapat saya berikan, Tuan Yang di-Pertua.

Saya tidak hairanlah apa yang diungkit oleh rakan saya dari Kok Lanas. Saya rasa kalau ianya dibawa sebagai isu politik di luar, saya rasa perkara ini boleh kita tangkis, yang penting ialah kepentingan ahli-ahli majoriti, ahli-ahli UMNO asal yang sudah dalam UMNO Baru sekarang ini. Ini mesti diresolve, kekuatan parti mesti diteruskan untuk perjuangan yang saya katakan tadi.

Jadi, atas kata-kata ini Tuan Yang di-Pertua, saya harap rakan saya dari Kok Lanas dia jangan tersilap faham, daripada Kuala Terengganu ini sahabat-sahabat saya semua dahulu yang saya yakin satu hari nanti akan pasti balik ke UMNO. Sekian, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tanjung.

7.12 mlm.

**Tuan Lim Kit Siang (Tanjung):** Tuan Yang di-Pertua, apabila katak cakap pada orang yang mahu endahlah, sebab itu Yang Berhormat Menteri-pun Keluar Dewan tadi dan. . . .

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Point of order, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** . . . dan baru masuk. . . .

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Point of order!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat sekejap, point of order berapa, saya mahu dengar.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** 36 (6).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Apa dia Yang Berhormat?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** 'Babi' betul Ketua Pembangkang ini, dia bercakap bahasanya kurang ajar.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tarik balik, tarik balik!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Minta bertenang Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Point of order tarik balik perkataan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Okay, teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tarik baliklah. Itulah pada umumnya, pada amnya apabila katak cakap, manusia tidak dengar, manusia tidak dengar, katak sahaja dengar. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, point of order.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu saya cakap.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya sebagai anggota Dewan Rakyat yang sah, saya bercakap; sama ada hendak dengar, tidak mahu dengar you boleh berambus!

**Tuan Lim Kit Siang:** General comment.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat. . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Apabila katak cakap., katak. . . .

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Bloody fool!

**Tuan Lim Kit Siang:** .... dengar sahaja, manusia tidak dengar.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** 'Bastard' cakap orang tidak dengar.

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa itu 'bastard'?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** 'Bastard' cakap orang tidak dengar.

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa 'bastrad' itu?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya tidak kata kamu, saya kata 'bastard' cakap orang tidak dengar!

**Tuan Lim Kit Siang:** 'Bastard' boleh guna, tak apa.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** 'Bastard' cakap orang tidak dengar!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Kawal perasaan Yang Berhormat ya!

**Seorang Ahli:** (*Mengganggu*)

**Tuan Lim Kit Siang:** 'Bastard'. . . .

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** 'Bastard' cakap orang tidak dengar!

**Tuan Lim Kit Siang:** 'Bastad', 'bastard' (*Ketawa*)

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** 'Bastard' cakap orang tidak dengar!

**Tuan Lim Kit Siang:** Seorang mengakui dia 'bastard'.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** 'Bastard' cakap orang tidak dengar.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat. . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Orang mengaku dia 'bastard', siapa awak?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** 'Bastard' cakap orang tidak dengar!

(*Pembesar suara dimatikan*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, kawal perasaan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu katak— itu cara katak.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Itu cara 'bastard' lah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Suara katak!

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** 'Bastard'!

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, . . . .

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Itu 'bastard' cakap.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, itulah standard, itulah maruah, itulah standard Barisan Nasional.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Itulah standard 'bastard'.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itulah standard Barisan Nasional.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Itu standard 'bastard'!

**Tuan Lim Kit Siang:** Sebab itu apabila katak cakap. . . .

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Itu bukan Barisan Nasional cakap, itu 'bastard' cakap! (*Pembesar suara dimatikan*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, mintalah bertenang, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, kalau manusia mahu cakap. . .

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Itu 'bastard' cakap.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang terhormat, cukuplah Yang Berhormat ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tengok manusia, kalau manusia mahu cakap. . . .

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Kalau manusia cakap, awak tidak mahu dengar.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan) ialah Rang Undang-undang yang kedua dalam mesyuarat ini, di mana UMNO menggunakan Dewan yang mulia ini untuk meminda undang-undang demi kepentingan parti UMNO Baru.

Kali yang pertama ialah pindaan kepada Rang Undang-undang Perlembagaan untuk membolehkan seorang yang berumur 75 tahun, Tun Datu Haji Mustapha menjadi Menteri Hal Ehwal Sabah tanpa perlu meninggalkan jawatan, mengadakan satu pilihan raya kecil oleh kerana UMNO takut akan kalah dalam kawasan Usukan.

Di hadapan kita ialah Rang Undang-undang yang kedua bertujuan untuk kepentingan UMNO Baru supaya UMNO Baru bolehlah dapat harta UMNO asal yang dibatalkan pada Februari 1988. Cara pemimpin-pemimpin UMNO Baru mengumpul harta dan aset-aset yang bernilai berbilion-bilion ringgit, sebenarnya satu contoh yang baik sekali mengenai politik patronage, politik conflict of interest, politik corruption di tanah air kita, di mana undang-undang bukan sahaja ada diluntur, tetapi dipecah, dicabuli dengan immunity. Tentulah apabila Rang Undang-undang ini diluluskan harta yang pertama, yang UMNO Baru mahu pegang ialah Putra World Trade Centre (PWTC). Dan Putra World Trade Centre ini pun adalah satu contoh kita boleh melihat bagaimana kuasa politik digunakan untuk menghalang perjalanan undang-undang dan market forces.

Kita tahu Putra World Trade Centre berhutang beratus-ratus juta ringgit, sekarang mungkin termasuk bunga RM400—RM500 juta. Beberapa kali bank-bank yang menjadi creditor mahu mengadakan opsyen ditahan. Apa kuasa yang boleh menahankan opsyen-opsyen Putra World Trade Centre—political power atau kuasa politik UMNO Baru digunakan untuk menghalangi perjalanan undang-undang dan market forces. Tetapi mungkin lebih tepat bukan political

power, tetapi political blackmail, ugutan politik yang ada dalam tangan UMNO Baru.

Tentulah selepas Rang Undang-undang ini diluluskan dan apabila UMNO Baru boleh memegang pemilikan Putra World Trade Centre, saya percaya mereka akan menghadapi masalah bagaimana mahu membayar atau 'redeem' harta itu dengan hutang RM400—RM500 juta, tetapi mereka ada jalanlah—tentu ada jalan, beberapa projek mega penswastaan cukuplah dan projek penswastaan mega ini tentu bukan projek penswastaan yang tulen, tentulah dalam klasifikasi pertama dan kedua ialah priatisation dan insider priatisation—boleh 'redeem' Putra World Trade Centre. Sebelum Rang Undang-undang ini dibentangkan dalam Dewan ini untuk membolehkan UMNO Baru mengambil alih harta aset UMNO asal yang pendaftarannya dibatalkan dalam bulan Februari 1988, Kerajaan sudah beberapa kali mencabuli, memecah undang-undang dan melakukan penyalahgunaan kuasa. Sebagai contohnya, bolehkah Yang Berhormat Menteri Undang-undang memberi penjelasan, keterangan bagaimana Pegawai Pemegang Harta (Official Assignee) boleh membenarkan penjualan syarikat-syarikat dan saham-saham yang dimiliki oleh UMNO asal, yang diambil alih oleh Official Assignee selepas bulan Februari, 1988 tanpa satu keputusan atau order daripada mahkamah, bagaimana? Apa sebab? Kenapa Official Assignee boleh dibenarkan melakukan apa yang tidak sah, illegal.

Saya boleh beri satu contoh. Selepas pembatalan pendaftaran UMNO dalam bulan Februari, 1988, pegawai memegang harta mengambil alih Fleet Group (Kumpulan Fleet) ialah, dengan

izin, main investment arm UMNO dan syarikat-syarikat UMNO yang lain seperti Hati Budi yang mempunyai satu stake yang besar dalam United Engineers Malaysia (UEM) yang ada diberi projek penswastaan Lebuhraya Utara/Selatan. Siapa shareholders Hati Budi? Halim Saad dan Anuar Othman. Mereka adalah shareholders Hati Budi bukan atas personal, atas diri mereka sendiri, tetapi mereka menjadi shareholders sebagai trustees bagi pihak pemimpin-pemimpin UMNO. Ini bukan saya kata. Ini mereka sendiri mengakui di dalam affidavit dalam kes saya yang diambil terhadap UEM untuk mendapatkan satu injunction untuk menahan pemberian kontrak penswastaan Lebuhraya Utara/Selatan pada tahun 1987 dan berjaya dalam accord. Halim Saad buat satu affidavit mengakui mereka adalah shareholders dalam Hati Budi sebagai trustees kepada pemimpin-pemimpin UMNO. Ianya adalah syarikat UMNO—Hati Budi! Tetapi apabila UMNO dibatalkan pendaftarannya dalam bulan Februari, 1988, Halim Saad telah hilang pengawalan (control) Hati Budi, oleh kerana Official Assignee mengambil alih.

Pada bulan Jun 1989, Official Assignee menjualkan saham-saham UEM yang dimiliki oleh Hati Budi kepada Hati Budi Nominees. Siapa control Hati Budi Nominees? Halim Saad dan Anuar Othman. Yang pertama, apa authority, apa asas undang-undang Official Assignee ada kuasa untuk menjualkan stake saham-saham UEM, Hati Budi kepada sesiapa sahaja? Dalam kes ini, Hati Budi Nominees. Ini yang pertama. Ini adalah illegal. Itu adalah tindakan yang tidak sah.

Kedua, oleh kerana Halim Saad dan Anuar Othman adalah pemegang saham (stake holding) Hati Budi sebagai trustees kepada pemimpin-pemimpin UMNO, apakah peranan dan kedudukan mereka sebagai shareholders dalam Hati Budi Nominees? Tentu apabila mereka sebagai trustees bagi pihak pemimpin-pemimpin UMNO dalam Hati Budi, mereka pun front kepada pemimpin-pemimpin UMNO dalam Hati Budi Nominees—front pemimpin-pemimpin UMNO—bukan atas diri sendiri. Tentulah Official Assignee tahu bahawa itu adalah tipu helah. Mana boleh menjualkan stake saham UEM Hati Budi kepada Hati Budi Nominees, iaitu orang yang sama. Adakah Official Assignee untuk menjaga kepentingan anggota-anggota UMNO atau untuk menjaga kepentingan pemimpin-pemimpin UMNO di mana diwakili oleh Halim Saad dan Anuar Othman sahaja?

Lagi satu soalan, apakah harga yang dibayar oleh Halim Saad dan Anuar Othman atau oleh Hati Budi Nominees untuk saham-saham UEM, Hati Budi itu? Apa harganya? Atau adakah ia percuma? Free? Token RM1? Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi jawapan? Dia datang ke sini untuk meminta pindaan kuasa membolehkan Official Assignee membuat ini dan itu. Tetapi kita mahu tahu sama ada Official Assignee boleh mempertahankan tindakannya dalam perkara ini? Bolehkah Official Assignee buat? Kalau tidak, ini sudah berlaku penyelewengan dan di masa depan pun akan berlaku penyelewengan. Tentulah kita tidak menyalahkan Official Assignee kerana Official Assignee ialah seorang pegawai dan tentulah dia ditekan, dia under

pressure dan dia tidak ada pilihan. Siapa yang ada kuasa untuk menekan dia? Yang Berhormat Perdana Menteri sahaja oleh kerana pada masa itu beliau adalah Menteri yang bertanggung-jawab kepada Jabatan Pemegang Harta. Itulah abuse of political power. Ini sangat jelas bahawa Official Assignee sudah melakukan satu yang bertentangan dengan undang-undang oleh kerana desakan dibuat oleh Kerajaan—dan dalam kes ini tentulah oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Itu adalah satu contoh.

Saya boleh beri satu lagi contoh. Pada bulan April, 1990 dalam satu, dengan izin, major mega corporate exercise, Renong mengambil alih Fleet Group yang di dalam kawalan Official Assignee. Bagaimana Official Assignee boleh membenarkan Renong mengambil alih Fleet Group tanpa satu keputusan, satu order mahkamah? Tentulah reverse take-over Fleet Group—Hati Budi Nominees pun Fleet Group—oleh Renong dalam bulan April, 1990 telah mewujudkan satu Corp Conglomerate yang terbesar sekali—pada masa itu dianggarkan melibatkan RM1.2 bilion—dan akhirnya mengambil alih banyak syarikat-syarikat swasta termasuk lapan syarikat 'public listed' seperti The New Straits Times, System Televisyen Malaysia (TV3), Bank of Commerce, Hume Industries, Times Engineering, Cement Industries of Malaysia (CIMA), Kinta Kellas dan UEM. Kenapa Official Assignee boleh membenarkan perkara ini? Ini illegal. Bukan sahaja Renong taking over Fleet Group is illegal, tindakan Official Assignee juga illegal. Inilah yang kita perlukan jawapan. Kita ikut undang-undang (law). Saya tidak mahu terlibat dalam masalah UMNO asal atau

UMNO sekarang. Ini telah disuarakan oleh Yang Berhormat dari Kok Lanas tetapi saya mahu tahu, adakah undang-undang yang kita ikut atau adakah kita sudah sampai kepada satu peringkat di mana untuk kepentingan sendiri, kita boleh mengatasi undang-undang?

Lagi satu contoh, iaitu masalah 25 juta saham UEM yang hilang—skandal kehilangan 25 juta saham UEM—kenapa boleh berlaku? 25 juta saham UEM ini, dengan RM37.5 juta UEM Convertible Unsecured Loans Stock (CULS) pada asalnya dimiliki oleh Hati Budi Sdn. Bhd. Tadi ada disebut dan diakui dengan terbuka bahawa ia adalah satu syarikat UMNO yang dicontrol melalui proxy pemimpin-pemimpin UMNO iaitu Halim Saad dan Anuar Othman.

Apabila UMNO di“deregistered” pada February, 1988, control Hati Budi dan kepentingan UEM masuk jurisdiction Official Assignee, tetapi tanpa authority mahkamah atau court order, pemilikan Hati Budi saham-saham UEM dan RM37.5 juta CULS dijualkan illegally oleh Official Assignee kepada Hati Budi nominees. Saya pun ada sebut bahawa Pengarah-pengarahnya ialah Halim Saad dan Anuar Othman. Lepas itu RM37.5 juta CULS dibeli oleh Time Engineering Bhd. daripada Hati Budi Nominees dalam satu reverse take-over. Tinggal saham UEM sebanyak RM25 juta. Patutlah masih di dalam tangan Hati Budi Nominees. Tetapi apabila ada Renong take-over Hati Budi Nominees diumumkan, tidak ada disebutkan apa yang sudah berlaku kepada 25 juta saham-saham UEM. Ia sudah hilang.

Sepatutnya apabila Renong buat takeover Hati Budi Nominees pada April, 1990 to take over 25 juta saham UEM, tetapi sudah hilang, mana sudah

pergi? Oleh kerana tidak disebut. Mengikut Bursa Saham Kuala Lumpur semua peraturan-peraturan listing tentulah ada diperuntukkan bahawa pergerakan atau perkembangan satu saham-saham yang begitu substansial perlu dilaporkan. Sudah hilang? Kita mahu tahu 25 juta saham UEM sudah hilang ke mana?

(Timbalan Yang di-Pertua  
*Mempengerusikan Mesyuarat*)

Adakah 25 juta saham UEM untuk tahun 1990 sudah dijual? Dijual untuk mendapatkan wang supaya UMNO mempunyai campaign funds untuk pilihan raya besar pada tahun 1990. Pada awal tahun 1990 harga saham UEM ialah RM16,00 sesaham. 25 juta saham UEM adalah RM400 juta. Adakah ini masuk kocek UMNO atau orang perseorangan itu sendiri? Tentulah kita tahu apa yang sudah berlaku kepada ‘missing’ 25 juta saham-saham UEM. Kalau Kerajaan Barisan Nasional merupakan satu Kerajaan yang terbuka, accountable, transparent, Kerajaan yang honest dan jujur serta bukan satu Kerajaan yang corrupt to the core, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh jawab mengenai apa yang sudah berlaku kepada “missing” 25 juta saham UEM. Ini sebenarnya wang siapa? Itu bukan wang DAP, bukan wang rakyat, tetapi wang anggota-anggota UMNO asal, di mana mereka mengharapkan pagar, pagar makan padi. DAP memanggil dan mendesak supaya diadakan satu siasatan terbuka untuk menyasat apa yang sudah berlaku kepada ‘missing’ 25 juta saham-saham UEM. Sudah pergi mana? Sama ada sudah pergi kepada UMNO untuk campaign fund dalam pilihan raya besar pada tahun 1990. Kita tahu sekarang bahawa pemimpin UMNO ada berkata mereka sekarang tidak terlibat lagi dalam

perniagaan-perniagaan, bahawa semua syarikat-syarikat Holding Companies yang melibatkan UMNO sudah divest pelaburan-pelaburan mereka, tetapi ini telah menjadi cerita-cerita sahaja.

Rakyat boleh melihat bagaimana mereka aktif, lebih aktif daripada dahulu. Syarikat-syarikat yang ada pertalian dengan UMNO atau pemimpin-pemimpin UMNO ini kita boleh lihat daripada pergerakan-pergerakan dan kegiatan-kegiatan dalam KLSE, Bursa Saham Kuala Lumpur, saham-saham, kaunter-kaunter yang sangat aktif adalah mempunyai pertalian dengan UMNO, bukan "bluechip" yang aktif, tetapi saham-saham yang ada pertalian dengan UMNO. Saham-saham yang ada pertalian dengan UMNO mungkin ada tiga jenis; satu jenis dikatakan ada pertalian dengan Menteri Kewangan—itu sangat giat seperti Idris, Malaysian Resources; satu jenis lagi yang dikatakan ada pertalian dengan bekas Menteri Kewangan, Daim Zainuddin—itu pun giat, seperti Renong, UEM dan satu lagi diperkatakan ada berkaitan dengan Timbalan Perdana Menteri—tetapi itu tidak berapa giat. Tidak boleh bergerak.

Sekarang kata sudah tidak ada hubungan kait lagi dengan perniagaan, siapa yang mahu percaya? Itulah sebabnya baru-baru ini kita boleh melihat ada corporate moves yang lebih dahsyat daripada corporate moves yang dahulu, dan lebih dahsyat dari Renong take-over Fleet Group. Sekarang ini ada RM800 juta management buy-out (MBO), *New Straits Times*, TV 3 dan akhirnya kita ada apa? Itu penulis pelacur. Penulis pelacur yang mendapat bayaran tertinggi di dunia iaitu RM800 juta Management buy-out, kedua-dua penulis pelacur yang dilantik sebagai pengarang kumpulan mendapat 40%

saham dalam Realmild yang terlibat management buy-out ini bererti RM320 juta. Mana ada penulis pelacur yang begitu 'highly-paid' dalam dunia ini. Mana ada? Sebab itu mereka perlu lebih "berlacur". Itulah—highest paid pelacur di dunia. Itulah sebabnya. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi jawapan yang memuaskan mengenai peranan dan tingkah laku Official Assignee. Semuanya ini, sama ada kita ikut undang-undang atau undang-undang ialah untuk orang lain tetapi bukan untuk pemimpin-pemimpin UNMO. Law for others, bukan law untuk sendiri. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Parit Sulong.

*7.35 mlm.*

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Di dalam saya menyokong Rang Undang-undang ini, ingin saya merakamkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa sebenarnya perkara ini dibawa ke Dewan adalah hasil suatu political game, suatu permainan politik pada tahun 1987 di mana ada sesetengah pihak yang kononnya menunjam dan menjunjung prinsip dan ciri-ciri demokrasi tetapi sesudahnya mengkhianati demokrasi itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya menengaskan demikian, oleh kerana sebaik sahaja UMNO dikuburkan di mahkamah tinggi, saya telah mengambil masa lebih kurang tiga atau empat bulan untuk menyelesaikan sebuah buku yang telah pun tersebar luas, iaitu Melayu lawan Melayu yang memang saya menghuraikan seluruh detik-detik, secara akademik, secara jurnalistik—apakah punca sebenarnya membunuh UMNO?

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu pada bulan September 1987 ada pertandingan di dalam UMNO. Perkara ini sah, perkara ini constitutional, perkara ini terbuka kepada seluruh ahli UMNO yang membayar yuran setiap seorang RM1 dan setelah kalah satu pihak, khususnya pihak yang bertanding jawatan Presiden UMNO. Pihak itu jugalah yang mengatakan bahawa, "Kita akan menjunjung semangat demokrasi", "Saya tidak akan keluar parti", "Saya akan terus berjuang dalam parti". Perkara ini terujuk dan terangkum hitam putihnya dalam mana-mana akhbar dua hari setelah Perhimpunan Agung, setelah keputusan dikeluarkan.

Selepas itu apa yang kita dengar, Tuan Yang di-Pertua? Dia tuduh bahawa kepimpinan hari ini membunuh UMNO. Siapa yang membunuh UMNO? Siapa yang mengheret setelah membuat keputusan, "Saya akan berada di dalam UMNO", "Saya akan terus menjunjung prinsip demokrasi". Puak siapa yang mengheret UMNO ke mahkamah? Siapa yang mewujudkan Kumpulan 11? Dan setelah. . . .

**Beberapa Ahli DAP:** *(Menyampuk)*

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya harap pihak DAP jangan masuk campur urusan rumah tangga UMNO. Ini amaran saya.

Jadi, saya hendak bertanya. Setelah UMNO diheret ke mahkamah, diwujudkan ruang perbincangan. Ruang negotiations oleh peringkat tinggi yang dilantik oleh Majlis Tertinggi UMNO ketika itu, diberikan dua Naib Presiden dan juga seorang Setiausaha Agung untuk mencari penyelesaian dengan pihak-pihak yang mengheret UMNO ke mahkamah.

Mereka mencari helah. Mereka datang, mereka enggan berunding, mereka mengeluarkan satu kenyataan yang telah ditulis, "Kami tidak mahu berunding. Kami akan terus membawa UMNO ke mahkamah".

Ini detik-detik perkembangan yang meneruskan kepada keputusan Mahkamah Tinggi pada 8hb. Februari 1988. Seluruh orang UMNO menangis pada 8hb Februari 1988. Saya ingat, saya dalam perjalanan. Saya turun daripada Kota Kinabalu sampai di Subang Airport pada pukul 10. 30, isteri saya ambil. Dia kata, "You tahu, UMNO diharamkan di mahkamah". Apakah reaksi orang Melayu? Kehilangan! Kehilangan satu wadah perjuangan. Wadah perjuangan yang telah diwujudkan hasil satu kesetiaan untuk menjulang kekuasaan tetapi sebaliknya kita tanya. Apakah yang menjadi landasan Semangat 46? Semangat 46 dilahirkan berlandaskan satu semangat untuk menentang; bukan menjulang satu kekuasaan.

Oleh kerana setelah UMNO diharamkan pada 8hb Februari 1988, kalau benar sahabat saya tadi dari Kok Lanas mengatakan mereka mahu menghidupkan UMNO asal, saya ingin meletakkan dalam rekod dalam Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa dua, tiga hari, saya tidak ingat tarikh secara khusus tetapi terkandung dalam buku saya. Dua, tiga hari setelah UMNO diharamkan, apa yang diusahakan oleh pihak yang mengheret UMNO ke mahkamah? Mereka bukan mengambil inisiatif, untuk berunding, untuk mencari jalan penyelesaian menghidupkan UMNO yang telah mati. Sebaliknya mereka dengan penuh ghairah, dengan penuh nafsu untuk berkuasa telah pun mewujudkan satu parti baru. Walaupun menggunakan UMNO, tetapi saya tak ingat sama ada UMNO 88 ataupun UMNO Malaysia.

Siapa yang menjadi Pengerusi Penajanya? Adalah puak-puak daripada golongan yang kalah dan pada waktu yang sama juga, ada satu pihak mewujudkan dan mendaftarkan juga satu parti dengan menggunakan UMNO, sama ada UMNO 88 ataupun UMNO Malaysia. Kedua-duanya ditolak oleh Pendaftar Pertubuhan. Bukan kerana apa tetapi oleh kerana UMNO yang telah mati belum lagi di "deregistered". Belum lagi dibuang dari senarai pendaftaran Pendaftar Pertubuhan, Kementerian Dalam Negeri.

Di sini terbukti keikhlasan yang mengatakan bahawa mereka yang mahu menghidupkan UMNO asal itu terbukti kepura-puraan mereka. Inconsistent—tidak consistent langsung perjuangannya! Saya huraikan sekali lagi dua, tiga hari selepas kalah, "Kami akan menjunjung semangat demokrasi", Kami tidak akan keluar UMNO, heret UMNO ke mahkamah"—first inconsistency!

Yang keduanya, setelah UMNO kalah, kononnya dia hendak hidupkan UMNO asal, merekalah puak yang paling ghairah mewujudkan satu parti baru. Inconsistency yang kedua.

Yang ketiganya, setelah pihak Pendaftar Pertubuhan strike register UMNO yang dahulu dan setelah UMNO baru dilahirkan, dia katakan, "Kita mahu menubuhkan UMNO asal". Baru peringkat itu mereka mengatakan mahu menubuhkan UMNO asal. Yang ketiga, lepas itu dia mengatakan, "Kami hanya berjuang ke seluruh negara untuk memperjuangkan supaya UMNO asal akan diwujudkan. Kami tidak akan menubuhkan parti baru". Lepas itu tubuh parti baru. "Kami tidak akan berpisah daripada perjuangan UMNO asal". Mereka

berpisah dari perjuangan UMNO asal. Terlalu banyak kedolak-dalikan, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan hal-hal ini oleh kerana kita tidak mahu Dewan yang mulia ini diheret menjadikan satu kancah untuk melebar dan meluaskan kepura-puraan. Kita tidak mahu Dewan yang mulia ini dijadikan satu Dewan untuk meluaskan kepalsuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tegaskan begini oleh kerana pada mulanya setelah UMNO baru ditubuhkan, mereka mengatakan, "Kita mahu terus menubuhkan UMNO asal". Selepas itu dia kata, "Perjuangan kita adalah untuk addin", mulalah mereka bersahabat dengan PAS. "Perjuangan kita demi rakyat seluruh", mulalah mereka bersahabat dengan DAP. Adakah ini objektif UMNO asal? Mereka bertentangan dengan PAS. Mereka bertentangan dan terus bertentangan dengan DAP. Adakah ini objektif UMNO asal ataupun tidakkah ini satu kepura-puraan? Persoalan-persoalan ini saya harap terus kita renungkan supaya kita dapat melihat bahawa kita hampir-hampir dikelirukan oleh kepura-puraan di dalam Dewan ini.

Seterusnya, maka kelam-kabutlah seluruh negara. Maka hampir kehilangan punca seluruh orang Melayu yang pernah ada dalam UMNO. Akibat siapa? Adakah akibat Kerajaan yang mahu membunuh ataupun akibat orang tamak kuasa yang memang bekerja mahu membunuh dan mendolak-dalikkan rakyat.

Saya orang Johor, datang dari Johor. Negeri saya ialah negeri yang pertama dilanda oleh permainan kuasa, oleh political game yang telah saya katakan daripada awal-awal tadi, Kita lihat

sendiri dari Johor Bahru. Walaupun Ketua Pembangkang mengatakan mereka tidak mahu campur Pilihan Raya Kecil Parlimen Johor Bahru, siapa yang ke hulu, ke hilir? Siapa yang mengeluarkan surat-surat yang bertandatangan? Ketika itu ditandatangani oleh Lee Lam Thye. Siapa Lee Lam Thye ketika itu kalau tidak lagi di dalam DAP?

Tuan Yang di-Pertua, lepas itu dibawanya ke Parit Raja. Masa itu mereka bebas. Kononnya semangat bebas, semangat UMNO lama. Semangat UMNO lama adalah semangat UMNO yang untuk menegakkan ketunjangan Melayu, kekuatan Melayu. Semangat UMNO lama adalah semangat untuk menumpaskan penjajah, bukan untuk menumbangkan Kerajaan Melayu. Mereka bawa ke Parit Raja kononya mahu menegakkan UMNO lama juga, kita diporak-perandakan—DAP berkempen! Masuk kampung—DAP masuk kampung, masa itu seorang Ahlinya bernama Hu Sepang; saya rasa sudah kena pecat dengan DAP oleh kerana pemimpin yang diktator. Masuk kampung! Inikah perjuangan menegakkan UMNO asal? Inikah keikhlasan yang cuba disampaikan oleh sahabat saya daripada Kok Lanas? Kalau tidak, boleh dikatakan inilah satu kepura-puraan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, selepas itu dibawanya ke Pilihan Raya Tambatan. Mulalah pada ketika itu, terdaftar satu parti yang bernama Semangat 46. Waktu parti ini didaftarkan, Ahli dari Gua Musang tidak hendak dakwa, tidak hendak mengaku. Sahabat saya, Ahli dari Pasir Mas waktu itupun sebagai Ketua Pemuda kononnya tidak hendak mengaku. Tetapi pengabisnya dia yang muncul sebagai Presiden.

Negeri Johor sekali lagi dijadikan sebagai bahan percubaan; experimental ground di mana Semangat 46 sebagai parti yang sah yang didaftarkan oleh Pendaftar Pertubuhan muncul pada Pilihan Raya Tambatan. Siapa yang muncul? Adakah Semangat 46 berdiri sendiri atas landasan UMNO asal ataupun mereka berdiri bersama DAP, berdiri bersama PAS, berdiri bersama PSRM, berdiri dengan segala-gala element penentang?

Adakah ini UMNO asal? Tidakkah UMNO asal pada kami, sebagaimana yang ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Presiden kami? Semangat dan jiwa kami semangat dan jiwa UMNO yang asal. Oleh kerana semangat dan jiwa kami adalah semangat untuk terus berkhidmat, semangat untuk mengelakkan konfrantasi, semangat untuk terus berjuang. Itu semangat UMNO asal. Bukan semangat untuk membuka lawang dalam Dewan supaya wadah perjuangan Melayu yang abadi itu dicemuh, dicaci, dipersenda-sendakan oleh pihak Ketua Pembangkang yang memang hendak meretak belahkan keseluruhan orang Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, ini harus kita faham. Jadi, sahabat saya dari Kok Lanas kalau hendak mengatakan bahawa yang asal adalah mereka, yang asal pudar kepada mereka, semangat asal ada pada kami. Kita berani mendakwa—saya orang Johor berani mendakwa sebagai sebuah negeri yang memang terkenal sebagai kubu, hari ini kita mempunyai keahlian UMNO yang terbesar. Bahagian saya sendiri boleh menjadikan manifestation bahawa semakin hari orang-orang yang dahulu berbeza, sekarang ini telah kembali. Kita mempunyai rekod setiap tahun walaupun UMNO dahulu mungkin ada setengah-setengah ahli tidak didaftar-

kan, tetapi kita mempunyai keratan-keratan atau counterfoil kepada bayaran yuran tahunan sebanyak RM1.

Ini terbukti kalau pada hari ini kita telah mempunyai 1.5 juta dan kalau pihak Semangat 46 mendakwa mempunyai 300,000, which I doubt is true, dengan izin, kita merupakan majoriti! Adakah harus kita being penalised dengan hasil perbuatan mereka? Dengan kemungkaran mereka, dengan kesongsangan mereka? Adakah kita, anak cucu orang-orang Melayu yang memang setia kepada UMNO, haruskah mereka dihukum oleh orang-orang yang memang penkhianat?

Jadi, saya mengucapkan syabas kepada pihak Kerajaan, saya mengucapkan syabas walaupun di dalam zaman, di dalam detik waktu yang memang setiap pihak mahu memusuhi UMNO termasuk pihak-pihak yang tidak berkait dengan UMNO, termasuk DAP. Saya memberi amaran kepada mereka, jangan masuk urusan rumah tangga UMNO. Saya memberi amaran kepada DAP jangan cuba campurtangan dengan politik UMNO oleh kerana kita sendiri pun mempunyai berita-berita, kita mempunyai bukti kalau kita hendak cakap, tetapi your own affairs, please take care, dengan izin.

Jangan cuba masuk urusan UMNO dan cuba memecahbelahkan UMNO oleh kerana sekiranya saudara memecahbelahkan dan pihak Pembangkang masuk campur dengan urusan UMNO, itu bermakna memberi undi tidak percaya kepada sokongan rakyat jelata yang diberikan kepada Kerajaan.

Saya mungkin rasa agak emosional dalam konteks ini, tetapi saya tidak berdosa kalau saya merasa emosi dalam

Dewan ini. Oleh kerana yang meruntuhkan UMNO adalah pihak yang membawa UMNO, sekarang ini pihak ini sedang ditanggung oleh satu kuasa lagi yang ingin menghapuskan kekuasaan UMNO. Itu jelas, itu terbukti. Dengan itu, saya minta Kerajaan terus bertegas. Sekali lagi saya ulangi, saya ucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan yang berani membawa Rang Undang-undang ini pada hari ini walaupun sekarang ini kita—setengah-setengah pihak dalam UMNO sedang dijadikan bahan untuk diperkecil, being humiliated, dengan izin, being ridiculed, dengan izin, dengan innuedo, dengan tekanan, dengan kiasan, dengan sindiran semata-mata oleh kerana dia tidak mahu melihat kemunculan pemimpin-pemimpin yang teguh, pemimpin-pemimpin yang jitu, yang kekal berada di dalam UMNO oleh kerana sekiranya pemimpin seperti ini wujud, mereka tidak akan memperolehi semangat untuk hidup di masa akan datang.

Jadi, dalam Dewan yang mulia ini, sekali lagi saya tegaskan jangan ada pihak yang mahu menuduh bahawa kami di pihak UMNO adalah pihak cuba mengalih tiang gol setelah kami tidak dapat score goal. Jangan ada pihak yang mengatakan apa yang dilakukan oleh Kerajaan is a daylight robbery. Kerajaan bukan perompak. Jangan ada lagi pihak yang cuba mengulang dalam Dewan ini, ini satu-satu simbol "piratisation"—Kerajaan bukan lanun! Jangan lagi ada pihak yang cuba mengatakan Kerajaan telah pun mengupah penulis-penulis pelacur—penulis-penulis yang established bukan penulis pelacur! Jangan lagi ada pihak yang cuba mahu melabelkan setiap manusia itu sebagai najis.

Ini harapan saya. Oleh kerana di dalam konteks ini, saya dapat melihat kebelakangan ini satu pihak parti Pembangkang khususnya pihak DAP sedang cuba bermain, walaupun dia berada di periphery—walaupun mereka ada di pihak sempadan, di tepi-tepi melihat, tetapi sebenarnya cuba memainkan peranan memecah-belahkan orang Melayu, apatah lagi apabila satu isu yang berkaitan dengan UMNO dan rapat dengan kepimpinan UMNO dibawa ke Dewan, maka mereka pun sambar untuk dijadikan satu isu yang dengan harapan untuk menyemarakkan lagi perjuangan mereka yang telah bankrap.

Jadi, dengan itu, saya harap sekali lagi harus dijelaskan, walau apa pun akan dikatakan, kita tidak akan bertolak ansur dalam konteks ini. Oleh kerana tidak ada UMNO, tidak ada perjuangan yang betul-betul diterima oleh ramai kerana UMNO bukan sahaja memang wadahnya diwujudkan oleh orang-orang Melayu, tetapi UMNO sekarang ini sudahpun diiktiraf sebagai satu rakan kongsi, sebagai satu rakan seperjuangan yang konsep moderatannya, falsafah sederhananya boleh diterima oleh sebilangan majoriti rakyat Malaysia yang sekarang ini sedang mencatatkan kecemerlangan untuk kita menerokai dunia di masa akan datang.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dan mengucapkan ribuan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Menteri diminta jawab.

8.18 mlm.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-

ahli yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan pembentangan Rang Undang-undang Akta Pertubuhan (Pindaan) 1993.

Saya suka menjelaskan bahawa Rang Undang-undang ini dibawa bukan dengan tujuan dan hasrat untuk mempolitikkan kedudukan ini atau untuk diambil faedah oleh UMNO. Ini adalah satu peruntukan yang boleh digunakan bila-bila masa bagi tujuan untuk mentadbirkan harta-harta yang telah diambil alih oleh pihak O.A.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak adil Yang Berhormat dari Kok Lanas yang mengatakan bahawa ini adalah satu rompak. Ianya adalah dilakukan mengikut proses undang-undang dan dibentangkan kepada Dewan yang mulia ini untuk dibahas dan dibincangkan. Ianya tidak dilakukan bertentangan dengan saluran undang-undang. Inilah masalah yang dihadapi oleh pihak Semangat 46, golongan yang pada hari ini bercakap dan berasa kesal tentang UMNO asal yang telah terkubur adalah sebenarnya golongan yang menyebabkan UMNO asal itu terkubur.

Adalah satu penyesalan yang mereka lakukan, satu perkara yang tidak boleh diampuni oleh orang-orang Melayu dunia dan akhirat oleh kerana mereka telah menyebabkan wadah perjuangan orang Melayu pada satu ketika malap dan terhakis. Mereka telah menyebabkan kedudukan dan perjuangan orang Melayu tercemas dan terancam. Pada masa ini mereka pula ingin menjadi pejuang kepada kedudukan UMNO asal. Yang sebenarnya menjadi pejuang kepada UMNO asal adalah UMNO yang ada pada hari ini. (*Tepuk*)

Ini adalah juga strategi yang dimainkan oleh Semangat 46 bercakap "bergah-gah", dia bercakap kuat-kuat konon hendak menggunakan soal dunia dan akhirat tetapi bila tiba soal jawapan dia lari. Saya menganggap bahawa segala perkara yang kita lakukan dalam meminda undang-undang ini ia adalah satu cara terbaik bagi membolehkan pentadbiran harta-harta itu dapat dijalankan dengan berkesan, efektif dengan tujuan untuk menghasilkan sesuatu yang boleh mendatangkan manfaat kepada ahli-ahli UMNO. Jika kita teliti Rang Undang-undang ini kita dapati bahawa Rang Undang-undang ini tidak memindakan ataupun mengambil alih hak mana-mana orang yang menganggap ia berkepentingan daripada mengambil tindakan mahkamah atau membawa perkara-perkara yang mereka tidak berpuas hati kepada mahkamah yang boleh memutuskannya dengan seadil adilnya.

Tuan Yang di-Pertua, pada saya Yang Berhormat dari Gua Musang, Yang Berhormat dari Kok Lanas telah sendiri tahu bahawa kalau mereka tidak mengikut nafsu dan kepentingan peribadi, bahawa pada hari ini UMNO tidak akan diharamkan dan soal pemindahan dan soal harta UMNO tidak akan wujud dan ia tidak akan menjadi masalah yang kita sama-sama hadapi.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bertujuan untuk memberikan senarai dan soalan-soalan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat dari Kok Lanas oleh kerana saya lihat Yang Berhormat dari Kok Lanas tidak membuat dia punya homework, dengan izin, dan oleh itu dia datang ke Dewan yang mulia ini untuk mendapatkan saya bagi memberikan maklumat berkenaan perkara-perkara itu secara terperinci.

Undang-undang ini bukan undang-undang UMNO. Undang-undang ini dibuat untuk meminda bagi memberikan kuasa-kuasa tertentu ataupun untuk memudahkan pemindahan harta-harta bagi kepentingan mana-mana pertubuhan tidak semestinya pertubuhan itu UMNO sahaja.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya suka mengambil peluang untuk menjawab secara satu-persatu perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kok Lanas. Berkenaan dengan Perkara 13 (1) Perlembagaan Malaysia, suka saya jelaskan dalam satu kes yang diputuskan oleh Privy Council yang bernama *Government of Malaysia and Another versus Selangor Pilot Association 1977* yang dilaporkan di IMLJ Halaman 133, dengan izin, saya suka mengambil ungkapan keputusan mahkamah:

"It does not follow that every provision which leads to deprivation of property also amounts to compulsory acquisition or use".

Di dalam Perkara 13 ia melibatkan compulsory acquisition. The decision was reversed, ini keputusan yang dibuat pada masa itu oleh Hakim Abdul Hamid bin Omar pada masa itu. Keputusan itu kemudiannya ditolak oleh Mahkamah Persekutuan dan apabila ianya dirayu di Privy Council, Privy Council tidak bersetuju dengan Mahkamah Persekutuan dan mengatakan sebagaimana yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi. Oleh itu adalah tidak munasabah untuk mengatakan bahawa kita tidak mempunyai alasan kukuh ataupun kita telah mengambil tindakan yang bertentangan dengan peruntukan Perkara 13 di dalam Perlembagaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita perhati dan lihat baik-baik peruntukan 17B ini dan 17B (4) sebelum ini pun tidak ada. Ianya dibawa di dalam pindaan pada tahun 1988. Oleh itu kita perlu lihat apakah tujuan diadakan 17B. Tujuannya ialah untuk mengawal pemindahan keseluruhan aset-aset sesebuah persatuan lama kepada satu persatuan baru. Sedangkan 17B (4) pula apabila dibaca dan dilihat kembali tujuan pokok ataupun tujuan substantive tidak memperlihatkan bahawa ia menyokong kehendak dan tujuan yang terkandung di bawah 17B, bermakna ia bertentangan dengan tujuan Seksyen 17B diwujudkan. Dengan itu ia tidak sesuai untuk dikekalkan, sebab itulah Kerajaan setelah meneliti, ia berpendapat bahawa peruntukan ini perlu dimansuhkan. Apabila peruntukan ini dimansuhkan, ahli-ahli daripada pertubuhan yang lama, yang tidak menjadi ahli kepada pertubuhan baru tidak perlu untuk menyumbangkan apa-apapun kepada pembayaran hutang.

Masalah yang kita hadapi, Yang Berhormat dari Kok Lanas, oleh kerana dia tengok kepada kekayaan. Bila sudah tengok kekayaan dia sudah naik, saya fikir perkataannya mungkin "gelojoh" yang digunakan. Dia pun ingat adalah sesuatu yang dia hendak terima, yang dia boleh dapat, yang boleh difaraidkan untuk kepentingannya. Sebenarnya dia tidak langsung memikirkan, kalau kita hendak mendapatkan sesuatu sumbangan, kita hendak mendapatkan harta, kita patut tahu juga sama ada UMNO lama mempunyai hutang. Kalau ia mempunyai hutang yang lebih, pasal apa Yang Berhormat dari Kok Lanas tidak bercakap yang dia rela dunia akhirat untuk menyumbangkan dan

membayarkan bagi menghapuskan hutang UMNO. Tidak ada langsung. Cakap berkenaan hendak terima. Lepas itu tidak tahu pula fakta-fakta—hendak suruh saya beri. Macam itu baik saya duduk sebelah dia—bercakap untuk memberikan maklumat-maklumat tersebut. Buat penyelidikan (research) sedikit, mungkin boleh dapat maklumat yang lebih sahih yang boleh digunakan.

Oleh itu pada saya, kalau kita tidak bersetuju. . . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Arau bangun, Arau bangun.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Dari segi hukum Islam, saya ingin bertanya, tadi ada satu kenyataan yang saya kurang pastilah tetapi agak melulu, saya setuju dengan Yang Berhormat bahawa kenyataan tersebut agak melulu yang dia tidak menghalalkannya dunia dan akhirat. Jadi perkataan ini apa dia dari segi hukum Islam? Sebab harta ini bukan sebenarnya harta yang sepenuhnya kita punya. Jadi, bahagian mana yang dia tidak halalkan dunia akhirat itu? Ataupun sekiranya benda itu benda berhutang, dari segi Islam apa pula hukum orang yang mengeluarkan kenyataan yang demikian rupa?

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada. . . . Arau. Bukan lupa Yang Berhormat, pasal saya nampak tadi Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan. Yang Berhormat daripada Arau minta, pada pandangan saya Tuan Yang di-Pertua. . . . (Disampuk) (Ketawa).

Kita memang sama-sama “geng”, tetapi DAP tidak usah hendak “cuba semangkuk” di sini. (*Ketawa*) Ini hal kita sahaja.

Dia soal tidak halalkan sehingga dunia akhirat ini, saya sendiri tidak faham oleh kerana tidak mempunyai maklumat, soalnya bukan hak kita, belum menjadi hak kita, macam mana dia boleh halalkan dunia dan akhirat. Bukan hak dia dan dia tidak mempunyai hak. Kita mesti tahu dalam kedudukan undang-undang, ahli-ahli sesebuah pertubuhan tidak mempunyai perhubungan kontrak dengan pertubuhan itu. Oleh itu ia tidak mempunyai hak ke atas harta-harta alih atau tak alih secara spesifik. Oleh kerana dia tidak mempunyai hak ke atas harta alih secara spesifik, mana pula dia boleh halalkan atau haramkan kedudukan itu. Jadi pada saya Yang Berhormat dari Kok Lanas tadi hanya cuba mendapat political mileage yang boleh digunakan apabila dia fikir hendak adakan pilihan raya.

Jadi, tidak usahlah kita kkuatir oleh kerana dia bukan seorang authority yang boleh menghalalkan atau tidak memberikan kita keizinan untuk dipindah milik harta-harta ini. Lagi pula, untuk pengetahuan Yang Berhormat dari Arau, ini pasal “haus” saya tahu Arau. (*Disampuk*) Sabar sikit. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Arau, segala keputusan yang akan dibuat dari segi pembahagian harta ini bukan dilakukan sewenang-wenangnyanya. Ianya perlu diluluskan oleh mahkamah. Mahkamah apabila ia hendak membuat sesuatu keputusan ia mestilah mengikut lunas undang-undang. Dengan sebab itu saya tidak nampak bagaimana ianya boleh dilakukan dan menyalahkan dan

memberikan suatu tanggungjawab kepada saya untuk tentukan bahawa segala yang berlaku, sayalah yang bertanggungjawab kepadanya.

Kepada saya sebagai seorang Islam, semua kita bertanggungjawab di atas menegakkan kebenaran. Dalam soal ini, pada pihak Kerajaan apa yang kita lakukan adalah hanya meminda Akta ini. Kita belum lagi pindah, ini adalah dalam memberikan kuasa kepada pihak O.A. untuk melakukannya mengikut lunas undang-undang, mengikut Seksyen 17. Bukan dengan ambil alih terus kepada UMNO Baru oleh kerana UMNO Baru memohon—tidak. O.A. mesti berpuas hati bahawa segala permohonan ini memenuhi syarat-syarat dan peruntukan yang terkandung di dalam Akta Pertubuhan. Oleh itu, kita perlu jelas dalam hal ini, jangan kelirukan soal-soal sebenar dengan soal-soal sampingan. Jadi, Yang Berhormat dari Arau, terima kasih di atas penjelasan yang diminta dan saya harap penjelasan yang sebenarnya patut didengar oleh Yang Berhormat dari Kok Lanas tetapi Yang Berhormat dari Kok Lanas telah pun mencabut.

**Tuan Shahidan bin Kassim:**  
(*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Dia bangun lagi.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Penjelasan dari Arau kepada calon Ketua Pemuda. (*Ketawa*) Apakah Yang Berhormat boleh memberi alasan macam ini kepada Yang Berhormat dari Kok Lanas? Saya ingin bertanya iaitu semasa beliau ada dalam UMNO dan saya juga dalam UMNO pada masa tersebut. Sekiranya, ahli-ahli UMNO yang berhenti, dia masuk ke S46 ataupun DAP tetapi tidak ada ahli UMNO masuk DAPlah. Ada ahli yang

masuk PAS. Adakah Ahli-ahli UMNO yang berhenti menjadi ahli, dia masuk PAS, dia boleh datang dan menuntut hak. Saya ingat itu jawapan yang paling tepat untuknya. Tidak ada ahli-ahli UMNO yang berhenti kemudian datang untuk menuntut beberapa bahagian bangunan yang dia ada dan sebagainya. Apakah itu boleh dibahagi tambahan ulasan kepada dia berhubung dengan kedudukan sebenar harta ataupun hutang UMNO? Ada pun kalau sekiranya ahli berhenti, boleh atau tidak ahli itu dihukum balik yang dia mesti bayar hutang?

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Arau yang bijaksana, yang menambahkan lagi hujah-hujah saya tadi. Pada saya, kalau kita lihat dari segi keadilan dan kesaksamaan, kalau kita hendak mengagihkan harta-harta mengikut peraturan pertubuhan atau ia perlu dibahagikan sama rata di antara ahli-ahli, ia akan melahirkan ketidakadilan ataupun ketidakaksamaan kerana ia boleh mengakibatkan seorang yang telah menjadi ahli selama 40 tahun mendapat kongsi atau bahagian yang sama dengan seseorang ahli yang menjadi ahli beberapa bulan. Oleh itu, ini boleh mengakibatkan ketidakadilan. Dengan pindaan ini yang kita lakukan, ia memansuhkan peruntukan itu dan apabila dibuat, permohonan yang diluluskan oleh mahkamah terpulang kepada mahkamah untuk menentukan pembahagian, jika ada, dengan seadil adilnya. Sebab itu, jelaslah tadi kalau Yang Berhormat dari Arau mengikuti apa yang saya katakan sebelum ini.

Yang Berhormat dari Kok Lanas hanya bercakap berkenaan dengan mendapatkan harta sedangkan ahli lama, kalau dia hendak terus mendapat faedah, dia patut juga menyumbangkan

kepada pembayaran hutang. Dan Yang Berhormat dari Kok Lanas tidak langsung menyebutkan perkara berkenaan dengan pembayaran hutang. Misalnya, kita mempunyai hutang, contohnya hutang sebanyak RM500 milion dan kita mempunyai aset bernilai hanya RM300 milion. RM200 milion itu boleh atau tidak, Yang Berhormat dari Kok Lanas bayar? Dia tidak boleh menuntut tetapi dia juga perlu dituntut.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kota Setar bangun.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Saya dari Kota Setar. (Ketawa) Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Akta ini adalah untuk semua pertubuhan tetapi apa yang dibangkitkan ini seolah-olah Akta ini untuk Akta UMNO. Tetapi kalau untuk UMNO, saya harap Yang Berhormat pinda, maka pegawai pemegang harta itu, pegawai pemegang hutang itu atau mana pegawai-pegawai lain hendaklah menyediakan satu skim membayar hutang oleh ahli-ahli lama untuk mendapatkan kelulusan Mahkamah Tinggi. Bagaimana?

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kota Setar sudah pun menjawab. Tujuan Akta ini jelas sekali. Akta ini boleh diguna-pakai untuk mana-mana pertubuhan. Ia tidak berhubung-kait dengan UMNO sahaja. Kalau ada perkara ini secara kebetulan. (Tepuk) Saya suka bercakap. . . .

**Seorang Ahli:** Betul!

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Memang kebetulan. Yang Berhormat dari Tanjong apa pun yang saya cakap, Yang Berhormat tidak bersetuju. Tadi, saya dengar Yang Berhormat sudah putar belitkan segala perkara-perkara berkenaan dengan CULS. CULS itu Yang Berhormat untuk pengetahuan. Kita tidak panggil "C-U-L-S" kepada CUALS.

**Tuan Shahidan bin Kassim:**  
(*Bangun*)

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Jadi, saya akan jawab, Yang Berhormat, kerana saya akan beri sekejap lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Arau bangun lagi.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya hendak ganggu sampai 8.30 malam. (*Ketawa*) Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Saya hendak bertanya adakah Yang Berhormat boleh tumpang kepada DAP dan juga S.46? Ada atau tidak mereka beri apa-apa habuan ataupun apa-apa dividenkah atau apakah, mana-mana Ahli DAP dan juga S.46 yang berhenti sekarang? Ramai ahli S.46 yang berhenti masuk UMNO. Ramai ahli-ahli DAP yang berhenti masuk MCA. Adakah S.46 ataupun DAP, dia juga ada bangunan? Atau apakah, tidak kiralah apa harta—Bukit Cinakah atau mana-mana? Yang dia ada harta, dia membahagi-bahagikan kepada ahli-ahli yang berhenti. Saya sebenarnya tidak campur tangan hal DAP tetapi apabila saya dengar cerita DAP hendak campur tangan hal UMNO, kita pun campur tangan dalam hal ini. Saya hendak bertanya adakah DAP beri? Kalau DAP tidak beri, ini maknanya dia "double standard" sekali lagi. (*Tepuk*)

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh jawab bagi pihak DAP kerana DAP, dia punya rahsia suka sembunyi. UMNO ini adalah satu parti yang terbuka dan Kerajaan kita terbuka. (*Tepuk*) Ahli-ahli DAP pun yang pergi, terpaksa pergi. Tidak pernah sekali kalau ada endangered, dengan izin, Ketua Pembangkang memang tidak survive punya. Jadi, tidak usahlah kalau Yang Berhormat dari Arau mengatakan, kita biarkan hal dia duduk macam itu. Tetapi saya tengok dia cuba hendak main peranan politik UMNO dan saya fikir ini merbahaya. Kerana DAP sudah mula mencampuri dalam hal ehwal politik UMNO dengan mengaitkan semua hal UMNO ini, bila DAP yang berminat? Dan sekarang, semua bawa macam-macam untuk mencemar dan menghina nama baik Kerajaan dengan cuba menghakiskan keyakinan kepada peribadi pemimpin-pemimpin di dalam UMNO. Jadi, saya suka menasihatkan DAP jaga parti baik-baik. Jangan beri anak-beranak sahaja. Beri kita mengagihkan kepada seluruh ahli-ahli dengan adil macam mana UMNO buat. Kalau menang dalam pemilihan, bagus. Kalah pun, tidak apa.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
(*Bangun*)

**Timbalan Yang Di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Parit Sulong bangun.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam kenyataan Yang Berhormat Menteri tadi mengenai DAP masuk campur dengan UMNO ini. Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat Menteri. Saya terbaca laporan pada hari ini dan semalam yang mengatakan bahawa seorang pemimpin DAP tidak

berani sebut nama. Kerana sebut nama, dia kena pecat. Dan ahli DAP ini tidak boleh lawan dengan Setiausaha Agung. Lawan presidennya, tidak apa. Jadi, dia mengatakan sekarang ini DAP dengan Semangat 46 ada tengah berlanggak. Dia bangun pada hari ini untuk menuduh UMNO semuanya oleh kerana dia hendak cuba bayangkan kepada public bahawa dia dengan S.46 ini baiklah. Bermakna berabang-aliklah. Kalau orang Cina, negeri Johor—kata “abang-alik”. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Menteri mengenai itu?

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Yang Berhormat dari Parit Sulong, saya tengok saya kesian Semangat 46 oleh kerana Semangat 46 tertarik dengan Yang Berhormat dari Tanjong. Yang Berhormat dari Tanjong ini, dia pandai putar belit. Kena jaga-jaga sedikitlah. Jadi, tak susahlah kita ini. . . . Dia tidak akan ada. . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan. Yang Berhormat Menteri Undang-undang sedang mengumumkan dia calon untuk jawatan Ketua Pemuda. Dia perlu naik modal politik tetapi janganlah cuba menggunakan DAP untuk menaikkan modal politik. Cari modal politik sendiri. Kita di sini, kita mahu menegaskan kita tidak ambil apa campur tangan hal ehwal UMNO itu. Itu hal ehwal UMNO, kita tidak akan campur tangan dan tidak pernah campur tangan sekarang dan pada masa akan datang. Kita tidak campur tangan oleh kerana itu hal ehwal UMNO. Tetapi jangan oleh kerana pencalonan Yang Berhormat Menteri Undang-undang sebagai Ketua Pemuda, mahu menggunakan DAP untuk menaikkan modal (capital). Itu perlu ada kepercayaan keyakinan kepada sendiri. Jangan begitu cari “cheap political mileage”.

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Itu sudah campur tangan. (*Ketawa*) Yang Berhormat, itulah saya kata berputar-belit bercakap. (*Ketawa*) Saya sudah sebutkan tadi Yang Berhormat kalau tidak ada apa-apa hendak cakap, baik duduk. Ini campur tangan. Kalau bercakap berkenaan Ketua Pemuda UMNO bermakna itu bercakap dengan UMNO. (*Tepuk*) Jangan bercakap berkenaan UMNO.

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Hendak beri jalan lagi?

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita tidak agak-agak untuk mempertahankan kedudukan kita apabila kita dituduh dengan palsu oleh kerana seorang yang mahu dicalonkan untuk Ketua Pemuda, jangan fikir oleh kerana seseorang mahu pencalonan sebagai Ketua Pemuda bahawa beliau ada hak untuk buat apa-apa tuduhan terhadap DAP.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Diganggu*) Nanti, nanti, saya mahu habiskan dan DAP tentu akan memberi pendirian sendiri. Jangan!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, nanti dahulu. Yang Berhormat boleh minta penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya mahu minta penjelasan. Ya, itu senang.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tetapi nampaknya ini bukan penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya boleh minta penjelasan, senang, senang! Bolehkah. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Soallah terus!

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan, soal, penjelasan. Adakah. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, jangan beri campur tangan pun—MCA. Janganlah campur tangan MCA. (*Diganggu*) UMNO tidak perlu campur tangan. MCA. (*Diganggu*) Saya harap Yang Berhormat Menteri Undang-undang janganlah. . . . .

**Timbalan yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti dahulu, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** . . . . . tarik hal yang luar, extraneous factor di dalam perkara ini. (*Diganggu*) Jangan tarik hal yang luar bahawa apabila buat tuduhan-tuduhan kepada kita, apabila kita jawab katalah itu campur tangan. Kalau mahu buat tuduhan kepada kita, rela menghadapi apa-apa balasan daripada kita. Bukan kita mahu campur tangan tetapi untuk. . . . (*Pembesar suara dipadamkan*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Teruskan. (*Diganggu*) Kalau pihak yang bekenaan tidak berminat hendak soal, teruskan.

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Dia soal katak itukan, manusia tidak dengar. Jadi, kita balik kepada Yang Berhormat. Saya hendak cakap Yang Berhormat, jangan cuba beri saya amaran. Saya tidak pernah takut balasan manusia. Hanya balasan Tuhan yang saya takut. (*Diganggu*) Jangan gunakan perkara semacam itu, jangan beri warning. (*Diganggu*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Teruskanlah Yang Berhormat.

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Yang Berhormat, Yang Berhormat telah mencaci UMNO. Yang Berhormat bercakap berkenaan perkara-perkara yang saya tahu palsu dan tidak benar.

**Tuan Lim Kit Siang:** Jawab!

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Nanti saya jawab tetapi Yang Berhormat kaitkan soal itu kepada UMNO bermakna Yang Berhormat sudah campur tangan dalam hal UMNO. (*Tepuk*)

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Menyanggah*)

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Ini saya bawa Tuan Yang di-Pertua. . . . (*Diganggu*) . . . . saya tidak beri jalan, (*Diganggu*) saya tidak beri jalan. (*Diganggu*) Saya tidak beri jalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Menyampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ketua Pembangkang, (*Diganggu*) diingatkan sabar dan tertib. Kalau Menteri tidak beri jalan, maka teruskan. (*Diganggu*)

**Tuan Lim Kit Siang:** Sampai sekarang perlu pertolongan MCA. (*Disorak*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Itu terserah. Itu cuma mencerminkan peradaban Yang Berhormat Ketua Pembangkang. (*Disorak*) Teruskan, jangan hiraukan cakap tepian yang tidak bermakna. Teruskan.

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, saya kasihan. Seorang yang berpengalaman sebagai Yang Berhormat ini, tidak tahu adab dan adat dalam Dewan. Tetapi saya cuba, saya bercakap kalau yang benar itu, Yang Berhormat terimalah.

Yang Berhormat tadi kritik teruk-teruk, saya tidak ada masuk campur. Sekarang masanya bagi saya pula menjawab. Apabila saya menjawab, Yang Berhormat kena terima. Yang Berhormat pukul UMNO, kita boleh senyap sahajakah? *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua, orang yang paling terakhir sekali kalau ada satu manusia di dalam dunia untuk saya meminta pertolongan bagi bertanding di dalam UMNO ialah Yang Berhormat. *(Tepuk)* Tidak payah.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat daripada Tanjong ini belajar sabar sedikitlah ya, jadi boleh saya jawab elok-elok soalnya yang berpusing-pusing.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Arau lagi ini.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Dari beberapa kenyataan yang telah dikeluarkan beberapa hari yang lepas dan sebentar tadi, apakah Yang Berhormat bersetuju dengan kita bahawa DAP sekarang cuba campur tangan dalam hal ehwal UMNO. *(Sorak)* *(Tepuk)* Ha! Siapa hendak lawan saya, silalah. *(Diganggu)*

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah benar DAP sebenarnya cuba campur tangan hal ehwal dan juga rumah tangga UMNO. Sebab apa, mereka cuba hendak melarikan daripada isu yang berlaku di dalam parti sendiri. *(Ketawa)* Hendak lari bahawa parti ini dipimpin oleh seorang diktator bersama pembantu kanan anaknya dan juga rakan-rakannya yang lain. *(Ketawa)*

**Seorang Ahli:** Saya ingat dia hendak lari ke Bukit Cina.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Ha! Bukit Cina.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, jangan cuba berdialog di sini.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya bukan bercakap ini, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa DAP sebenarnya telah cuba campur tangan dengan hal ehwal dan juga rumah tangga UMNO. Buktinya, besok DAP akan membawa usul mengenai hal ehwal yang melibatkan UMNO. *(Diganggu)*

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, ini perkara biasalah untuk DAP. Jadi, kita tidak hairan kerana DAP pada masa ini, kalau dia tidak bawa isu-isu macam ini, apa lagi dia ada. *(Tepuk)* Jadi, tak apalah. Fasal dia pun kita kena menjustifikasikan (justify) bayaran gaji kepada mereka dan elaun-elaun itu. Jadi, eloklah dia bercakap sedikit-sedikit. *(Diganggu)* Apabila dia hendak penjelasan, mintalah penjelasan. Jangan duduk dekat situ, lepas itu bercakap. *(Diganggu)* Minta penjelasan boleh.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bukan, saya rasa Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanyalah bagi memberikan dia peluang sedikit untuk mencari notanya yang sudah hilang. Tetapi adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa Rang Undang-undang ini adalah untuk kepentingan UMNO sahaja.

**Seorang Ahli:** UMNO Baru.

**Tuan Lim Guan Eng:** Khususnya, sungguhpun yang tersirat di sini ialah kekayaan. *(Ketawa)* UMNO dan kekayaan adalah sama. Tadi saya

bertanya semasa Yang Berhormat Menteri membenarkan saya, tentang harta benda luar biasa. Saya rasa Yang Berhormat Menteri amat berminat dalam perihal harta benda luar biasa kerana ada kaitan secara langsung dengan peluang Yang Berhormat Menteri untuk menang Ketua Pemuda UMNO. Di sini Yang Berhormat Menteri pernah bercakap bahawa meminta surat khabar menonjolkan kelemahan seseorang calon dalam Pemuda UMNO. Di sini saya hendak kata saya memang bersetuju. Saya memang bersetuju. Tetapi ini bukan campur tangan, (*Diganggu*) tetapi sebagai seorang Menteri yang bertanggungjawab ke atas perkara ini, adakah beliau akan menjamin bahawa seseorang yang mempunyai harta benda luar biasa sama ada dalam pertubuhan atau seorang pemimpin, akan diambil tindakan. Sungguhpun, dia seorang pemimpin tertinggi UMNO seperti Ketua Menteri Melaka, kawan baik kepada yang Berhormat Menteri. (*Tepuk*)

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Saya cakap, apa yang saya kata terbukti. Jadi, DAP masuk campur, tak usah. Apabila DAP punya pemilihan, bercakap fasal kekuatan Yang Berhormat, sekarang ahli-ahli parti pun, Pemuda DAP ada tidak berapa senang dengan Yang Berhormat. (*Tepuk*) Sudah jadi hallah. Jadi, saya hendak cakapkan dan saya hendak membuat pembetulan. . . . .

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Gerik bangun.

**Beberapa Ahli:** Sila jawab, sila jawab.

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Saya habiskan dahulu, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*) (*Diganggu*) Saya tidak pernah, kalau Yang Berhormat baca statement saya, saya kata adalah di dalam sejajar dengan dasar Kerajaan sekarang bersifat terbuka, transparent dan peranan yang dimainkan oleh akhbar adalah penting untuk mendedahkan supaya kita dapat membetulkan keadaan yang dianggap kurang baik. Tetapi DAP tidak pernah buat macam itu. Tetapi sekarang Yang Berhormat daripada Kota Melaka, dia sudah pusing, calon pula dia pergi. (*Ketawa*) Terima kasihlah kalau Yang Berhormat fikir saya hendak minta bantuan Yang Berhormat, tidak usahlah. (*Diganggu*) Tidak payah. (*Diganggu*)

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Gerik bangun Yang Berhormat. Tetapi nampaknya masa sudah suntuk. (*Diganggu*) Singkatkan, singkatkan ada satu minit.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada beliau sedar bahawa apabila kita membuat pindaan kepada undang-undang, ianya dibuat apabila timbul satu-satu masalah. Bermakna setiap masalah yang kita hadapi dan perlu kepada pindaan, kita buat. Tetapi apabila misalnya Negeri Kelantan menghadapi masalah, Sabah menghadapi masalah, mereka buat undang-undang anti lompat. Kita tidak pernah dengar DAP bawa masalah ini dalam akhbar ataupun dalam Parlimen. (*Tepuk*) Bermakna DAP juga "double-standard". Adakah Yang Berhormat setuju?

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Saya bersetuju DAP "double-standard". . . . .

**Timbalan yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Menteri, nampaknya masa sudah suntuk. Yang Berhormat Menteri diminta sambung esok. (*Ketawa*)

#### UCAPAN PENANGGUHAN

##### Pembinaan Padang Golf di Kawasan Hutan Asli di Bukit Fraser dan Jelebu

8.30 *mlm.*

**Dr. Kua Kia Soong (Petaling Jaya):** Tuan Yang di-Pertua, pada 1hb Julai 1993, Ketua Pengarah FRIM (Institut Penyelidikan Hutan Malaysia), Dato' Dr. Salleh Mohd. Nor telah mengeluarkan satu kenyataan yang serius dan menggemparkan di London. Beliau mendakwa bahawa FRIM tidak berkuasa untuk menghalang kerja-kerja pembersihan kawasan hutan asli yang luas untuk pembinaan dua padang golf. Kawasan hutan asli yang dimaksudkan itu terletak di Bukit Fraser dan juga di Jelebu, iaitu Forest Hills & Country Resorts, milikan Rekacantik, pimpinan Soh Chee Kwen, anggota Majlis Perbandaran Petaling Jaya, merangkap Pengerusi MCA cawangan Petaling Jaya dan anak buah Presiden MCA ataupun Menteri Pengangkutan. . . . .

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui):** (*Bangun*)

**Dr. Kua Kia Soong:** Sudah habis, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Baik.

**Beberapa Ahli DAP:** Jawab! Jawab!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Kuorum tak cukup, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kalau macam itu, tolong bilang.

**Beberapa Ahli DAP:** (*Menyampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, sabar. Bunyikan loceng.

*Loceng dibunyikan.*

*(Ahli-ahli dikira, kurang daripada 26 Ahli hadir)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana kekurangan kuorum, Majlis Mesyuarat terpaksa ditangguhkan hingga 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 8.33 malam.*